

**PENGUNDERAITAN DALAM PRODUK TAKAFUL KELUARGA:
KAJIAN DARI PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM**

AISYAH BINTI MUSTAFA

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2015**

**PENGUNDERAITAN DALAM PRODUK TAKAFUL KELUARGA:
KAJIAN DARI PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM**

AISYAH BINTI MUSTAFA

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2015**

ABSTRAK

Dalam operasi insurans, pengunderaitan adalah proses yang amat penting bagi menentukan kadar bayaran premium yang bakal dikenakan kepada individu yang ingin diinsuranskan. Proses ini melibatkan penaksiran dan pemeriksaan terhadap individu bagi menetapkan kadar dan kelas risiko. Syarikat takaful mempunyai amalan yang sama dengan syarikat insurans dalam proses pengunderaitan. Jika amalan pengunderaitan yang diamalkan di syarikat takaful adalah sama seperti syarikat insurans, ini bermakna segala isu yang dihadapi oleh syarikat insurans yang berkaitan dengan proses pengunderaitan berkemungkinan juga berlaku dalam syarikat takaful. Dalam insurans, isu pengunderaitan yang mengambil kira faktor jantina dan latarbelakang keluarga dilihat sebagai tidak adil oleh sarjana insurans. Takaful juga mengguna pakai kaedah pengunderaitan yang sama. Proses pengunderaitan yang rigid juga boleh menyekat penyertaan orang ramai untuk menyertai takaful. Oleh itu, fokus utama kajian ini adalah untuk mendapatkan pandangan syariah mengenai amalan pengunderaitan yang dilakukan dalam industri takaful sama ada ia menepati syariah ataupun tidak. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian lapangan dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian melalui buku-buku, kertas kerja, dan jurnal. Manakala kajian lapangan dilakukan dengan menggunakan metod temubual. Temubual ini dijalankan bersama pengunderait di syarikat takaful terpilih dan beberapa orang penasihat syariah. Hasil kajian ini mendapati bahawa proses pengunderaitan di syarikat takaful bertepatan dengan prinsip syariah.

ABSTRACT

In the insurance operations, underwriting process is important to determine the premium rate that would apply to individuals who want to be insured. This process involves the assessment and examination of the individual to fix the rates and risk classes. Takaful operator has similar practices with insurance companies in the underwriting process. If underwriting practices adopted by the takaful operator is similar to an insurance company, it means that all the issues faced by insurance companies related to the underwriting process may also occur in the takaful. In insurance, the use of gender and family background in underwriting issues are seen as unfair by insurance experts. Rigid underwriting process can also restricts the participation to participate in takaful. Strict evaluation in this application will cause the imperfect healthy applicants to be rejected. There is also a view states that underwriting practices is against the concept of mutual help in takaful. Therefore, the main focus of this study is to gain shariah's insight on underwriting practices whether it is according to the shariah or not. Library research was used to obtain information from books, paper and journals. The field study conducted using interview method. Interviews are conducted with the underwriters in takaful operator and a number of Shariah advisors. This analytical study found that the underwriting process practiced in the takaful is accordance with Islamic principles.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi di atas kurnian dan anugerahNya. Selawat dan salam khas buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat Baginda serta pejuang-pejuang Islam seluruhnya.

Pada kesempatan ini, pengkaji ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Syariah dan Ekonomi khususnya kepada Dr. Asmak Ab Rahman selaku penyelia yang telah banyak memberikan sumbangan idea dan tidak pernah jemu dalam memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat kepada pengkaji sehingga berjaya menyiapkan kajian ini..

Seterusnya, ucapan terima kasih kepada keluarga yang sentiasa memberi nasihat terutamanya kepada mak dan ayah yang tidak pernah putus untuk mendoakan yang terbaik untuk kejayaan anaknya. Tanpa doa restu daripada mereka mungkin kajian ini tidak dapat disempurnakan.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada responden yang terlibat secara langsung dalam kajian ini iaitu pengunderait Cik Fadzuin Karuddin, (Great Eastern Takaful), Puan Hazlinda Yahaya (Takaful Ikhlas Sdn. Bhd), Maisara Sasi Abdullah, Puan Najihah Ali (MAA Takaful Berhad), Mohamad Nizam Abdul Hamid (Sun Life Malaysia Takaful Berhad), Noorulaini Yasin (Great Eastern Takaful), serta pegawai-pegawai syariah dari syarikat takaful terpilih, Mohd Bakir Haji Mansor, Ustaz Luqman Abdullah dan Ustaz Wan Jemizan Wan Deraman

Terima kasih kepada semua teman seperjuangan dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu pengkaji menyempurnakan penulisan ini.

Akhir sekali, pengkaji memohon kemaafan dan keampunan dari Allah atas kekurangan atau kesilapan yang terdapat dalam kajian ini. Semoga niat dan usaha yang baik ini mendapat keredhaan Allah S.W.T.

Wassalam.

Aisyah Binti Mustafa
Jabatan Syariah dan Ekonomi
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
aisyah.mustafa@gmail.com

5 Januari 2015.

University of Malaya

DAFTAR ISI

PERKARA

Abstrak	iv
Penghargaan	vi
Daftar Isi	viii
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xi
Senarai Kependekan	xii
Senarai Transliterasi	xiii

BAB SATU Pengenalan

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Masalah kajian	3
1.3	Persoalan Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Kepentingan Kajian	9
1.6	Skop Kajian	9
1.7	Metodologi Kajian	11
1.7.1	Metod Pengumpulan Data	12
1.7.2	Metod Analisis Data	15
1.8	Sorotan Literatur	16
1.8.1	Konsep Takaful Secara Umum	17
1.8.2	Isu-isu dalam Takaful	21
1.8.3	Isu-isu dalam Proses Pengunderaitan	25
1.9	Sistematika Penulisan	29
1.10	Kesimpulan	30

BAB DUA KONSEP PENGUNDERAITAN DALAM INSURANS

2.1	Pendahuluan	32
2.2	Industri Insurans	33
2.2.1	Elemen Yang Boleh Diinsuranskan	33
2.2.2	Kerugian Yang Boleh Diinsuranskan	37
2.2.3	Kerugian Yang Tidak Boleh Diinsuranskan	39
2.3	Proses Pengunderaitan	39
2.3.1	Definisi Pengunderaitan	40
2.3.2	Tujuan Pengunderaitan	41
2.3.3	Objektif Pengunderaitan	42
2.3.4	Anti-Pemilihan	42
2.3.5	Faktor Pengunderaitan Insurans Am	43
2.3.6	Faktor Pengunderaitan Insurans Hayat	44
2.3.7	Insurans Hayat Berkelompok	51
2.3.8	Faktor Pengunderaitan Berkelompok	52
2.4	Kesimpulan	53

BAB TIGA
FAKTOR-FAKTOR PENGUNDERAITAN
DALAM PRODUK TAKAFUL TERPILIH

3.1	Pendahuluan	54
3.2	Pengurusan Dana Dalam Industri Takaful	55
3.3	Pengenalan Produk Takaful Keluarga: Ikhlas Medical Assist Takaful, Takaful Ikhlas	57
3.3.1	Objektif	57
3.3.2	Kelayakan Memohon	57
3.3.3	Manfaat Perlindungan	57
3.4	Pengenalan Produk Takaful Keluarga: MAA Smart Medic, MAA Takaful.	58
3.4.1	Objektif	58
3.4.2	Kelayakan Memohon	58
3.4.3	Manfaat Perlindungan	58
3.5	Pengenalan Produk Takaful Keluarga: i-Great Damai, Great Eastern Takaful	59
3.5.1	Objektif	59
3.5.2	Kelayakan Memohon	59
3.5.3	Manfaat Perlindungan	59
3.6	Pengenalan Produk Takaful Keluarga: CeupacsCare, Sunlife Malaysia Takaful	60
3.6.1	Objektif	60
3.6.2	Kelayakan Memohon	60
3.6.3	Manfaat Perlindungan	60
3.7	Faktor-faktor Pengunderaitan Dalam Produk Takaful	61
3.7.1	Umur	61
3.7.2	Jantina	62
3.7.3	Keadaan Fizikal	63
3.7.4	Sejarah Perubatan	64
3.7.5	Kehidupan Peribadi	67
3.7.6	Latar Belakang Keluarga	68
3.7.7	Pekerjaan	70
3.7.8	Hobi	73
3.8	Keputusan Pengunderaitan	75
3.8.1	Standard	75
3.8.2	Sub-Standard	75
3.8.2.1	Penangguhan	76
3.8.2.2	Pengecualian	77
3.8.3	Penolakan	77
3.9	Pengalaman Pengunderaitan Yang melibatkan Penipuan	79
3.10	Kesimpulan	80

BAB EMPAT
ANALISIS PENGUNDERAITAN DARI
PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM

4.1	Pendahuluan	81
	Perbezaan Kedudukan Dana <i>Tabarru'</i> Dengan Dana Insurans	82
4.2	Analisis Faktor-Faktor Pengunderaitan Dalam Takaful	85
4.2.1	Umur	86
4.2.2	Jantina	88
4.2.3	Keadaan Fizikal	91
4.2.4	Sejarah Perubatan	92
4.2.5	Kehidupan Peribadi	98
4.2.6	Latar Belakang Keluarga	100
4.2.7	Pekerjaan	103
4.2.8	Hobi	105
4.3	Kemudaran Dalam Dana Takaful	106
4.4	Kesimpulan	110

BAB LIMA
KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1	Pendahuluan	112
5.2	Dapatan Kajian	112
5.3	Kesimpulan	117
5.4	Cadangan	119
5.5	Penutup	122
	BIBLIOGRAFI	123
	LAMPIRAN	130

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Senarai Responden
Jadual 1.2:	Ringkasan Kajian-kajian Lepas
Jadual 2.1:	Jadual Kemortalan
Jadual 2.2:	Laporan Kesihatan
Jadual 2.3:	Kelas Pekerjaan
Jadual 3.1:	Ringkasan Faktor-faktor Pengunderaitan yang Digunakan di Syarikat Takaful Terpilih

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1:	Skop Kajian
Rajah 1.2:	Metodologi Kajian
Rajah 3.1:	Borang Soal Selidik Industri Elektrik (Termasuk Telefon dan Telegram)
Rajah 3.2:	Ringkasan Keputusan Pengunderaitan

SENARAI KEPENDEKAN

AIDS	: <i>Acquired Immune Deficiency Syndrome</i>
BMI	: <i>Body Mass Index</i>
<i>et al</i>	: <i>et alii / alia</i> (dan yang lain-lain yang melebihi dua)
F1	: <i>Formula 1</i>
GETB	: Great Eastern Takaful Berhad
GHS	: Group Hospital and Surgical
HIV	: <i>Human Immunodeficiency Virus</i>
IBFIM	: Islamic Banking and Finance Institute Malaysia
<i>Ibid.</i>	: <i>Ibidem</i> (pada tempat yang sama)
Jil.	: Jilid
LIAM	: <i>Life Insurance Association of Malaysia</i>
MC	: <i>Medical Certificate</i>
SAW	: <i>Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam</i>
SWT	: <i>Subhānahū wa Ta‘ālā</i>
Vol.	: <i>Volume</i>

SENARAI TRANSLITERASI

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut:

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	Q
خ	kh	ك	K
د	d	ل	L
ذ	dh	م	M
ر	r	ن	N
ز	z	و	W
س	s	ه	H
ش	sh	ء	,
ص	ṣ	ي	Y
ض	ḍ	ة	H

2. vokal

Vokal Pendek		Vokal Panjang	
(fathah)	a	ا/ى	Ā
(kasrah)	i	ي	Ī
(dommah)	u	و	Ū

Diftong			
اُوْ	aw	وْ	Uww
اَيْ	ay	يْ	Iyy

BAB 1

Pengenalan

1.1 PENDAHULUAN

Setiap manusia di muka bumi ini akan terdedah dengan pelbagai jenis risiko. Tiada siapa yang dapat memberi jaminan kepada dirinya bebas daripada ditimpa segala musibah dan malapetaka. Risiko diertikan sebagai kemungkinan akan berlaku kerugian. Dalam erti kata lain, kemungkinan sesuatu yang diharapkan tidak berlaku tetapi terjadi pula sesuatu yang membawa kepada kerugian.¹ Kemalangan, kematian, bencana alam adalah merupakan antara jenis-jenis risiko dalam kehidupan.

Individu perlu berusaha untuk mengelakkan diri daripada risiko yang dijangka bakal terjadi. Doa dan usaha juga perlu dilakukan dan tidak hanya berserah kepada qada dan qadar Allah. Sebagai agama yang dinamik, Islam mengajar manusia supaya sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi sebarang musibah yang berlaku. Dengan kata lain, tanpa persediaan awal, manusia mungkin akan berhadapan dengan risiko yang lebih berat lagi. Sehubungan dengan itu, risiko-risiko ini perlu diuruskan dengan bijak agar kesannya dapat diminimumkan dan tidak memberi kesan negatif yang mendalam ke atas diri individu.

Islam juga turut meletakkan garis panduan terhadap pengurusan risiko di dalam hadis Rasulullah mengenai seorang Arab Badwi yang bertanyakan Rasulullah s.w.t tentang mana yang lebih baik; meninggalkan untanya tanpa diikat dan memohon agar Allah s.w.t melindungi untanya ataupun mengikat untanya. Rasulullah s.a.w

¹ Athearn, James L., *Risk and Insurances* (New York: West Publishing Co., 1997), 17. Lihat Vaughan, E. J., *Risk Management* (New York: John Wiley & Son, Inc., 1997), 8.

menyuruhnya mengikat untanya dan kemudian barulah bertawakal kepada Allah.² Hadis ini jelas menceritakan tentang mendahulukan ikhtiar dan usaha kemudian bertawakal kepada Allah. Selain daripada itu, Islam mengajar umatnya supaya bersiap sedia terhadap segala ujian yang berlaku. Maka, menjadi kewajipan seorang muslim berusaha untuk mengelak daripada kemungkinan berlakunya musibah yang boleh membahayakan keselamatan diri dan harta benda. Oleh itu, penyertaan individu di dalam takaful boleh dijadikan sebagai salah satu ikhtiar sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

Takaful dan insurans dilihat sebagai sebuah institusi perlindungan yang terlibat dalam pengurusan risiko bagi mengurangkan penderitaan yang mungkin ditanggung oleh individu akibat musibah yang melanda. Melalui takaful, yang merupakan salah satu jalan ikhtiar, ia dapat mengelak daripada berlakunya kemudaratan ke atas diri dan keluarga. Selain itu, amalan ini amat dituntut dalam Islam kerana didalamnya terdapat prinsip saling bekerjasama untuk kebajikan dan kebaikan. Islam juga menetapkan peraturan supaya seseorang itu lebih peka dalam memastikan nyawa dan harta bendanya terjamin dan terpelihara Sabda Rasulullah s.a.w

المؤمن من أمنه الناس على دمائهم و أموالهم

Terjemahan: Sesungguhnya seseorang yang beriman ialah sesiapa yang memberi keamanan (keselamatan dan perlindungan) terhadap harta dan jiwa raga manusia.³

² Abī Bakar Ahmad bin Husain al-Baihaqī, *al-Jāmi' li Shu'bi al-Imān* (Riyāḍ: Maktabah al- Rushd, 2003) no hadis 1161, jil. 2, 428.

³ Muhammad bin Yazid al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, bab hurmatu dam al-mu'min wa māluhu no hadis 3934 (Arab Saudi: Dar Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah), 1298.

Sehingga kini, sebanyak 12 syarikat takaful yang beroperasi di Malaysia.⁴ Ini menunjukkan perkembangan industri takaful yang memberangsangkan dalam menawarkan produk-produk perlindungan kepada orang ramai. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai pilihan bagi setiap individu untuk memperolehi perlindungan daripada syarikat takaful seperti takaful perubatan, takaful pendidikan, takaful anuiti dan sebagainya.

Produk-produk takaful yang ditawarkan adalah memenuhi keperluan individu untuk melindungi diri atau pihak tertentu daripada ditimpa sebarang musibah. Perlindungan yang diperolehi oleh individu bergantung kepada jenis manfaat perlindungan yang dipohon sebelum menyertai takaful.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Kemunculan sistem takaful sebagai instrumen perlindungan merupakan alternatif terbaik kepada umat Islam untuk mengelakkan penggunaan prinsip-prinsip yang dilarang dalam Islam terutamanya bagi pengendalian risiko sesuatu aktiviti.⁵ Takaful adalah antara institusi yang mengamalkan prinsip-prinsip syariah dalam pelaksanaannya dan setiap operasi yang dijalankan perlulah mendapat kelulusan Lembaga Pengawasan Syariah. Selain daripada itu, takaful juga dapat menggalakkan manusia supaya tolong-menolong dan bekerjasama dalam membantu manusia yang ditimpa musibah seiring dengan konsep *ta'āwun* yang diamalkan dalam industri.

⁴“Takaful Operator” laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 20 Mac 2013, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=TKF&fund=0&cu=0>

⁵ Mohd Fauzi Abu dan Kamaruzaman Nordin, “Perkembangan dan Prospek Industri Takaful Global,” dalam *Sistem Takaful di Malaysia Isu-isu Kontemporari*, ed. Asmak Ab. Rahman et al. (Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 83-97.

Namun begitu, penyertaan individu untuk menyertai takaful atau insurans perlu melalui proses pemilihan. Ini kerana pemilihan akan dilakukan untuk mereka yang benar-benar layak sahaja. Proses pemilihan ini adalah bergantung kepada pelan atau produk yang ingin disertai kerana bayaran sumbangan atau premium adalah berlainan di setiap produk dan syarikat.

Dalam operasi insurans, pengunderaitan adalah proses yang amat penting bagi menentukan kadar bayaran premium yang bakal dikenakan kepada individu yang diinsurankan. Proses ini melibatkan penaksiran dan pemeriksaan terhadap individu bagi menetapkan kadar dan kelas risiko.⁶ Secara mudahnya, ia adalah satu proses pemilihan risiko. Pemilihan ini meliputi prosedur menilai maklumat dan sumber-sumber untuk menentukan bagaimana individu akan diklasifikasikan sama ada risiko *standard* atau *sub-standard*.⁷

Syarikat takaful mempunyai amalan yang sama dengan syarikat insurans dalam proses pengunderaitan dan pengkelasan risiko.⁸ Jika amalan pengunderaitan yang diamalkan di syarikat takaful adalah sama seperti syarikat insurans, ini bermakna segala isu yang dihadapi oleh syarikat insurans yang berkaitan dengan proses pengunderaitan berkemungkinan juga berlaku dalam syarikat takaful.⁹ Hal ini boleh menimbulkan kebimbangan dan perlu dikaji terhadap operasi syarikat mengenai amalan proses pengunderaitan yang diadaptasi daripada syarikat insurans itu sama ada menepati syarak ataupun tidak.

⁶ Htay, et al. (2011) "Shariah Scholars' Viewpoint on The Practice of Underwriting and Rating for Individual Participants in Family Takaful", (International Islamic Banking, Finance and Investment Conference, 19-20 Disember 2011).

⁷ Ahamd Mazlan Zulkifli et al., *Asas Amalan Takaful*. (Kuala Lumpur: IBFIM, 2012), 217.

⁸ Tobias Frenz et al., *Takaful and Retakaful: Advanced Principles & Practice*. (Kuala Lumpur: IBFIM, 2010), 67.

⁹ Htay et al., *Shariah Scholars'*, 1-17.

Terdapat kajian barat barat yang menyatakan bahawa wujud unsur ketidakadilan dalam proses pengunderaitan dengan penggunaan faktor-faktor seperti jantina, jenis pekerjaan, latarbelakang keluarga dan lain-lain dalam menentukan pengkelasan risiko. Wouter P. J¹⁰ berpandangan tidak adil untuk mendakwa seorang pemandu lelaki muda dengan mengenakan premium yang lebih tinggi hanya kerana lelaki yang paling muda secara puratanya mempunyai tabiat memandu yang buruk. Kadar premium yang dikenakan harus berdasarkan kepada sejarah dan tabiat pemanduan individu bukan hanya melihat secara purata. Joseph Heath¹¹ pula menyatakan tidak adil menghukum individu untuk keadaan yang berada di luar kawalan atau perkara-perkara yang bukan disebabkan oleh kesalahan individu itu sendiri. Contohnya, bayaran premium yang dikenakan berbeza mengikut jantina. Maka, beliau berpendapat tidak wajar untuk mengenakan bayaran premium yang tinggi kerana penetapan jantina bukan kehendak individu itu sendiri dan ia adalah sesuatu yang diluar kawalan manusia. Beliau juga berpandangan tidak adil untuk mengambil kira penggunaan faktor latarbelakang keluarga dalam menilai risiko pemohon. Beliau berpendapat bahawa syarikat insurans hanya perlu menilai diri pemohon sahaja tanpa melihat keadaan ibubapa pemohon kerana mereka bukan merupakan subjek yang ingin dilindungi oleh syarikat insurans. Daniel E. Palmer¹² dalam kajiannya menyatakan insurans merupakan manfaat sosial dan ia tidak adil untuk mengecualikan permohonan individu berdasarkan pekerjaan yang dilakukan.

¹⁰ Wouter P. J, "Insurance Risk Classification in The EC: Regulatory Outbook." *Oxford Journal of Legal Studies* 14 (1994), 449-467.

¹¹ Joseph Heath, "Reasonable Restrictions on Underwriting," *Research in Ethical Issues in Organizations, Volume 7*, (2007), 127-159.

¹² Daniel E. Palmer, "Risk Assesment and Fairness: An Ethical Analysis." *In Insurance Ethics for a More Ethical World* (Elsevier Ltd, 2007),113-126.

Unsur ketidakadilan yang berlaku dalam proses pengunderaitan dari perspektif barat ini dilihat sebagai suatu masalah yang sering diutarakan oleh masyarakat. Dari sudut syarak, ia dilihat sebagai suatu yang munasabah untuk mengambil kira semua faktor-faktor pengunderaitan ini dalam menentukan kadar risiko dan bayaran premium yang perlu dibayar oleh individu.

Manakala, dari perspektif takaful, Roslinah Daud¹³ berpandangan proses pengunderaitan yang ketat boleh menyekat penyertaan orang ramai untuk menyertai takaful. Penilaian yang rapi dilakukan ke atas setiap permohonan untuk memilih peserta yang benar-benar sihat sahaja akan menyebabkan permohonan seseorang yang ingin menyertai takaful ditolak. Ini kerana syarikat takaful juga akan membuat pemilihan ke atas peserta dengan menggunakan faktor-faktor umur, jantina, jenis pekerjaan, tahap kesihatan dan sebagainya untuk menentukan kelayakan peserta.

Beliau turut menyatakan kebimbangan terhadap proses pengunderaitan yang dijalankan di takaful. Menurut beliau, pemeriksaan kesihatan yang sangat ketat dijalankan untuk menentukan status kesihatan seseorang tidak melambangkan konsep *ta'āwun* dan kerjasama dalam takaful.¹⁴ Sedangkan konsep bantu-membantu dan bekerjasama ini merupakan amalan murni yang dituntut dalam Islam seperti dalam firman Allah s.w.t:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Al-Maidah 5:2

¹³ Roslinah Daud, "Underwriting Family Schemes", ICMIF Takaful. (2009).

¹⁴ *Ibid.*

Terjemahan: Dan hendaklah kamu tolong-menolong membuat kebajikan dan bertakwa, dan jangan tolong-menolong pada melakukan dosa dan permusuhan.

Beliau juga berpandangan bahawa amalan pengunderaitan ini tidak bertepatan dengan semangat tolong-menolong yang diterapkan dalam industri takaful. Ini kerana beliau berpendapat, isu berhubung dengan ketidakadilan menjadi topik yang hangat diperkatakan. Ini dapat dilihat melalui pengamalannya dalam industri insurans.¹⁵ Berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan, pengkaji telah melakukan kajian yang lebih mendalam mengenai proses pengunderaitan ini sama ada ianya bertepatan dengan kehendak syariah ataupun tidak. Pada pandangan pengkaji, kajian mengenai proses pengunderaitan dalam industri takaful masih perlu diterokai. Hal ini kerana pengkaji mendapati bahawa tiada kajian yang menyeluruh mengenai proses pengunderaitan dalam industri takaful. Kebanyakan kajian yang berkaitan dengan takaful banyak tertumpu pada perkembangan produk, kontrak yang digunakan, isu lebihan perkongsian, isu pemilikan dan sebagainya. Kajian mengenai proses pengunderaitan adalah amat penting bagi mengetahui sama ada ia bertepatan dengan prinsip syariah atau sebaliknya. Ini kerana proses tersebut merupakan salah satu daripada operasi syarikat dalam menentukan kadar sumbangan yang dikenakan ke atas setiap peserta.

Dari sudut pensyariatannya, tiada perbincangan yang khusus berkaitan dengan amalan pengunderaitan ini dalam kalangan fuqaha'. Tetapi pengkaji mengaitkannya dengan kaedah fiqhiah dalam membuat analisa di dalam bab 4. Isu ini perlu diberi perhatian yang lebih kerana industri takaful merupakan salah satu alternatif bagi insurans untuk mengelak daripada unsur-unsur yang tidak patuh syariah.

¹⁵ *Ibid.*

Merujuk kepada permasalahan yang dinyatakan di atas, maka pengkaji berusaha untuk membuat kajian yang bertajuk “Pengunderaitan dalam Produk Takaful Keluarga: Kajian dari Perspektif Ekonomi Islam.”

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kenyataan masalah kajian tersebut, terdapat beberapa persoalan yang mendorong pengkaji melakukan kajian ini. Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah proses pengunderaitan yang diamalkan dalam industri insurans?
2. Menilai faktor-faktor pengunderaitan yang digunakan dalam dalam produk-produk takaful?
3. Adakah amalan pengunderaitan ini prinsip syariah ataupun tidak?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam melakukan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti beberapa objektif utama yang hendak dicapai. Objektif kajian ini adalah:-

1. Menenalpasti proses pengunderaitan yang diamalkan dalam industri insurans.
2. Menilai sejauh mana penggunaan faktor-faktor pengunderaitan digunakan dalam produk-produk takaful.
3. Menganalisis proses pengunderaitan dari perspektif syariah.


1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian mengenai proses pengunderaitan dalam takaful keluarga ini sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan baru mengenai salah satu operasi dalam industri takaful dalam proses pemilihan yang dijalankan dalam menentukan kadar sumbangan yang perlu diberikan oleh setiap peserta. Selain daripada itu, ia merupakan salah satu medium terbaik untuk memberi gambaran yang jelas mengenai proses pengunderaitan yang diamalkan di dalam takaful. Penubuhan syarikat takaful adalah satu kejayaan yang besar dalam usaha untuk menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang dilarang oleh syarak. Tambahan pula ia dilihat sebagai instrumen simpanan dan perlindungan yang berlandaskan Islam dengan berpaksikan elemen kerjasama yang tulen menerusi konsep *tabarru'*. Selain itu kita dapat melihat sejauhmana penggunaan konsep *ta'āwun* digunakan dalam proses pengunderaitan dalam sesebuah produk takaful.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian merupakan suatu yang amat penting kerana ia menyatakan ruang lingkup sesuatu penyelidikan yang ditumpukan oleh pengkaji. Kajian ini menumpukan perbincangan terhadap proses pengunderaitan dalam produk takaful keluarga iaitu pelan kad perubatan (*medical card*) di syarikat takaful. Ruang lingkup perbincangan proses pengunderaitan dalam produk takaful keluarga ini dilihat dalam tiga elemen seperti yang terdapat dalam rajah 1.1:

Rajah 1.1: Skop Kajian



Berdasarkan kepada Rajah 1.1, amalan proses pengunderaitan akan dilihat melalui tiga aspek iaitu perspektif industri insurans, perspektif takaful dan perspektif syariah. Bagi perspektif industri insurans, pengkaji akan melihat konsep asas pengunderaitan, tujuan dan faktor pengunderaitan dalam produk insurans. Daripada perspektif takaful, pengkaji akan menumpukan kepada faktor-faktor pengunderaitan yang diamalkan dalam industri takaful. Dalam kajian ini, pengkaji memilih syarikat Takaful Ikhlas, MAA Takaful, Sun Life Malaysia Takaful dan Great Eastern Takaful sebagai sampel kajian. Pemilihan empat buah syarikat takaful ini adalah untuk mengetahui faktor-faktor pengunderaitan yang diamalkan dalam produk takaful keluarga khususnya untuk produk kad kesihatan. Syarikat takaful yang dipilih adalah berdasarkan kepada pencapaian syarikat yang pernah menerima anugerah sebagai pengendali takaful terbaik. Ini kerana

kejayaan yang dicapai itu berkait rapat dengan operasi yang dijalankan untuk menggerakkan perniagaan syarikat tersebut.¹⁶


Manakala pemilihan Sun Life Malaysia Takaful ini dipilih kerana keunikan produk kad kesihatan syarikat tersebut yang mengamalkan proses pengunderaitan yang mudah (*simplified underwriting*) dalam menilai risiko pemohon. Dari perspektif syariah, pengkaji akan membincangkan pandangan pakar syariah mengenai faktor-faktor pengunderaitan yang diamalkan dalam industri takaful.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini adalah satu aspek yang penting dalam sebuah kajian. Metodologi kajian yang baik akan diakhiri dengan sebuah hasil kajian yang boleh dipercayai dan bermutu. Dalam penulisan kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa kaedah atau metode untuk menyempurnakan kajian ini. Metod kajian yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan melalui rajah 1.2.

¹⁶ “Takaful Ikhlas anugerah Pengendali Takaful terbaik”, laman sesawang *Utusan Online*, dicapai pada 13 April 2014, http://www.utusan.com.my/utusan/Korporat/20131018/ko_03/Takaful-Ikhlas-terima-anugerah-Pengendali-takaful-terbaik lihat juga, “GETB pengendali takaful terbaik”, laman sesawang *myMetro*, dicapai pada 13 April 2014, <http://www.hmetro.com.my/articles/GETBpengendalitakafulterbaik/Article>; lihat juga MAA Takaful Berhad laman sesawang *Malaysia International Islamic Financial Centre*, http://www.mifc.com/index.php?ch=ch_directory_takaful&pg=pg_directory_takaful_takaful&ac=121

Rajah 1.2: Metodologi Kajian



Sumber: Diubahsuai daripada Sabitha Marican¹⁷

1.7.1 Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data merupakan proses pengumpulan data dan segala maklumat yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji.¹⁸ Pengumpulan data adalah proses yang berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan dalam kutipan data dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk memperolehi maklumat yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Kebiasaannya, data-data tersebut mempunyai maklumat dalam bentuk perangkaan, fakta, persepsi dan sebagainya.¹⁹ Melalui metode ini, penulis menggunakan dua kaedah utama iaitu menggunakan data primer (kajian lapangan) dan data sekunder (kajian perpustakaan). Dalam kajian ini data primer diperolehi daripada metode temubual, manakala data sekunder diperolehi melalui metode dokumentasi.

¹⁷ Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd, 2005), 23.

¹⁸ Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 75.

¹⁹ *Ibid.*

i. Metode Temu Bual

Temu bual merupakan kaedah di mana subjek dan pengkaji hadir sama di dalam proses memperolehi maklumat. Maklumat penyelidikan diperolehi secara langsung oleh pengkaji daripada subjek.²⁰ Melalui metode ini, maklumat yang berkaitan dapat diperolehi daripada pihak yang berautoriti. Dalam kajian ini pengkaji telah melakukan temubual dengan dua pihak yang berkaitan iaitu pengunderait dan penasihat syariah. Perjumpaan bersama pengunderait adalah untuk mengetahui faktor-faktor pengunderaitan yang digunakan dalam produk takaful. Manakala temubual yang dijalankan dengan pakar syariah adalah untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai faktor-faktor pengunderaitan yang telah diguna pakai oleh syarikat takaful untuk menilai risiko pemohon. Nama responden dalam kajian ini ditunjukkan dalam jadual 1.1:

Jadual 1.1: Senarai Responden

Pihak	Responden	Jawatan
Pengamal Industri	Puan Maisara Sasi Abdullah	Pengurus Eksekutif- Pengunderaitan Keluarga, MAA Takaful Berhad.
	Puan Hazlinda Yahaya	Penolong Naib Presiden- Operasi Perubatan/ Kesihatan Takaful Ikhlas
	Encik Mohamad Nizam Abdul Hamid	Penolong Pengurus- Pengunderait, Sunlife Malaysia Takaful Berhad

²⁰ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 237.

	Cik Fadzuin Karuddin	Pengunderait- Operasi & IT Great Eastern Takaful Sdn Bhd.
	Puan Noorulaini Yasin	Eksekutif, Great Eastern Takaful Sdn Bhd.
	Puan Najihah Ali	Eksekutif Syariah-Sunlife Malaysia Takaful Berhad
Pegawai Syariah	Ustaz Mohd Bakir Haji Mansor ²¹	Penasihat Syariah Takaful Malaysia
	Dr. Luqman Abdullah	Penasihat Syariah MAA Takaful
	Ustaz Wan Jemizan Wan Deraman	Ketua Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd

Jadual 1.1 menunjukkan pihak-pihak yang terlibat dalam temu bual untuk mendapatkan maklumat dan pandangan tentang tajuk yang dikaji. Pihak pengamal industri dipilih daripada mereka yang berkecimpung dalam industri takaful. Oleh itu, pengkaji telah memilih pengunderait di beberapa syarikat takaful untuk ditemu bual bagi mendapatkan maklumat mengenai amalan proses pengunderaitan dalam syarikat takaful.

Manakala pihak syariah yang ditemubual pula terdiri daripada Ketua di Jabatan Pematuhan Syariah, Eksekutif Syariah dan Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah di syarikat takaful. Temu bual yang dijalankan adalah untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai proses pengunderaitan yang diamalkan dalam takaful. Antaranya

²¹ Pemilihan pakar syariah adalah untuk mengetahui isu mengenai faktor-faktor pengunderaitan yang digunakan dalam industri takaful. Walaupun Ustaz Bakir Mansor tidak mewakili mana-mana sampel syarikat takaful, pemilihan beliau sebagai responden kajian ini dipilih atas dasar kepakaran dan pengalaman beliau dalam industri takaful.

untuk mendapatkan pandangan syariah tentang penggunaan faktor-faktor pengunderaitan dalam produk takaful. Metode temu bual ini digunakan dalam bab tiga dan empat.

ii. Metode Dokumentasi

Metode ini merupakan cara untuk mengumpul maklumat dan fakta melalui penyelidikan terhadap dokumen yang mempunyai kaitan dengan masalah kajian. Dokumen ini terdiri daripada bahan bertulis seperti jurnal, tesis, disertasi, artikel dalam jurnal, kertas kerja seminar, buku, akhbar, majalah, risalah, internet dan sebagainya. Metode ini digunakan dalam hampir kesemua bab bagi mendapatkan data mengenai proses pengunderaitan, faktor-faktor pengunderaitan dalam industri insurans dan kaedah-kaedah fiqh yang digunakan. Penggunaan metode ini adalah penting untuk mendapatkan gambaran, data dan fakta yang tepat.

1.7.2 Metode Analisis Data

Setelah mengumpul dan memperolehi data-data dan maklumat daripada metode yang dinyatakan, pengkaji melakukan proses penganalisan data untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih terperinci. Data yang telah diproses akan dianalisis bagi mendapatkan keputusan bagi masalah yang dikaji.²² Bagi data temubual, ia telah diproses dengan membuat transkripsi yang mana perbualan tersebut akan didengarkan semula dan ia ditulis satu persatu dalam bentuk dialog. Pengkaji telah mengkodkan petikan temu bual tanpa mengubah sebarang tatabahasa bagi mengekalkan keaslian data. Kaedah analisis yang digunakan ialah:

²² Mohd Sheffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), 66

i. Metode Induktif

Metode ini adalah proses menganalisa maklumat dengan menggunakan kaedah berfikir dan mencari bukti untuk memberi suatu rumusan atau kesimpulan yang mempunyai sifat umum hasil daripada hal-hal yang bersifat khusus.²³ Pengkaji menggunakan metode ini dalam kebanyakan penulisan terutama apabila terdapat pelbagai pandangan yang memerlukan satu kesimpulan yang jitu. Metode ini banyak dilakukan dalam bab empat untuk menganalisis data-data seterusnya membuat kesimpulan daripada fakta-fakta lain yang diberikan secara umum.

ii. Metode Deduktif

Metode ini merupakan kaedah menganalisis dan mengolah penulisan berdasarkan pola berfikir untuk mencari pembuktian berdasarkan bukti-bukti umum kepada yang khusus.²⁴ Metode ini merupakan cara menjelaskan sesuatu persoalan yang timbul dengan lebih terperinci. Pengkaji menggunakan kaedah ini dalam bab empat yang mana pengkaji menggunakan kaedah-kaedah fiqh secara umum untuk dikaitkan dalam amalan proses pengunderaitan.

1.8 SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan ke atas bahan-bahan rujukan, pengkaji mendapati terdapat beberapa penulisan lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian yang bakal dijalankan dalam skop perbincangan yang pelbagai. Pengkaji membahagikan kajian lepas ini kepada beberapa bahagian seperti berikut:

²³ Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 18.

²⁴ Mohd Azhar Abdul Hamid et al., *Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah* (Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2001), 194.

1.8.1 Konsep Takaful Secara Umum

Mohd Fauzi Hussin dan Kamaruzaman Nordin²⁵ menerangkan tentang perkembangan insurans yang sebenarnya telah berlaku sejak zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Pengamalan awal pada ketika itu berdasarkan prinsip *al-aqilah* yang bermaksud kutipan derma dari sedara mara seseorang untuk membayar ganti rugi bagi sesuatu pembunuhan yang berlaku. Pengamalannya tetap berterusan sehingga insurans Islam telah mengalami revolusi yang amat ketara pada abad ke-20. Penulisan ini juga turut mengklasifikasikan sejarah perkembangan insurans Islam kepada lima peringkat utama iaitu peringkat pengamalan dalam masyarakat jahiliah, pengamalan pada zaman Nabi Muhammad SAW, zaman sahabat, perkembangan abad ke-19 dan seterusnya perkembangan pada abad ke-20.

Takaful merupakan satu konsep insurans yang berasaskan muamalat Islam dan berlandaskan hukum syariah.²⁶ Abu Sattar Abu Guddah²⁷ mendefinisikan takaful dari segi istilah ialah penyertaan sekumpulan individu dalam satu skim yang membolehkan mereka bekerjasama dalam menanggung sebarang kemudaratan yang berlaku terhadap salah seorang ahli peserta dengan cara membayar pampasan yang munasabah kepada ahli yang ditimpa kemudaratan melalui wang yang disumbangkan oleh peserta-peserta yang dibayar secara ansuran. Manakala, menurut Akta Takaful 1984, takaful didefinisikan sebagai satu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada para peserta jika diperlukan setelah mereka sama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan.²⁸

²⁵ Mohd Fauzi dan Kamaruzaman, *Perkembangan dan Prospek Industri Takaful*, 86.

²⁶ Hendon Redzuan et. al., *Risiko dan Insurans* (Kuala Lumpur: Person Malaysia Sdn. Bhd., 2005), 525.

²⁷ Abu Sattar Abu Guddah, *Buhūth fī al-Mu'āmalāt wa al-Asālib al-Maṣrifīyah al-Islāmiyah* (Dallah al-Barakah, 2008).

²⁸ Mazlan, *Asas Amalan Takaful*, 65.

Takaful juga merupakan salah satu alternatif bagi memberi perlindungan kepada masyarakat. Menurut Mohd Fadzli Yusuf²⁹ perlindungan merupakan suatu keperluan yang tidak boleh diambil ringan oleh setiap anggota masyarakat bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya pelbagai musibah atau tragedi. Maka dengan itu menjadi satu kewajipan bagi seorang Muslim yang beriman dengan qada dan qadar, supaya berikhtiar dan berusaha untuk mengelak dan menjauhkan sebarang kemungkinan berlakunya musibah malapetaka atau bencana yang boleh mengancam nyawa dan keselamatan harta benda.

Konsep takaful menggambarkan satu rancangan insurans berasaskan kepada hubungan persaudaraan Islam, sikap saling bertanggungjawab, dan saling bekerjasama di antara umat Islam.³⁰ Ia juga selari dengan konsep *ta'āwun* yang ingin diaplikasikan dalam takaful. Menurut Haemala Thanasegaran³¹, operasi takaful ini mematuhi peraturan dan kehendak syariah dan takaful ini tidak berlandaskan konsep jual beli. Beliau menambah, segala kontrak yang dilakukan perlulah jelas dan telus supaya semua pihak yang terlibat sedar dan memahami akan segala perkara yang dinyatakan dalam kontrak tersebut.

Semasa membuat kontrak, para peserta telah bersetuju untuk bantu-membantu sesama mereka menerusi satu tabung yang didasarkan di atas konsep *tabarru'* atau derma.³² Para peserta takaful dididik menerusi konsep *tabarru'* untuk menderma bahagian tertentu daripada sumbangan atau caruman takaful bagi memenuhi tanggungjawab untuk menanggung sesama mereka kepada mana-mana peserta yang

²⁹ Mohd Fazli Yusuf, *Takaful Sistem Insurans Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1996), 2.

³⁰ Azman bin Ismail & Kamaruzaman bin Abdullah, *Takaful Teori dan Praktis* (Kuala Lumpur: The Malaysian Institute & Takaful Nasional Sdn. Bhd., 2000), 7.

³¹ Haemala Thanasegaran, "Growth of Islamic Insurance (Takaful) in Malaysia: a Model for The Region?," *Singapore Journal of Legal Studies*, (2008), 145.

³² Muhammad Hisham Muhammad, "Perbandingan Kontrak Takaful dan Insurans," dalam *Sistem Takaful Di Malaysia*, ed. Asmak Ab Rahman et al. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008), 25.

ditimpa musibah atau tragedi seperti bencana, kematian, malapetaka dan seumpamanya.³³ Kajian yang dibuat oleh Azman Mohd Noor & Mohamad Sabri Zakaria³⁴ menyatakan bahawa walaupun *tabarru'* yang dibuat kelihatan sama dengan *mu'āwaḍah*, tetapi hakikatnya ia adalah berbeza. Menurut beliau, kontrak *tabarru'* adalah kontrak yang melibatkan pemindahan hak milik kepada pemilik baru tanpa sebarang bayaran atau pampasan seperti hibah, sumbangan kebajikan, derma, wasiat dan wakaf. Manakala, kontrak *mu'āwaḍah* pula merujuk kepada kontrak yang melibatkan penukaran dua nilai atau pampasan.

Konsep *tabarru'* yang diamalkan dalam takaful ini bebas daripada elemen yang bercanggah dengan hukum muamalat Islam seperti *ribā'*, *gharar* dan *maysir*. Ulama sepakat menyatakan insurans adalah haram kerana amalan insurans konvensional mengandungi unsur-unsur yang tidak selaras dengan syariah kerana adanya unsur *gharar*, *maysir* dan *ribā'*.³⁵ Muhammad Nejatullah Siddiqi³⁶ menyatakan, isu insurans ini telah dibincangkan di beberapa persidangan Islam antarabangsa antaranya pada tahun 1976, Persidangan Antarabangsa Pertama Mengenai Ekonomi Islam yang diadakan di Makkah telah memutuskan bahawa insurans perniagaan seperti yang diamalkan oleh syarikat-syarikat insurans konvensional tidak mencapai matlamat syariah mengenai kerjasama dan perpaduan. Menurut beliau, dalam persidangan itu turut dicadangkan untuk menubuhkan jawatankuasa yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang syariah dan ekonomi untuk mewujudkan insurans yang bebas dari amalan

³³ Joni Tamkin Borhan, "Prinsip Syariah dalam Perniagaan Takaful di Malaysia," dalam *Sistem Takaful Di Malaysia*, ed. Asmak Ab Rahman et al. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008), 45.

³⁴ Azman Mohd Noor dan Mohamad Sabri Zakaria, "Takaful: Analisis Terhadap Kontrak dan Akad," *Jurnal Muamalat* 1, no. 3 (2010), 1-28.

³⁵ Sobri salamon, *Ekonomi Islam: Pengenalan Sistem dan Kemungkinan* (Selangor: al-Rahmaniah, 1989), 226.

³⁶ Muhammad Nejatullah Siddiqi, *Muslim Economic Thinking: A Survey of Contemporary Literature* (Leicester: The Islamic Foundation, 1981), 27.

dan *ribā'* dan spekulasi, dan membantu menggantikan sistem insurans konvensional yang ada pada ketika itu.

Wan Marhaini Wan Ahamad et al.³⁷, menjelaskan kontrak insurans adalah kontrak yang melibatkan pertukaran kewangan dua hala iaitu bayaran premium dari pemegang polisi dan bayaran pampasan dari syarikat kewangan. Oleh sebab barangan pertukaran adalah wang dengan wang, iaitu barang *ribāwī*, maka penukaran wang mestilah dibuat pada kadar yang sama dan masa penyerahan yang sama. Begitu juga *gharar* dalam kontrak insurans. Kontrak ini pada asasnya terbentuk atas unsur-unsur ketidakpastian iaitu bagi memberi jaminan kewangan pada peristiwa-peristiwa yang belum berlaku dan mungkin juga tidak akan berlaku. Selain daripada itu, wujud elemen *maysir* dalam insurans kerana terdapat ciri-ciri pertaruhan, jaminan keuntungan dan tiada konsep kerjasama. Syarikat insurans boleh mendapat untung atau rugi disebabkan oleh tuntutan yang seolah-olah bergantung kepada nasib oleh sebab wujudnya unsur *gharar*. Untung daripada nasib dianggap sebagai judi. Kajian daripada Suraiya Hashim³⁸ menyenaraikan empat ciri-ciri perjudian dalam insurans konvensional. Beliau juga turut mendapati operasi takaful tidak menyerupai insurans kerana konsep semangat kerjasama yang ada dalam takaful dan bukannya konsep jual beli.

³⁷ Wan Marhaini Wan Ahamad et al., "*Elemen Riba dan Gharar dalam Insurans*", dalam *Sistem Takaful Di Malaysia*, ed. Asmak Ab. Rahman et al. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008), 7.

³⁸ Suraiya Hashim et al., "The Element of Gambling in Conventional Insurance and Takaful" dalam *Reinforcement and Economic Transformation & Islamic Finance (Seminar Proceeding Islamic Economics and Finance, Department of Public Economic and Finance, Faculty of Economics, University Utara Malaysia, 29-30 Ogos 2005)*.

1.8.2 Isu-isu dalam Takaful

Nasrul Hisyam Nor Muhamad³⁹ membincangkan mengenai prinsip hibah yang digunakan dalam industri takaful. Secara umumnya, prinsip hibah diaplikasikan di industri takaful dalam dua bentuk iaitu hibah yang diaplikasikan semasa membayar manfaat takaful ketika berlaku kematian sebelum sijil takaful matang. Hibah tersebut adalah hibah bersyarat iaitu penama akan memiliki manfaat tersebut apabila peserta meninggal dunia. Syarat yang ditentukan ini adalah syarat *ruqbā* iaitu pemilikan manfaat harta hibah disyaratkan hanya dimiliki oleh salah satu pihak yang hidup. Syarat ini menurut majoriti ahli fiqh adalah batal walaupun pemberian tersebut tetap sah. Walaubagaimanapun, keputusan Bank Negara Malaysia bersandarkan pendapat dalam mazhab Maliki yang mengiktirafkan kesahan syarat *ruqba*. Bentuk kedua ialah hibah yang berlaku sebagai struktur produk itu sendiri. Contohnya, produk-produk takaful yang bersifat simpanan pendidikan, iaitu ibu bapa menjadi pencarum kepada dalam produk takaful pelajaran.

Mohamad Akram Laldin⁴⁰ mempersoalkan mengenai hak untuk memperolehi lebihan dana tabung takaful. Lebihan dana takaful boleh dikongsi antara peserta takaful dan syarikat takaful.⁴¹ Ini adalah salah satu cara untuk memberikan insentif kepada syarikat takaful kerana kecekapan mereka dalam menguruskan dana takaful dan ianya mestilah dilakukan dengan izin dari peserta takaful. Selain daripada itu beliau turut menghuraikan pandangan-pandangan fuqaha mengenai isu agihan dana tersebut. Selain

³⁹ Nasrul Hisyam Nor Muhamad, "Pemakaian Prinsip Hibah dalam Sistem Kewangan Islam Malaysia: Tumpuan Kepada Industri Perbankan Islam dan Takaful", *Jurnal Teknologi*, (2010) Universiti Teknologi Malaysia.

⁴⁰ Mohamad Akram Laldin (2007), 'Takaful dan Takaful Semula: Perbincangan Beberapa Isu dan Fatwa Pilihan', (Muzakarah Kewangan Islam ke-2, Kuala Lumpur.)

⁴¹ "Lebihan dana peserta," laman sesawang *Bank Negara Malaysia*, dicapai 23 April 2013, http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_press&pg=bm_press_all&ac=1512&lang=bm, Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia no: 53/DSN-MUI/III/2006 tentang tabarru' pada Asuransi Syariah.

isu pengagihan dana, isu lain yang turut dibangkitkan ialah kelayakan peserta yang tidak membayar sumbangan sepenuhnya berhak atau tidak ke atas lebihan dana takaful. Beliau berpendapat, jika syarat yang termaktub dalam akad, untuk mendapatkan hak dalam lebihan dana takaful ialah peserta mesti membayar keseluruhan sumbangan, maka klausa ini boleh digunakan untuk tidak membayar lebih kepada peserta yang tidak mematuhi syarat dalam akad. Beliau juga turut mempersoalkan erti dan penghayatan dalam objektif penubuhan syarikat takaful tidak ditekankan. Menurutnya, aspek “kerohanian” boleh menjadi satu tarikan kepada setiap Muslim untuk menyertai takaful, tetapi dalam industri takaful di Malaysia, walaupun aspek “pematuhan syariah” ditekankan, ianya tidak mencukupi selagi industri takaful terus menerus meniru apa sahaja yang ada dalam industri insurans.

Penerokaan serta inovasi masa kini telah berjaya melancarkan produk takaful wakaf iaitu gabungan penggunaan konsep wakaf dan produk takaful.⁴² Ianya merangkumi dua akaun utama, iaitu akaun pertama akan digunakan oleh syarikat takaful untuk tujuan pelaburan. Hasil keuntungan yang bakal diperolehi kelak akan dibahagikan kepada peserta dan syarikat. Manakala akaun kedua juga akan dilaburkan berdasarkan kepada konsep *tabarru'*. Akan tetapi produk yang diterajui oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad telah dihentikan pada tahun 2009 disebabkan masalah-masalah tertentu. Kajian yang dibuat oleh Apnizan Abdullah & Hakimah Yacoob⁴³ membincangkan tentang penggunaan model wakalah-wakaf dalam industri takaful. Analisis yang dilaksanakan dalam kajian tersebut mendapati bahawa terdapat potensi yang cerah digunapakai model wakalah-wakaf dalam industri takaful. Beliau menyarankan dalam melaksanakan model wakalah-wakaf, undang-undang semasa sama

⁴² Asmak Ab. Rahman dan Wan Marhani Wan Ahmad, “The Concept of Waqf and Its Application in an Islamic Insurance Product: The Malaysian Experience,” *Arab Law Quarterly* 25, (2011), 203-219.

⁴³ Apnizan Abdullah dan Hakimah Yacoob, “Legal and Shariah Issues in the Application of Wakalah-waqf Model in Takaful Industry: An Analysis,” *Social and Behavioral Sciences* 65, (2012), 1040-1045.

ada persekutuan atau undang-undang negeri perlu dikaji semula dan dipinda sewajarnya. Di Malaysia, perniagaan takaful mungkin dibawah lingkungan senarai persekutuan seperti yang terkandung dalam perlembagaan persekutuan, maka undang-undang persekutuan perlu membuat pindaan yang sewajarnya untuk bertindak selaras dengan Takaful 1984 untuk menampung struktur model ini.

Manakala Mohd Izhar Ahmad et al.⁴⁴ menyentuh isu kekurangan syarikat takaful semula. Kekurangan syarikat takaful semula menyebabkan mereka terpaksa menggunakan perkhidmatan dari syarikat insurans semula. Penggunaan insurans semula ini ditentukan oleh kekurangan kapasiti syarikat takaful semula serta keperluan untuk melindungi pemegang polisi dan dana pemegang saham.⁴⁵ Mohd Yahya Mohd Hussin et al.⁴⁶ berpendapat, berasaskan konsep *darūrah*, pengendali takaful dibenarkan untuk membuat takaful semula di syarikat insurans disebabkan kurangnya syarikat takaful semula. Menurut Mohammed Burhan Arbouna⁴⁷, sebahagian ulama berpendapat kesahihan bagi syarikat takaful untuk meletakkan risiko mereka dengan syarikat takaful semula adalah berdasarkan prinsip *darūrah*, *hājah* dan *al-maslahah al-ammah*. Keperluan ini berdasarkan keupayaan kewangan syarikat takaful yang sedia ada untuk memenuhi segala kerugian mereka mengikut pandangan kepakaran yang ada dalam industri insurans. Majlis Pengawasan Syariah Takaful⁴⁸ menegaskan bahawa walaupun khidmat insurans konvensional dibenarkan untuk melaksanakan takaful semula, syarikat takaful hendaklah berusaha membendung atau menanggung seberapa banyak yang

⁴⁴ Mohd Izhar Ahmad, et. al, "Problems and Prospects of Islamic Banking: a Case Study of Takaful", *Munich Personal RePEc Archive*, no. 22232 (2010)

⁴⁵ El-Gamal MA, *Islamic Finance Law, Economics and Practice* (Cambridge: Cambridge University Press, 2006).

⁴⁶ Mohd Yahya mohd Hussin et al., "Konsep Isu dan Operasi Retakaful dalam Industri Insurans", dalam *Sistem Takaful Di Malaysia*, ed. Asmak Ab. Rahman et al. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008), 154.

⁴⁷ Mohammed Burhan Arbouna, "The Operation of Retakaful (Islamic Reinsurance) protection," *Arab Law Quarterly* 15, no. 4 (2010), 335-362.

⁴⁸ Bank Negara Malaysia, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam dicapai, 25 April 2013, http://www.bnm.gov.my/microsites/financial/pdf/resolutions/shariah_resolutions_2nd_edition_EN.pdf

mampu dilindunginya. Jika berlaku sesuatu yang diluar kawalan, barulah diserahkan kepada syarikat insurans semula atau syarikat insurans konvensional. Namun, terdapat juga sebahagian ulama yang tidak menerima insurans semula oleh syarikat takaful antara alasannya adalah ia sama dengan larangan membeli insurans kerana adanya *ribā'*, *gharar* dan *maysir*.⁴⁹

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa⁵⁰ menyatakan produk-produk *investment-linked* yang menggabungkan insurans konvensional dengan dana saham amanah dalam dana-dana yang tidak menepati syarak perlu dielakkan. Sementara itu, hukum berkenaan produk *investment-linked* telah dikaji oleh Azman Mohd Noor⁵¹ iaitu produk tabungan berasaskan pelaburan saham secara berkelompok yang pemilikannya dikira mengikut jumlah unit seperti saham amanah dan digabungkan pula dengan manfaat perlindungan. Beliau turut mencadangkan agar syarikat takaful menyediakan tabung khas kebajikan yang boleh disalurkan kepada orang ramai sebagai saluran amal bagi membersihkan bahagian pendapatan sekiranya status hasil pelaburan itu bercampur antara halal dan haram.

Shahida Abdullah⁵² menyatakan hala tuju dan perkembangan takaful bergantung kepada cara merealisasikan maqasid dalam pembangunan industri takaful itu sendiri. Beliau turut menghuraikan konsep *maqāṣid syarī'ah* dalam industri takaful dengan mengetengahkan amalan yang mulia ini melalui skim perlindungan dan perlindungan kekayaan dengan objektif untuk mengukuhkan lagi tanggungjawab sosial, bantu-

⁴⁹ Asmak Ab Rahman et al, "Can a Takaful Company Reinsure with a Reinsurance Company?," *African Journal of Bussiness Management* 5, no. 30 (2011), 11768-11778.

⁵⁰ "Produk investmenlink," laman sesawang *Fatwa Malaysia*, dicapai 26 April 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-ke-atas-produk-investment-link-menurut-islam>.

⁵¹ Azman Mohd Noor (2009), "A Shariah Compliance Review on Investment Linked Takaful in Malaysia," *Islamic Economic Studied* 17, no. 1(2009).

⁵² Shahida Abdullah (2012), "The Objectives of Shariah (Maqasid Syariah) in Takaful Highlighting The Noble PracticeTakaful", (International Conference on Management, Economics and Finance, Hilton Hotel, Kuching, Sarawak, 15-16 oktober 2012).

membantu atau kerjasama, dan tingkah laku etika dalam masyarakat. Konsep dan objektif yang ditetapkan dalam takaful dibentuk oleh objektif undang-undang Islam yang melibatkan sosio-ekonomi dan kesejahteraan negara. Beliau turut mencadangkan industri takaful perlu berusaha untuk memastikan bahawa elemen *maqāṣid* adalah sangat diambil kira dalam menetapkan objektif korporat. Selain daripada itu, beliau telah menyatakan kemajuan industri takaful bergantung kepada sejauh mana penggunaan *maqāṣid* dalam menghasilkan masyarakat yang dilindungi dan selamat dari segi kesihatan, perniagaan dan kekayaan yang disokong oleh semangat kerjasama atau *ta'āwun*. Dalam penulisan beliau yang lain⁵³, turut menyatakan cadangan apa-apa kejadian buruk yang berlaku terhadap manusia perlu dilindungi oleh takaful termasuklah kejadian sumbang mahram, penderaan kanak-kanak, pencabulan, rogol dan sebagainya bagi memenuhi konsep *maqāṣid syarī'ah* dalam perlindungan maruah atau keturunan.

1.8.3 Isu-isu dalam Proses Pengunderaitan

Roslinah Daud⁵⁴ menjelaskan mengenai proses pengunderaitan bagi skim takaful individu dan kumpulan adalah berbeza. Jika skim takaful individu, kebiasaannya akan melakukan proses pengunderaitan yang agak ketat berbanding skim takaful berkumpulan. Tahap kesihatan pemohon, latarbelakang kewangan dan sebagainya perlu dilakukan penilaian terutamanya bagi skim yang melibatkan nilai perlindungan yang besar. Selain daripada itu, beliau mencadangkan agar skim takaful berkumpulan juga perlu menjalani proses pengunderaitan yang sama seperti skim takaful individu. Beliau juga turut menyatakan kebanyakan skim takaful berkumpulan disertai oleh individu bukan berdasarkan keinginan mereka sendiri tetapi ia merupakan salah satu kewajipan

⁵³ Syahida Abdullah, "Risk Management via Takaful from a Perspective of Maqasid of Shariah," *Procedia- Social and Behavioral Sciences* 65, (2012), 535-541.

⁵⁴ Roslinah Daud, *Underwriting Family*, 1-7.

yang telah ditetapkan oleh majikan pekerja, maka ia seolah-olah tidak dapat mencapai konsep *ta'āwun* yang tulen.

Benjamin Schatz⁵⁵ menceritakan keadaan di Amerika Syarikat yang kebanyakan daripada rakyatnya didiagnosis mengidap penyakit AIDS. Kebiasaannya, mereka yang mempunyai penyakit AIDS selalunya akan dibuang kerja, diusir dari rumah, dinafikan haknya dalam insurans dan berlaku diskriminasi dalam masyarakat. Kajian ini juga turut menganalisis undang-undang dan implikasi dasar awam dalam pengunderaitan berdasarkan kecenderungan seksual. Selain daripada itu, kajian ini juga meneroka perdebatan semasa ke atas syarikat insurans dalam penggunaan ujian HIV dan turut mengulas kebimbangan kewangan syarikat insurans terhadap kos perubatan, kos moral dan kos bagi ujian antibodi HIV yang sangat tinggi.

Patrick L. Brockett et al.⁵⁶ telah mengetengahkan perkembangan revolusi yang berlaku dalam pemetaan genetik dan mengenalpasti genetik yang memberi kecenderungan terhadap penyakit dan kajian ini juga menghuraikan pengkelasan skim insurans yang digunakan berdasarkan tahap risiko yang dibawa oleh pemegang polisi. Harga yang dikenakan adalah bertepatan dengan jangkaan risiko kerugian yang ditanggung. Kajian ini juga turut menyertakan kes-kes individu yang ditolak daripada membeli insurans disebabkan penyakit genetik yang diwarisi walaupun penyakit itu tidak berbahaya.

Wouter P.J⁵⁷ membincangkan diskriminasi gender dalam insurans persaraan pekerja. Manakala, Joseph Heath⁵⁸ pula mengutarakan isu ketidakadilan yang timbul

⁵⁵ Benjamin Schatz, "The AIDS Insurance Crisis: Underwriting or Overreaching?," *JSTOR* 68, no. 4 (1990), 1782-1805.

⁵⁶ Patrick L. Brockett, *The Genetics Revolution*, "The Genetics Revolution, Economics, Ethics and Insurance." *Journal of Business Ethic* 16 (1997).

⁵⁷ Wouter P. J., "Insurance Risk Classification in The EC, 450.

⁵⁸ Joseph Heath, *Reasonable Restrictions*, 1-46.

dalam pengunderaitan. Teori pengunderaitan ini bermula daripada mereka yang berlatarbelakangkan ekonomi dan perniagaan kerana apa yang dilakukan perlu memikirkan tentang keuntungan yang bakal diperolehi oleh syarikat. Tetapi teori ini telah ditentang oleh ahli falsafah dan juga mereka yang berlatarbelakangkan undang-undang yang lebih memperjuangkan hak-hak sosial. Mereka melihat wujudnya ketidakadilan dalam proses pengunderaitan ini. Jadi berlaku perdebatan untuk mereka yang berlatar belakangkan ekonomi ini untuk mempertahankan hujah mengenai keadilan nilai premium yang ditentukan oleh pakar aktuari.

Norman Daniels⁵⁹ menerangkan tentang amalan standard pengunderaitan. Beliau menunjukkan syarikat insurans adalah salah untuk menjadikan keadilan aktuari itu suatu keperluan yang jelas terhadap keadilan sosial. Akan tetapi andaian ini sering berlaku kontroversi dan sukar diaplikasikan. Ini kerana matlamat utama amalan keadilan aktuari adalah tertumpu kepada keuntungan sesuatu syarikat. Jadi, matlamat keadilan sosial itu tidak tercapai. Selain daripada itu, beliau juga menjelaskan isu etika dalam mengklasifikasikan risiko dalam standard amalan pengunderaitan.

Kajian mengenai isu pengunderaitan dalam takaful telah dikaji oleh Htay Sheila Nu Nu et al.⁶⁰ Kajian ini mengenai pandangan penasihat syariah terhadap pelaksanaan proses pengunderaitan dalam takaful keluarga. Kajian ini lebih menumpukan kewajaran penggunaan faktor-faktor tertentu dalam proses pemilihan dan pengkelasan risiko dalam takaful keluarga. Kajian ini telah menggunakan metode temu bual bagi mendapatkan maklumat secara terperinci. Seramai lima orang responden telah terlibat dalam kajian ini dan mereka semua terdiri daripada jawatankuasa penasihat syariah di Great Eastern Takaful Sdn Bhd, Munich Re Retakaful, MNRB Retakaful, HSBC Amanah Takaful dan

⁵⁹ Norman Daniels, "Insurability and The HIV Epidemic: Ethical Issues in Underwriting," *JSTOR* 68, no. 4 (1990), 497-525.

⁶⁰ Htay et al., *Shariah Scholars' Viewpoint*, 1-17.

Majlis Penasihat Bank Negara Malaysia. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa tidak semua responden diberi pendedahan mengenai proses pengunderaitan yang diamalkan di setiap syarikat takaful.

Asmak Ab Rahman et al.⁶¹, mengkaji tentang kes bunuh diri dari sudut pandangan Islam dan amalan semasa syarikat takaful berkenaan perlindungan yang diberikan terhadap mereka yang membunuh diri. Kajian ini juga mengkaji kewajaran syarikat takaful memberi perlindungan terhadap mereka yang membunuh diri sedangkan bunuh diri adalah haram di sisi Islam. Kebajikan waris telah ditimbulkan apabila waris tidak berhak untuk membuat tuntutan pampasan apabila peserta takaful mati disebabkan bunuh diri. Akan tetapi terdapat juga beberapa syarikat takaful yang memberi pampasan terhadap waris dan ini adalah fokus utama kajian sama ada amalan ini bertepatan dengan prinsip syariah ataupun tidak.

Dalam kajian awal, didapati banyak penulisan yang telah dilakukan terhadap konsep takaful secara umum. Oleh itu, pengkaji akan memfokuskan kajian ini kepada proses pengunderaitan yang diamalkan di dalam syarikat takaful terpilih. Kajian ini lebih tertumpu kepada analisis syariah terhadap amalan pengunderaitan yang diamalkan. Ringkasan terhadap ulasan karya di atas adalah seperti berikut:

⁶¹ Asmak Ab. Rahman et al., "Insurability and Suicide: Shariah Issues in Underwriting," *Social and Behavioral Sciences* 65, (2012), 593-601.

Jadual 1.2 : Ringkasan Kajian-kajian Lepas

Skop	Nama
Konsep Takaful Secara Umum	Mohd Fauzi Hussin dan Kamaruzaman Nordin (2008), Hendon Redzuan et. al. (2005), Sobri salamon (1989), Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), Wan Marhaini Wan Ahamad, Asmak Ab. Rahman, Nor Aini Ali & Azizi Che Seman (2008), Suraiya Hashim et.al (2005), Abu Sattar Abu Guddah (2008), Mohd Fazli Yusuf (1996), Azman bin Ismail & Kamaruzaman bin Abdullah (2000), Haemala Thanasegaran (2008), Muhammad Hisham Muhammad (2008), Azman Mohd Noor & Mohamad Sabri Zakaria (2010)
Isu-isu dalam Takaful	Shahida Abdullah (2012), Syahida Abdullah (2012), Mohammed Burhan Arbouna (2000), Asmak Ab Rahman et. al (2011), Azman Mohd Noor (2009), Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2010), Mohamad Akram Laldin (2007), Asmak Ab. Rahman & Wan Marhani Wan Ahmad (2011), Apnizan Abdullah & Hakimah Yacoob (2012), Mohd Izhar Ahmad, et. al (2010), El-Gamal MA (2006), Mohd Yahya Mohd Hussin et. al (2008)
Isu-isu dalam Proses Pengunderaitan	Norman Daniels (1990), Wouter P. J (1994), Htay, et al. (2011) Asmak Ab Rahman et al. (2012), Benjamin Schatz (1990), Patrick L. Brockett et al. (1997), Roslinah Daud (2009), Joseph Heath (2007)

1.9 SISTEMATIKA PENULISAN

Dalam kajian ini pengkaji telah membahagikan perbincangan kepada lima bab. Ia dimulai dengan pendahuluan di bab satu yang merangkumi latar belakang kajian, objektif kajian, skop kajian, metodologi kajian, sorotan literatur serta sistematika penulisan.

Di dalam bab dua, pengkaji menyentuh tentang konsep pengunderaitan yang digunakan dalam industri insurans. Ia juga turut menerangkan mengenai objektif, tujuan dan faktor-faktor pengunderaitan bagi insurans am dan hayat.

Seterusnya, dalam bab tiga, pengkaji menumpukan mengenai proses pengunderaitan dari perspektif takaful. Pengkaji juga lebih fokus pada penggunaan faktor-faktor seperti faktor umur, jantina, jenis pekerjaan, tahap kesihatan dan lain-lain yang digunakan dalam proses pengunderaitan dan pengkelasan risiko.

Di dalam bab empat pula, pengkaji membuat analisis proses pengunderaitan yang diamalkan dalam industri ini menepati atau bercanggah dari prinsip syariah.

Akhirnya, bab lima iaitu rumusan yang merupakan bab yang terakhir. Pengkaji akan membuat kesimpulan yang menyeluruh secara keseluruhan mengenai kajian ini. Selain daripada itu, pengkaji juga mengemukakan beberapa cadangan yang dianggap relevan dengan tajuk kajian ini bagi menambahbaikkan perjalanan operasi takaful.

1.10 KESIMPULAN

Proses pengunderaitan dalam industri takaful dan insurans merupakan suatu proses yang digunakan untuk menentukan kadar sumbangan yang dikenakan ke atas setiap peserta. Umur, jantina, latar belakang keluarga dan sebagainya merupakan faktor-faktor yang akan diambil kira bagi menentukan kelayakan individu dalam menyertai takaful. Akan tetapi, amalan pengunderaitan ini kelihatan seolah-olah menyekat konsep tolong-menolong yang diaplikasikan dalam takaful apabila isu ketidakadilan mengenai faktor-faktor kelayakan dalam pengunderaitan sering dibangkitkan dalam industri

insurans. Ini kerana, industri takaful menggambarkan konsep kerjasama di antara peserta bagi membantu mereka yang ditimpa musibah.

Isu-isu yang dibangkitkan mengenai proses pengunderaitan ini akan menimbulkan persoalan mengenai tahap kepatuhan syariah dalam industri takaful sendiri. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis pandangan syariah mengenai proses pengunderaitan yang telah lama menjadi amalan dalam industri takaful.

University of Malaya

BAB 2

KONSEP PENGUNDERAITAN DALAM INSURANS

2.1 PENDAHULUAN

Pengunderaitan menjadi tunjang utama dalam operasi syarikat insurans untuk menilai risiko individu. Maka, dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan mengenai pengunderaitan yang di amalkan oleh syarikat insurans atau takaful secara terperinci mengenai definisi pengunderaitan, tujuan pengunderaitan, faktor-faktor pengunderaitan dan sebagainya.

Pengkaji menggunakan sepenuhnya metode kajian perpustakaan dalam bab ini bagi memperolehi maklumat-maklumat yang berkenaan dengan pengunderaitan dalam industri insurans. Walaupun fokus utama dalam kajian ini adalah berkenaan dengan faktor-faktor pengunderaitan dalam insurans hayat, tetapi pengkaji turut sertakan faktor-faktor pengunderaitan bagi insurans am.

Perbincangan dalam bab ini lebih memfokuskan mengenai proses pengunderaitan dalam industri insurans yang mana proses yang sama juga diamalkan dalam industri takaful yang akan dibincangkan dengan lebih teliti dalam bab 3. Maklumat yang diperolehi daripada kajian perpustakaan juga banyak membincangkan proses pengunderaitan dalam industri insurans. Hal ini kerana rujukan atau kajian yang membincangkan mengenai proses pengunderaitan dalam perspektif takaful amat sedikit.

2.2 INDUSTRI INSURANS

Insurans merupakan suatu perjanjian dengan bayaran premium yang ditentukan, satu pihak (syarikat insurans) bersetuju untuk membayar sejumlah wang kepada pihak yang lain (pemegang polisi) apabila berlaku sesuatu musibah atau kerugian tertentu.¹

Bayaran premium ditentukan berdasarkan jumlah perlindungan yang dipohon dan ia juga melambangkan nilai risiko yang dibawa oleh pemohon. Semakin tinggi risiko semakin tinggi bayaran premium yang dikenakan.

Selain daripada itu, insurans juga berfungsi dalam membantu individu yang ditimpa musibah. Syarikat insurans akan membantu individu dengan memberi bayaran pampasan ke atas kehilangan harta benda atau nyawa dengan menggunakan dana yang dikumpulkan melalui bayaran premium oleh individu tersebut.² Segala kerugian yang berlaku terhadap individu, akan diberikan perlindungan mengikut perjanjian yang telah ditetapkan.

2.2.1 Elemen Yang Boleh Diinsuranskan

Syarikat insurans kebiasaannya menginsuranskan hanya risiko tulen. Namun, tidak semua risiko tulen boleh diinsuranskan. Walaupun secara teori, semua kerugian boleh diinsuranskan, namun begitu, terdapat juga sesetengah kerugian tidak boleh diinsuranskan pada harga yang munasabah. Kerugian yang boleh untuk diinsuranskan perlu mempunyai elemen-elemen tertentu seperti:

¹ Judy Feldman Anderson dan Robert L. Brown, *Risk and Insurance*, ed. ke-2 (USA: Education and Examination Committee of the Society of Actuaries, 2005), 2.

² Muhammad Hisyam Mohamad, "Perbandingan Kontrak Takaful dan Insurans," dalam *Sistem Takaful di Malaysia Isu-isu Kontemporari*, ed. Asmak Ab. Rahman et al. (Kuala Lumpur :Universiti Malaya, 2008), 25.

- i. Perlunya pendedahan seragam (*homogeneous*) yang cukup besar bilangannya, serta terdedah kepada peril yang sama supaya kerugian boleh diramalkan secara munasabah.³

Insurans berfungsi berasaskan kepada operasi hukum bilangan besar. Bilangan unit pendedahan yang cukup besar meningkatkan keupayaan syarikat insurans untuk membuat anggaran kerugian dengan lebih baik.⁴

Syarikat insurans hanya akan memberikan perlindungan terhadap risiko yang mempunyai bilangan yang banyak dan mempunyai ciri-ciri yang hampir sama (homogen). Kriteria ini diperlukan supaya syarikat insurans mudah mengaplikasikan hukum bilangan besar dan membuat ramalan yang lebih tepat terhadap kerugian yang bakal ditanggung.⁵

Pendedahan seragam diperlukan untuk memastikan semua pendedahan menghadapi kebarangkalian kerugian yang hampir sama. Contohnya, sekumpulan individu yang mempunyai tahap kesihatan dan dalam usia yang sama akan terdedah kepada peril kematian pramatang.⁶

- ii. Kerugian berlaku secara tidak sengaja.

Kerugian yang berlaku dengan sengaja tidak boleh diinsuranskan⁷ dan ia juga merupakan kerugian yang berlaku di luar jangkaan.⁸ Kerugian juga mestilah merupakan kontingensi iaitu sesuatu yang kemungkinan berlaku atau mungkin tidak berlaku,

³ Vaughan, E dan Vaughan T., *Essential of Insurance: A Risk Management Perspective* (USA: John Wiley & Sons, INC., 1995), 24.

⁴ Hendon Redzuan et al., *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans* (Petaling Jaya: Person Malaysia Sdn. Bhd., 2006), 54.

⁵ Lim Chee Chee, *Pengurusan Risiko dan Insurans* (Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2003), 33.

⁶ Hendon Redzuan et al., *Prinsip Pengurusan Risiko*, 55.

⁷ D S Hansell, *Introduction to Insurance*, ed. ke-2 (Britain: Headway Press Ltd Reading, 1999), 15.

⁸ Lim Chee, *Pengurusan Risiko*, 33.

bukannya sesuatu yang pasti berlaku. Kerugian yang pasti berlaku tidak lagi melibatkan risiko dan tidak lagi diluar kawalan.⁹

iii. Kerugian boleh dipastikan kejadiannya dan boleh diukur saiznya.

Kerugian yang berlaku mestilah yang boleh dibuktikan. Contohnya, jika berlaku kemalangan, gambar yang menunjukkan kerosakan pada kenderaan dan laporan polis oleh pemilik kenderaan berkenaan dengan kemalangan adalah bukti yang menunjukkan kemalangan itu benar-benar berlaku. Kerugian juga mesti boleh diukur tahapnya dalam nilai kewangan.

Bagi kenderaan yang rosak akibat kemalangan, kos membaik pulih kenderaan tersebut merupakan ukuran kerugian yang berlaku. Perasaan sedih atau kecewa tidak boleh dipastikan kejadiannya dan tidak boleh diukur, oleh itu ia tidak ideal untuk diinsuranskan.

iv. Kerugian mestilah tidak bersifat katastrofik.

Kerugian katastrofik adalah kerugian yang sangat besar dan boleh menjejaskan kewangan syarikat insurans. Banjir, puting beliung, gempa bumi dan peperangan boleh membawa kepada jumlah kerugian yang sangat besar.¹⁰ Oleh itu, syarikat insurans biasanya tidak akan bertanggungjawab atas kerugian sebegini kerana keadaan sebegini mungkin boleh menyebabkan syarikat gagal memenuhi tuntutan yang dikemukakan disebabkan nilai kerugian yang sangat tinggi.¹¹ Jika syarikat insurans memberi perlindungan terhadap musibah sebegini, syarikat akan kehilangan banyak dana dan seterusnya boleh menyebabkan muflis.

⁹ Hendon Redzuan et al., *Prinsip Pengurusan Risiko*, 56.

¹⁰ *Ibid.*, 57.

¹¹ D S Hansell, *Introduction to Insurance*, 16.

Contohnya kerugian katastrofik pada tahun 2011, Jepun telah dilanda tsunami dengan ukuran 8.9 skala Richter di wilayah Miyagi. Gelombang tsunami yang berlaku telah menyebabkan kerosakan besar di utara Jepun dan memusnahkan banyak kilang, ladang pertanian, rumah-rumah, kapal, kenderaan dan sebagainya.¹²

- v. Kerugian yang berlaku akan menyebabkan kerugian kewangan yang tenat kepada individu.

Harta yang hendak diinsuranskan mestilah mempunyai nilai yang tinggi supaya jika harta itu musnah, pemilik akan mengalami kerugian kewangan yang serius. Contohnya buku, meja, pakaian dan barangan yang kecil nilainya tidak wajar diinsuranskan. Ini kerana jika berlaku kerosakan pada harta tersebut, kos untuk membaik pulih atau menggantikannya tidak terlalu tinggi.¹³

- vi. Kebarangkalian kerugian mesti boleh dianggarkan.

Syarikat insurans perlu berupaya menganggarkan purata kekerapan dan purata ketenatan bagi kerugian pada masa hadapan dengan ketepatan yang sewajarnya.¹⁴ Ramalan ini penting untuk syarikat mengamalkan bayaran premium yang berpatutan supaya jumlah keseluruhan premium yang dikutip mampu menampung pampasan yang bakal dilakukan oleh pemohon serta dapat menjana keuntungan syarikat.¹⁵

Selain daripada itu, premium yang dikenakan kepada setiap individu perlulah munasabah dari segi ekonomi. Premium yang dikenakan adalah berkadar dengan kebarangkalian kerugian yang berlaku. Semakin tinggi peluang kerugian berlaku, maka

¹²“Jepun Ranap,” laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 29 Julai 2013, <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Jepunranap/Article/>.

¹³ Hendon Redzuan et al., *Prinsip Pengurusan Risiko*, 59.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Lim Chee, *Pengurusan Risiko*, 35.

semakin tinggi premium yang akan dikenakan. Oleh itu, insurans lebih sesuai untuk risiko yang mempunyai kebarangkalian kerugian yang rendah.

2.2.2 Kerugian Yang Boleh Diinsuranskan

Kerugian yang boleh diinsuranskan adalah yang melibatkan risiko tulen iaitu yang melibatkan ketidakpastian akan berlakunya kerugian dan tidak ada kemungkinan berlakunya keuntungan. Kerugian yang boleh diinsuranskan terbahagi kepada tiga kategori iaitu kerugian harta, kerugian diri dan kerugian liabiliti:

i. Kerugian Harta

Kerugian yang dihadapi oleh pemilik harta akibat kerosakan atau kemusnahan fizikal harta mereka.¹⁶ Contohnya kemusnahan bangunan disebabkan oleh kebakaran, kerosakan kereta akibat kemalangan dan kecurian barang berharga. Kebiasaannya kerugian ini perlu disertakan bukti kerosakan ataupun laporan polis.

Ganti rugi yang akan dibayar oleh syarikat insurans tidak boleh melebihi daripada kerugian sebenar yang berlaku. Saiz kerugian boleh dianggarkan daripada kos membaikpulih atau mengganti harta yang rosak tersebut.¹⁷

ii. Kerugian Diri

Kerugian ini melibatkan kerugian yang mungkin dihadapi oleh individu akibat salah satu peril seperti kematian, kesihatan yang tidak baik, hilang upaya, uzur dan sebagainya. Individu yang mengalami kerugian tersebut boleh juga menyebabkan kerugian kewangan kepada tanggungan atau majikannya. Insurans hayat boleh

¹⁶ *Ibid.*, 14.

¹⁷ Hendon Redzuan, *Prinsip Pengurusan Risiko*, 58.

menangani risiko kematian, manakala insurans kesihatan boleh menangani risiko hilang upaya, kesihatan merosot dan sebagainya.

iii. Kerugian Liabiliti

Kerugian liabiliti merupakan risiko yang mungkin dihadapi oleh individu atau organisasi kerana telah melakukan sesuatu yang mengakibatkan kecederaan anggota atau kemusnahan harta orang lain. Misalnya, pemandu terdedah kepada kerugian liabiliti dan undang-undang mewajibkan untuk membayar gantirugi kepada orang yang telah dcederakan jika didapati pemandu tersebut cuai ketika memandu. Doktor, peguam, jurutera dan ahli profesional lain juga turut terdedah dengan risiko liabiliti kerana mereka mungkin dituduh oleh pelanggan atas alasan salah amalan.¹⁸

Terdapat libiliti lain yang boleh dihadapi oleh sesebuah organisasi dan boleh dilindungi oleh produk insurans antaranya:¹⁹

- i. Liabiliti majikan: tanggungjawab majikan terhadap pekerja yang cedera sewaktu menjalankan tugasnya.
- ii. Liabiliti produk: tanggungjawab pengeluar atau penjual kepada pengguna yang cedera akibat penggunaan sesuatu produk.
- iii. Liabiliti profesional: tanggungjawab ahli profesional seperti arkitek, doktor, jurutera dan lain-lain kepada pelanggan yang mendapat kecederaan akibat khidmat yang diberikan oleh ahli profesional.

¹⁸ Lim Chee, *Pengurusan Risiko*, 14.

¹⁹ Hendon Redzuan, *Prinsip Pengurusan Risiko*, 60.

2.2.3 Kerugian Yang Tidak Boleh Diinsuranskan

Walaupun terdapat banyak risiko yang boleh diinsuranskan, namun terdapat juga risiko yang tidak sesuai untuk diinsuranskan. Kebanyakan risiko pasaran, risiko kewangan, risiko pengeluaran dan risiko politik tidak sesuai diinsuranskan kerana ia bersifat spekulatif, iaitu individu boleh mendapat kerugian atau keuntungan terhadap sesuatu yang berlaku. Tujuan insurans adalah untuk memastikan individu itu dipulihkan kedudukan kewangannya kepada keadaan yang sama seperti sebelum kerugian berlaku. Insurans tidak boleh seseorang mendapat keuntungan daripada perkara yang diinsuranskan.²⁰

Selain daripada itu, risiko-risiko tersebut boleh menyumbang kepada kebarangkalian kerugian katastrofi yang tinggi. Contohnya risiko politik boleh mencetuskan peperangan. Dan akhir sekali, pengiraan premium yang wajar dikenakan sukar dilakukan kerana kebarangkalian berlakunya kerugian akibat risiko tersebut tidak boleh dianggarkan dengan baik. Antara contoh lain, kerugian yang dialami oleh peruncit terhadap sesuatu barangan akibat daripada perubahan citarasa pengguna tidak boleh diinsuranskan kerana tiada data terkumpul bagi perubahan citarasa tersebut.²¹

2.3 PROSES PENGUNDERAITAN

Insurans merupakan satu sistem yang melibatkan proses pemindahan risiko. Pemindahan risiko tersebut melibatkan bayaran yang dikenali sebagai premium oleh pemegang polisi kepada syarikat insurans. Untuk melihat sistem insurans yang efisien, ia bergantung kepada pengunderaitan yang akhirnya dapat menentukan kadar premium.

²⁰ *Ibid.*, 59.

²¹ *Ibid.*, 60.

2.3.1 Definisi Pengunderaitan

Pengunderaitan merupakan proses yang sangat penting dalam operasi di setiap syarikat insurans bagi menentukan kelayakan pemohon untuk mendapatkan perlindungan insurans.²² Kebiasaannya, syarikat insurans akan menolak beberapa permohonan individu dan menerima permohonan individu yang lain berdasarkan kelayakan kriteria yang telah ditetapkan.²³

Pengunderaitan juga merupakan proses pemilihan dan pengelasan risiko yang dilakukan oleh syarikat insurans ke atas permohonan insurans oleh individu untuk melindungi harta dan liabiliti.²⁴ Ia juga merupakan salah satu proses bagi menentukan kadar bayaran premium yang bakal dikenakan kepada individu yang diinsurankan. Proses ini melibatkan penaksiran dan pemeriksaan terhadap individu bagi menetapkan kadar dan kelas risiko.²⁵ Secara ringkasnya, ia adalah satu proses pemilihan risiko yang mana ia akan menentukan sama ada sesuatu risiko itu akan diterima atau ditolak oleh syarikat insurans²⁶ dan ia adalah proses yang amat penting dalam operasi setiap pelan insurans supaya syarikat dapat mengelak daripada berlakunya anti-pemilihan (*adverse selection*).²⁷

Kriteria yang digunakan untuk memeriksa para pemohon boleh berubah dari ke tahap ketat kepada tahap yang longgar. Pada suatu tahap yang ekstrem, terdapat syarikat insurans yang mengikut piawaian pengunderaitan yang sangat ketat untuk menentukan kelayakan pemohon dan kemungkinan besar akan berlaku banyak penolakan terhadap

²² Arthur Williams, Michael L. Smith dan Peter C. Young, *Risk Management and Insurance*, ed. ke-8 (New York: Irwin McGraw Hill, 1998), 389.

²³ *Ibid.*

²⁴ Hendon Redzuan, *Prinsip Pengurusan Risiko*, 180.

²⁵ Htay, et al. (2011) "Shariah Scholars' Viewpoint on The Practice of Underwriting and Rating for Individual Participants in Family Takaful", (International Islamic Banking, Finance and Investment Conference, 19-20 Disember 2011), 4.

²⁶ Ahamd Mazlan et al., *Asas Amalan Takaful* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2012), 217.

²⁷ Vaughan E. dan Vaughan T., *Essential of Insurance*, 112.

permohonan. Manakala, pada suatu tahap yang lain pula, polisis “*guaranteed issue*” digunakan kepada hampir kesemua pemohonan iaitu hanya sedikit sahaja kriteria yang digunakan untuk memeriksa kelayakan pemohon.²⁸

2.3.2 Tujuan Pengunderaitan

Tujuan pengunderaitan adalah untuk menganalisa risiko. Ia juga diperlukan untuk menilai jenis pendedahan risiko yang akan ditanggung oleh syarikat. Selain daripada itu, amalan pengunderaitan juga dapat menentukan kadar premium yang akan dikenakan ke atas individu.²⁹

Pengunderaitan ini juga sangat diperlukan untuk menghalang orang ramai membeli insurans apabila mereka sakit atau setelah berlaku suatu musibah. Selain daripada itu, pengunderaitan juga penting untuk mengelak daripada berlakunya anti-pemilihan (*adverse selection*) iaitu individu yang berisiko tinggi lebih cenderung untuk membeli insurans daripada individu yang berisiko rendah.³⁰ Ini kerana, mengelak daripada berlakunya anti-pemilihan merupakan tujuan utama dalam pengunderaitan.³¹

Pengunderaitan bukan sahaja untuk memilih risiko yang tiada kerugian, tetapi ia juga diperlukan untuk mengelak daripada berlakunya ketidakseimbangan bilangan risiko yang buruk dalam suatu polisi, sekaligus menyamakan kerugian yang sebenar dengan kerugian yang dijangka.³²

²⁸ C.Arthur Williams et al., *Risk Management and Insurance*, 389.

²⁹ Ahmad Mazlan et al., *Asas Amalan Takaful*, 224.

³⁰ *Ibid.*

³¹ Bernard L. Webb, Connor M. Harrison dan James J. Markham, *Insurance Operation*, ed. ke-2 (Malvern: American Institute for Chartered Property Casualty Underwriter, 1997), 120.

³² Vaughan E dan Vaughan T., *Essential of Insurance*, 112.

Selain daripada itu, pengunderaitan ini sangat penting dalam menentukan kejayaan sesebuah syarikat insurans. Keputusan atau hasil pengunderaitan yang baik adalah perlu untuk pertumbuhan yang menguntungkan, bahkan ia boleh mengekalkan kebolehtahanan syarikat.³³

2.3.3 Objektif Pengunderaitan

Proses pengunderaitan dilakukan untuk memenuhi objektif tertentu. Objektif proses pengunderaitan ialah:³⁴

- i. Memastikan risiko yang hendak diberikan perlindungan insurans tidak mengalami kerugian sebenar yang jauh lebih besar daripada kerugian yang dijangka.
- ii. Menentukan premium yang setimpal untuk dikenakan kepada orang yang diinsuranskan.

2.3.4 Anti Pemilihan

Anti pemilihan menerangkan keadaan di mana permintaan individu untuk insurans mempunyai kaitan yang positif dengan risiko kerugian syarikat insurans tidak membenarkan kolerasi ini dalam penentuan harga.³⁵ Ia juga merujuk kepada kecenderungan individu yang mempunyai kebarangkalian kerugian yang lebih tinggi daripada purata untuk mendapatkan insurans pada kadar biasa (*standard rate*). Jika tidak dikawal, ia boleh mengakibatkan kerugian sebenar yang lebih tinggi daripada kerugian yang dijangkakan.³⁶ Masalah anti-pemilihan ini timbul apabila individu

³³ Bernard L. Webb et al., *Insurance Operation*, 119.

³⁴ Hendon Redzuan et al., *Prinsip Pengurusan Risiko*, 58.

³⁵ *Ibid.*, 220.

³⁶ Mark S. Dorfman, *Introduction to Risk Management and Insurance*, ed. ke-8 (New Jersey: Pearson Prentice Hall, 2004), 95.

berisiko tinggi berjaya mendapat perlindungan dengan membayar kadar premium yang rendah atau pada kadar biasa.

Anti pemilihan juga boleh berlaku sekiranya individu yang menghidap penyakit kronik seperti kanser ingin mendapatkan insurans kesihatan atau hayat pada kadar biasa, atau daripada individu yang gemar memandu laju inginkan insurans motor pada kadar biasa.³⁷

Syarikat perlu mengelak daripada berlakunya anti-pemilihan ini kerana ia akan melibatkan bilangan tuntutan yang tinggi dan menyebabkan kedudukan kewangan syarikat akan terjejas.³⁸ Kaedah untuk mengurangkan anti pemilihan ini adalah dengan melalui proses pengunderaitan. Jika individu tidak dapat memenuhi syarat pengunderaitan yang ditetapkan kerana mempunyai risiko yang tinggi, individu tersebut masih boleh diberikan perlindungan insurans pada kadar yang lebih tinggi daripada purata, iaitu dengan premium tambahan atas kadar purata.³⁹

2.3.5 Faktor Pengunderaitan Insurans Am

Semua unsur dalam pengunderaitan akan memilih dan menilai harta dengan mengenakan kadar premium yang sesuai untuk memberi perlindungan terhadap sesuatu harta tersebut. Pengunderaitan bagi insurans kereta, maklumat pemohon seperti jantina, umur pemandu, pekerjaan dan rekod pemanduan perlu diketahui. Sekiranya pemohon mempunyai rekod pemanduan yang teruk, maka pemohon akan dikenakan bayaran premium yang tinggi. Selain itu, pengunderait juga akan menilai maklumat berkenaan dengan kenderaan itu sendiri seperti jenis kenderaan, tujuan penggunaan kenderaan,

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Hendon Redzuan et al., *Prinsip Pengurusan Risiko*, 59.

³⁹ *Ibid.*

tahun pembuatan kenderaan, kewujudan alat pencegah kecurian, beg udara dan sebagainya.⁴⁰

Bagi pengunderaitan insurans kebakaran, pengunderait akan mengambil kira beberapa faktor seperti jenis pembinaan harta sama ada diperbuat daripada kayu atau batu, tujuan penggunaan bangunan sama ada untuk komersial atau kediaman, penyediaan perlindungan kebakaran dan ciri-ciri keselamatan seperti alat penggera, perenjis kebakaran dan sebagainya.⁴¹ Kesemua faktor-faktor pengunderaitan diambil kira dalam menentukan kadar premium untuk insurans am.

2.3.6 Faktor Pengunderaitan Insurans Hayat

Pengunderaitan insurans hayat merujuk kepada proses pemilihan dan pengkelasan individu dan pemohonan yang diterima itu perlu ditempatkan pada kelas pengunderaitan yang betul. Oleh itu, individu akan membayar nilai premium yang mencerminkan risiko yang bakal ditanggung. Faktor-faktor pengunderaitan penting bagi menentukan sama ada pemohon itu dikelaskan sebagai *standard*, *sub-standard* ataupun ditolak pemohonannya. Berikut adalah faktor-faktor pengunderaitan insurans hayat:⁴²

- Umur dan jantina

Umur adalah antara faktor utama yang menentukan kadar premium yang perlu dibayar kerana kebiasaannya kadar kematian berkolerasi dengan umur seseorang. Semakin tinggi umur, semakin tinggi kadar premium. Kebanyakan syarikat insurans tidak

⁴⁰ Eric A. Wiening et al., *Personal Insurance* (America: American Institute for Chartered Property Casualty Underwriters/Insurance Institute of America, 2002), 2.21.

⁴¹ Mark S. Dorfman, *Introduction to Insurance*, (New Jersey: Prentice-Hall, 1978), 89.

⁴² Edward E. Graves, ed., *McGill's Life Insurance* (Bryn Mawr, Pa.: The American College, 1994), 437-438. Lihat Eric A. Wiening et al., *Personal Insurance*, 11.23.

memberi perlindungan apabila telah mencapai tahap umur tertentu dan menghadkan jumlah perlindungan.⁴³

Faktor jantina juga mempengaruhi bayaran premium. Ini kerana lelaki dan perempuan mempunyai tahap kemortalan (kematian) dan kemorbidan (penyakit) yang berbeza. Jadual di bawah menunjukkan jangka hayat individu mengikut jantina:

Jadual 2.1: Jadual Kemortalan

Umur	Lelaki 1000qx	Jangka hayat lelaki	Perempuan 1000qx	Jangka hayat perempuan
16	0.78	60.05	0.39	64.17
17	0.89	59.10	0.41	63.19
18	0.95	58.15	0.44	62.22
19	0.98	57.21	0.46	61.25
20	1.00	56.26	0.47	60.27
21	1.01	55.32	0.49	59.30
22	1.02	54.37	0.50	58.33
23	1.04	53.43	0.51	57.36
24	1.06	52.48	0.53	56.39
25	1.09	51.54	0.55	55.42
26	1.14	50.60	0.58	54.45
27	1.17	49.65	0.61	53.48
28	1.16	48.71	0.64	52.51
29	1.15	47.77	0.67	51.55
30	1.14	46.82	0.70	50.58
31	1.13	45.88	0.75	49.62
32	1.14	44.93	0.79	48.65
33	1.16	43.98	0.85	47.69
34	1.19	43.03	0.92	46.73
35	1.24	42.08	1.00	45.78
36	1.31	41.14	1.07	44.82
37	1.39	40.19	1.14	43.87
38	1.49	39.25	1.20	42.92
39	1.59	38.30	1.26	41.97
40	1.72	37.36	1.34	41.03
41	1.87	36.43	1.43	40.08
42	2.05	35.50	1.53	39.14
43	2.27	34.57	1.65	38.20
44	2.52	33.65	1.79	37.26
45	2.77	32.73	1.96	36.33
46	3.03	31.82	2.16	35.40
47	3.25	30.92	2.38	34.48
48	3.42	30.02	2.64	33.56
49	3.64	29.13	2.93	32.65
50	3.91	28.23	3.24	31.74
51	4.26	27.34	3.60	30.85

⁴³ Ahmad Mazlan et al., *Asas Amalan Takaful*, 229.

52	4.70	26.46	3.99	29.96
53	5.21	25.58	4.41	29.08
54	5.83	24.72	4.86	28.21
55	6.52	23.86	5.36	27.34
56	7.26	32.03	5.91	26.49
57	7.95	22.19	6.49	25.65
58	8.63	21.37	7.09	24.82
59	9.42	20.55	7.70	23.99
60	10.40	19.75	8.34	23.18
61	11.59	18.96	9.03	22.37
62	12.98	18.18	9.76	21.58
63	14.47	17.42	10.55	20.79
64	16.04	16.67	11.40	20.01
65	17.65	15.94	12.33	19.24
66	19.27	15.23	13.35	18.48
67	20.96	14.53	14.48	17.73
68	22.74	13.84	15.71	16.99
69	24.69	13.16	17.08	16.27
70	26.94	12.50	18.63	15.55

Sumber: Commissioners 2001 Standard Ordinary Mortality Table

Dalam jadual di atas, ruangan kedua dan keempat merupakan bilangan tahunan jangkaan kematian setiap 1000 orang. Contohnya, terdapat 10,000 orang lelaki yang hidup pada umur 35 tahun. Dianggarkan kadar mortaliti disetiap 1000 yang diinsurankan adalah 1.24. Ini bermakna anggaran kematian dalam kumpulan 10,000 yang diinsurankan adalah 12.4. Kadar mortaliti meningkat dengan umur kerana semakin tinggi umur, semakin tinggi risiko kematian yang dihadapi oleh seseorang individu.⁴⁴

- Susuk tubuh dan keadaan fizikal

Dalam amalan insurans, susuk tubuh merujuk kepada keadaan tinggi, berat dan ukuran pinggang pemohon.⁴⁵ Individu yang mempunyai berat badan berlebihan cenderung menghadapi kematian yang awal. Oleh itu, faktor-faktor ini diambil kira disebabkan ianya berkaitan dengan kadar kematian.⁴⁶ Syarikat insurans akan mengawal

⁴⁴ Hendon Redzuan, *Prinsip Pengurusan Risiko*, 314.

⁴⁵ Eric A. Wiening et al., *Personal Insurance*, 11.23.

⁴⁶ *Ibid.*

pengambilan individu yang berisiko tinggi terhadap penyakit bagi memastikan keadaan kewangan insurans sentiasa berada dalam keadaan baik.

Sesetengah ujian kesihatan akan dilakukan bergantung kepada jumlah perlindungan yang diperlukan untuk menentukan keadaan fizikal pemohon. Ujian kesihatan ini termasuklah ujian tekanan darah, kencing manis, ujian darah untuk AIDS (*acquired immune deficiency syndrome*) dan sebagainya.

- Sejarah kesihatan individu dan keluarga

Pemohon akan dinilai keadaan dirinya pada masa kini dan juga sejarah kesihatan pemohon bagi menentukan keadaan pemohon tersebut sama ada mempunyai penyakit atau mungkin pemohon pernah ditolak oleh insurans hayat ataupun tidak dan sebagainya. Pemohon juga akan ditanya mengenai tahap kesihatan, jenis rawatan perubatan yang pernah diterima dan kecacatan yang sedia ada.⁴⁷ Segala jenis penyakit yang terdapat pada pemohon seperti kanser, kencing manis, tekanan darah tinggi, tibi, asma dan lain-lain yang pernah dihadapi ataupun sedang menerima rawatan bagi penyakit tersebut perlulah didedahkan kepada syarikat insurans.⁴⁸ Syarikat juga memerlukan beberapa laporan kesihatan bagi memastikan tahap kesihatan pemohon seperti jadual di bawah:

⁴⁷ Ahmad Mazlan et al., *Asas Amalan Takaful*, 226.

⁴⁸ Eric A. Wiening et al., *Personal Insurance*, 11.23.

Jadual 2.2: Jadual Laporan Kesihatan

Jumlah perlindungan	0-15	16-35	36-40	41-45	46-50	51-55	56-70
Sehingga 100,000							
100,001-150,000							EXM
150,001-200,000						EXM	EXM,MU, BLD,ECG
200,001-250,000						EXM,MU, ECG	
250,001-350,000	EXM				EXM,MU		
350,001-400,000	PD,APS						EXM,MU,ECG, APS,BLD
400,001-500,000				EXM			
500,001-750,000	N/A	EXM,MU,UHIV	EXM,MU,ECG,UHIV		EXM,MU,ECG, APS,HIV	EXM,MU, ECG,UHIV, APS, BLD	EXM,MU,ECG, UHIV,APS, BLD,CXR, TM
750,001-1,000,000		EXM,MU,ECG, UHIV	EXM,MU,CXR,ECG,UHIV,APS,BLD			EXM,MU,CXR,ECG,UHIV,APS,BLD,TM	
1,000,001-1,500,000		EXM,MU,CXR,ECG,UHIV,BLD,APS				EXM,MU,CXR,UHIV,APS, BLD,TM	

EXM: Medical Examination by Panel Doctor
 MU: Microscopic & Chemical Analysis of Urine
 CXR: Chest X-Ray
 APS: Attending Physician's Statement
 PD: Medical Examination by Preferred Doctor
 ECG: Electro Cardiogram / Resting ECG
 TM: Tread Mill
 BLD: Full Blood Test (Blood Taken after Fasting)
 UHIV: Urine HIV Test

Sumber: Diubahsuai Daripada Jadual Keperluan Perubatan Insurans Hayat.⁴⁹

Jadual di atas menunjukkan laporan kesihatan yang diperlukan oleh syarikat untuk setiap jumlah perlindungan dan umur pemohon. Makin banyak nilai perlindungan yang dibeli oleh pemohon, makin banyak laporan kesihatan daripada doktor yang diperlukan oleh syarikat insurans.

⁴⁹Underwriting Overview, Reference Guide to Prudential's Underwriting, laman sesawang, http://www.prudential.com/media/managed/liu/Underwriting_Overview.pdf.

Selain daripada itu, maklumat sejarah kesihatan keluarga juga dikehendaki oleh syarikat insurans. Sejarah kesihatan keluarga turut mempengaruhi tahap kesihatan individu pada masa akan datang. Contohnya, di Texas terdapat seorang wanita yang ditolak permohonan dalam insurans hayat dan kecacatan disebabkan rekod yang menunjukkan bahawa ibunya telah meninggal dunia disebabkan oleh penyakit *Huntington's*.⁵⁰

Ini menunjukkan terdapat penyakit yang boleh diwarisi dan syarikat insurans akan mempertimbangkan kemungkinan keadaan kesihatan ahli keluarga pemohon sebagai petunjuk risiko yang dihadapi oleh pemohon sendiri.⁵¹

- Merokok dan tabiat

Syarikat insurans akan memilih untuk mengambil pemohon yang kurang berisiko. Perokok mempunyai risiko yang tinggi berbanding dengan bukan perokok. Syarikat insurans akan meminta maklumat mengenai tempoh berhenti merokok serta bilangan rokok yang diambil dalam masa sehari.

Begitu juga mereka yang mempunyai tabiat pengambilan dadah mahupun alkohol. Faktor begini juga diambil kira dan mempengaruhi kadar premium pemohon. Bagaimanapun, pemohon yang telah berjaya menjalani rawatan atau telah tidak mengambil alkohol dalam jangka masa yang lama berkemungkinan akan boleh diinsuranskan dalam kadar yang biasa.⁵²

⁵⁰ Patrick L. Brockett, *The Genetics Revolution*, "The Genetics Revolution, Economics, Ethic and Insurance." *Journal of Business Ethic* 16 (1997), 1668.

⁵¹ Ahmad Mazlan et. al, *Asas Amalan Takaful*, 226.

⁵² Eric A. Wiening et al., *Personal Insurance*, 11.23.

- Sukan berbahaya dan hobi

Pemohon juga akan dinilai melalui aktiviti yang menjadi kegemaran pemohon kerana sesetengah aktiviti atau hobi adalah berbahaya dan boleh meningkatkan risiko kematian. Menyelam, meluncur, lumba kereta, dan terjun payung adalah antara sukan yang berbahaya dan tidak dilindungi oleh insurans. Jika ianya diterima untuk dilindungi, berkemungkinan pemohon akan dikenakan bayaran premium yang tinggi.

- Pekerjaan dan penetapan

Pemohon juga akan ditanya mengenai kehidupan di luar negara, sama ada pemohon mungkin mempunyai perancangan untuk tinggal di luar negara atau mungkin baru pulang daripada menetap di luar negara dalam jangka masa yang panjang. Penetapan adalah antara faktor yang diambil kira dalam pengunderaitan. Ini adalah disebabkan oleh kadar kematian di seluruh negara adalah berbeza berdasarkan kepada faktor-faktor seperti taraf hidup, iklim, kebersihan, wabak, peperangan dan lain-lain.⁵³

Selain daripada itu, sesetengah pekerjaan mempunyai kaitan yang tinggi dengan risiko untuk mengalami kemalangan atau musibah. Ini kerana setiap pekerjaan mempunyai tahap risiko yang berbeza. Bagi mereka yang mempunyai pekerjaan yang bahaya, kemungkinan tuntutan perbelanjaan perubatan adalah tinggi.⁵⁴ Sektor pelombongan, pembalakan, pembinaan dan pekerjaan yang terdedah dengan racun ataupun habuk adalah dalam kategori pekerjaan yang berbahaya. Jadi faktor pekerjaan ini akan mempengaruhi kadar bayaran yang akan dikenakan ke atas pemohon. Jadual di bawah menunjukkan contoh jadual pengkelasan pekerjaan yang digunakan oleh syarikat insurans.

⁵³ Eric A. Wiening et al., *Personal Insurance*, 11.24.

⁵⁴ Ahmad Mazlan et al., *Asas Amalan Takaful*, 222.

Jadual 2.3: Kelas Pekerjaan

Kelas	Pekerjaan
1	Akauntan, Pembantu Akauntan, Aktuari, Auditor, Pengurus Bank, Doktor Perubatan, Agen Insurans, Pengunderait, Pensyarah Universiti, Perancang Bandar.
2	Pemandu Pelancong, Juru Kamera, Chef, Pereka Pakaian, Juruhias Interior, Pakar Ekologi, Pengurus Hotel, Juruteknik Fotografi, Perunding Jualan, Penjaga Stor.
3	Jurutera Pertanian, Tukang Kasut, Peniaga Lembu, Jururawat, Jurutera Peralatan Pergigian, Kontraktor Elektrik, Jurutera Hidraulik, Jurutera Marin.
4	Tukang Kaca, Mekanik, Tukang Batu, Tukang Paip, Pekerja dalam Industri Logam, Jurutera Penyelenggaraan, Mekanik Gas.

Sumber: Guideline on Occupational Classification for Medical Insurance.⁵⁵

2.3.7 Insurans Hayat Berkelompok

Insurans Hayat Berkelompok mempunyai ciri yang berbeza. Insurans hayat berkelompok merupakan satu plan perlindungan diberi kepada beberapa jumlah orang di bawah satu kontrak, yang dikenali sebagai “*master contract*”. Plan ini selalunya ditawarkan kepada majikan untuk faedah pekerja-pekerjanya.⁵⁶ Pada kebiasaanya, di bawah skim berkelompok, kontrak insurans itu hanya ditandatangani oleh majikan ataupun penerima yang bertindak sebagai sebuah organisasi tunggal bagi pihak individu dalam kelompok. Oleh itu, *master contract* akan dikeluarkan kepada penerima iaitu majikan sebagai bukti perlindungan. “*Master contract*” ini menyatakan hubungan kontrak itu berlaku antara syarikat dengan majikan.⁵⁷

⁵⁵Guideline on Occupational Classification for Medical Insurance [http://www.maa.com.sg/Aviva
Guideline%20on%20Occupational%20Classification%20for%20Medical%20Insurance%20\(Apr%202005\).pdf](http://www.maa.com.sg/Aviva%20Guideline%20on%20Occupational%20Classification%20for%20Medical%20Insurance%20(Apr%202005).pdf)

⁵⁶ Vaughan E. J dan Vaughan T. M, *Essential of Insurance*, 202.

⁵⁷ Roslinah Daud, “*Underwriting Family Takaful Scheme*”, ICMIF Takaful (2009), 4.

Setiap ahli dalam kelompok tidak akan dinilai satu per satu. Pengunderait bagi insurans berkelompok hanya akan menilai secara keseluruhan individu dalam kelompok sama ada kelompok itu diterima ataupun ditolak.⁵⁸

Insurans hayat berkelompok yang ditaja oleh majikan boleh bersifat ‘melibatkan penyertaan’ atau ‘tidak melibatkan penyertaan’. Bagi pelan yang ‘melibatkan penyertaan’, majikan dan pekerja saling berkongsi kos insurans. Manakala pelan yang ‘tidak melibatkan penyertaan’, majikan membayar harga kos secara keseluruhan.⁵⁹

2.3.8 Faktor Pengunderaitan Berkelompok

Sebelum sesebuah kelompok itu diterima oleh pihak insurans untuk memberi perlindungan ke atas kelompok tersebut, terdapat beberapa faktor pengunderaitan yang diambil kira bagi menentukan kelayakan kelompok tersebut.

Pertama, tujuan utama penyertaan setiap individu dalam kelompok tersebut bukanlah inginkan perlindungan insurans semata-mata. Keperluan ini adalah untuk melindungi syarikat insurans terhadap kelompok *sub-standard* yang dibentuk semata-mata untuk mendapatkan perlindungan insurans. Sekiranya kesemua ahli yang berisiko tinggi berada dalam kelompok tersebut, syarikat insurans akan menolak permohonan mereka kerana ianya membahayakan kewangan syarikat.⁶⁰

Kedua, saiz kelompok yang besar akan dinilai dengan menggunakan pengalaman kerugian yang lepas dalam menentukan kadar premium. Kebisaannya syarikat insurans akan menetapkan jumlah minimum ahli dalam kelompok. Jika saiz kelompok terlalu kecil akan menimbulkan masalah kos urusan pentadbiran yang tinggi daripada saiz kelompok yang besar. Selain daripada itu, ia akan menyebabkan pekerja lebih berminat

⁵⁸ *Ibid.*

⁵⁹ Emmett J. Vaughan dan Therese M. Vaughan, *Essential of Insurance*, 203.

⁶⁰ Eric A. Wiening et al., *Personal Insurance*, 11.25.

untuk mendapatkan insurans disebabkan masalah kesihatan yang dialami. Ini kerana majikan akan membayar insurans tersebut tanpa memerlukan bayaran atau bayaran yang sedikit daripada pekerja.⁶¹

2.4 KESIMPULAN

Setiap pemohonan yang dilakukan oleh individu akan mengalami proses pengunderaitan. Setiap maklumat berkenaan dengan pemohon ataupun harta yang ingin dilindungi perlu didedahkan kepada syarikat insurans. Hal ini merupakan salah satu cara untuk mengelaskan risiko dan menetapkan kadar bayaran premium yang munasabah kepada pemohon. Bayaran premium yang dibayar oleh pemohon juga merupakan bayaran yang mencerminkan risiko yang bakal ditanggung oleh syarikat insurans.

Oleh itu, pengunderaitan ini merupakan salah satu operasi penting dalam syarikat insurans dalam memastikan risiko yang ditanggung selaras dengan bayaran premium yang dibayar oleh pemohon.

⁶¹ *Ibid.*

BAB 3

FAKTOR-FAKTOR PENGUNDERAITAN DALAM PRODUK TAKAFUL TERPILIH

3.1 PENDAHULUAN

Setiap pemohonan untuk menyertai plan takaful akan dinilai tahap risiko yang dibawa oleh pemohon terlebih dahulu. Faktor-faktor pengunderaitan digunakan bagi menentukan tahap risiko yang ditanggung oleh pemohon. Maka, bab ini akan mengulas mengenai faktor-faktor pengunderaitan yang digunakan dalam produk takaful keluarga khususnya dalam produk kad kesihatan yang diamalkan di syarikat takaful terpilih. Pengkaji juga telah memilih satu produk di setiap syarikat takaful terpilih yang akan dijadikan contoh dalam mengenalpasti amalan pengunderaitan yang diamalkan dalam produk tersebut.

Syarikat takaful perlu mengenalpasti keadaan setiap individu yang ingin menyertai takaful berada dalam keadaan baik. Oleh itu, maklumat seperti umur, jantina, tahap kesihatan, jenis pekerjaan dan sebagainya merupakan antara faktor-faktor pengunderaitan yang digunakan dalam produk takaful untuk menilai risiko pemohon.

3.2 PENGURUSAN DANA DALAM INDUSTRI TAKAFUL

Dana takaful diperolehi daripada penyertaan individu dalam produk-produk takaful. Peserta akan memperuntukkan sebahagian atau keseluruhan sumbangan ke dalam suatu tabung tertentu. Keupayaan dana takaful untuk membayar segala tuntutan yang dibuat oleh peserta bergantung kepada kecukupan aset dalam dana tersebut.⁶² Sumbangan daripada peserta akan dimasukkan ke dalam dana risiko atau juga dipanggil sebagai tabung dana *tabarru'*. Maka setiap peserta akan saling membantu sekiranya ada dikalangan mereka yang ditimpa kecelakaan. Fungsi dana ini adalah untuk melindungi peserta sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini ke atas peserta takaful. Sekiranya tidak berlaku tuntutan dalam tabung *tabarru'* yang telah disumbangkan oleh peserta ke atas perkara yang ingin dilindungi, maka sumbangan tersebut akan dikira sebagai sedekah atau amal jariah.

Sekiranya berlaku kekurangan dana, syarikat takaful perlu bertanggungjawab dengan menyalurkan dana daripada dana pemegang saham secara *qard*. Jika kekurangan dana ini berpunca daripada kesalahan dalam pengurusan dana risiko peserta, syarikat perlu membuat suntikan aset daripada dana pemegang saham kepada dana tersebut.⁶³ Suntikan aset merupakan langkah pengawalan berhemat untuk menjaga kemaslahatan umum demi kepentingan orang ramai dan industri takaful secara keseluruhan. Ini selaras dengan kaedah fiqh seperti (المصلحة العامة مقدمة على المصلحة الخاصة) yang bermaksud

⁶² INCIEF, *Takaful Reality & Challenges* (Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd, 2012), 134.

⁶³ Tanggungjawab untuk memberikan *qard* kepada dana risiko peserta yang mengalami defisit adalah sebahagian daripada peranan syarikat takaful sebagai entiti yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan operasi takaful. Lihat Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, Bank Negara Malaysia.

masalah umum diutamakan ke atas masalah khusus⁶⁴ serta kaedah (الضرر يزال) yang bermaksud kemudharatan hendaklah dihilangkan.⁶⁵

Maka dana risiko atau dana *tabarru'* ini perlu dilindungi daripada berlaku sebarang kekurangan atau kerugian. Ini kerana kekurangan tabung dana *tabarru'* akan menjejaskan perjalanan syarikat takaful dalam memberi perlindungan kepada peserta sekiranya mereka membuat tuntutan.

Seperti yang dinyatakan dalam bab sebelumnya, proses pengunderaitan yang dilakukan adalah untuk menilai risiko serta menentukan kadar sumbangan yang dikenakan ke atas peserta. Maka proses ini perlu dilakukan dengan telus agar sumbangan yang dikenakan kepada peserta wajar dengan risiko yang dibawa.

Sekiranya individu yang berisiko tinggi membayar sumbangan yang sama dengan mereka yang berisiko rendah, ia akan memberi masalah terhadap dana syarikat. Akhirnya pemegang saham sentiasa menyuntik dana kepada syarikat kerana masalah pemnggunaan dana yang tidak telus dalam membayar tuntutan yang dibuat oleh peserta. Oleh itu, proses pengunderaitan ini sangat berkait rapat dengan pengurusan dana syarikat supaya dapat berdiri kukuh dalam industri ini.

⁶⁴ Al-Syātibi, *al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Syarīah* (Beirūt: Dār al-Ma'rīfah, 1999), 2:645.

⁶⁵ Ibnu Nujaim, *al-Ashbāh Wa al-Nazāir* (Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1980), 1: 85. Lihat Ahmad bin Muhammad al-Zarqā', *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1989), 2: 179.

3.3 PENGENALAN PRODUK TAKAFUL KELUARGA: IKHLAS MEDICAL ASSIST TAKAFUL (IMAT), TAKAFUL IKHLAS.

3.3.1 Objektif

Kewujudan produk IMAT ini adalah untuk memenuhi permintaan orang awam yang memerlukan perlindungan dalam bentuk perbelanjaan bagi kos rawatan dan pembedahan. Bil hospital yang meningkat pada masa kini menyebabkan ramai orang menginginkan manfaat yang diberikan dalam produk-produk takaful.

3.3.2 Kelayakan Memohon

Produk IMAT terbuka kepada sesiapa yang berusia 19 hingga 60 tahun. Ia juga terbuka kepada anak-anak tanggungan pemohon yang berumur dari 30 hari hingga 19 tahun (sehingga 23 tahun jika belajar sepenuh masa).

3.3.3 Manfaat Perlindungan

IMAT adalah produk perubatan yang menawarkan lima pelan penghospitalan dan pembedahan yang komprehensif dengan kos yang berpatutan. Produk ini turut menyediakan perlindungan kepada pemohon seperti memberi bayaran kemasukan hospital, bayaran pembedahan, bayaran pakar bius, bilik bedah, bayaran ambulans dan sebagainya.

3.4 PENGENALAN PRODUK TAKAFUL KELUARGA: MAA SMARTMEDIC, MAA TAKAFUL.

3.4.1 Objektif

SmartMedic adalah merupakan kad perubatan yang diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada orang awam khusus terhadap urusan penghospitalan dan rawatan pembedahan.

3.4.2 Kelayakan Memohon

SmartMedic boleh dipohon oleh sesiapa sahaja yang berusia 18 tahun dan ke atas. Manakala, orang yang ingin dilindungi perlulah berumur antara 30 hari sehingga 59 tahun.

3.4.3 Manfaat Perlindungan

SmartMedic merupakan satu pelan perubatan yang menyediakan kemudahan dalam memberi perlindungan secara komprehensif kepada individu meliputi kemudahan kemasukan hospital dan pembayaran bil-bil perubatan. Produk ini memberi perlindungan berpanjangan tanpa meletakkan had seumur hidup. Antara manfaat yang diberikan melalui produk ini adalah pemohon bebas untuk memilih pelan yang paling komprehensif dan sesuai dengan keperluan pemohon. Pemohon juga layak untuk memilih bilik dan penginapan hospital harian tertakluk kepada pelan yang dipilih dan penyediaan manfaat khairat kematian sebanyak RM 5,000 serta banyak lagi.

3.5 PENGENALAN PRODUK TAKAFUL KELUARGA: I-GREAT DAMAI, GREAT EASTERN TAKAFUL.

3.5.1 Objektif

i-Great Damai adalah sebuah produk *investment-link* yang mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai. Produk ini dapat memberikan perlindungan komprehensif bersesuaian dengan kehendak dan keperluan orang ramai.

3.5.2 Kelayakan Memohon

Produk ini boleh dipohon oleh sesiapa sahaja. Umur kemasukkan minimum ialah 30 hari (19 tahun hari lahir berikutnya untuk menjadi pemilik sijil) dan maksimum 70 tahun.

3.5.3 Manfaat Perlindungan

Produk ini menawarkan gabungan perlindungan takaful dan pelaburan yang dapat melindungi daripada masalah kewangan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal. Ini bermakna, selain dapat manfaat perlindungan, pada masa yang sama peruntukan pelaburan juga akan meningkat seiring dengan masa. Antara manfaat yang diberikan adalah bayaran pengurusan pengebumian sebanyak RM2000. Produk ini juga boleh disertakan sekali bersama manfaat tambahan (*rider*) mengikut keperluan pemohon. Terdapat pelbagai manfaat tambahan yang disediakan oleh syarikat seperti i-Medik Rider, i-Critical Illness Benefit Rider dan banyak lagi.

3.6 PENGENALAN PRODUK TAKAFUL KELUARGA: CUEPACSCARE, SUN LIFE MALAYSIA TAKAFUL.

3.6.1 Objektif

Produk ini diwujudkan khas untuk memberi perlindungan bagi perbelanjaan kos rawatan serta pembedahan untuk semua anggota sektor awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan serta ahli keluarga mereka.

3.6.2 Kelayakan Memohon

Skim ini terbuka kepada semua penjawat awam dan ahli keluarga mereka termasuk yang bekerja di Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan di Malaysia. Produk ini boleh dipohon oleh mereka yang berumur antara 18 dan 55 tahun (pada permulaan penyertaan) perlindungan ini akan tamat pada hari jadi ke 70 tahun.

3.6.3 Manfaat Perlindungan

CuepacsCare merupakan satu pelan perubatan yang menyediakan kemudahan dalam memberi perlindungan terhadap kemasukan ke hospital, unit rawatan rapi, medapat lawatan pakar perubatan di hospital, bayaran ambulans dan banyak lagi. CuepacsCare mempunyai kelebihan yang mana ia akan membiayai perbelanjaan sebenar untuk rawatan dan pembedahan disebabkan penyakit kritikal serta penyakit-penyakit biasa. Tahap bayaran manfaat adalah bergantung kepada jenis penyakit yang dihadapi, pembedahan yang dijalankan dan tempoh menetap di hospital.

3.7 FAKTOR-FAKTOR PENGUNDERAITAN DALAM PRODUK TAKAFUL

3.7.1 Umur

Umur merupakan faktor terpenting yang perlu diambil kira untuk meluluskan permohonan individu yang ingin menyertai takaful khususnya dalam takaful keluarga. Syarikat takaful kebiasaannya mempunyai had umur yang telah ditentukan untuk individu yang ingin menyertai mana-mana produk takaful. Individu akan dikenakan bayaran sumbangan yang berbeza mengikut purata umur yang telah ditentukan. Sekiranya individu ingin mendapatkan perlindungan dari produk takaful, pengunderait akan melihat umur individu tersebut berdasarkan jadual caruman yang telah ditetapkan. Mereka yang masih muda kebiasaannya akan dikenakan bayaran yang lebih rendah berbanding dengan mereka yang telah berusia. Ini berdasarkan petikan temu bual bersama Puan Najihah Ali:

“Umur adalah faktor penting, sebab tu orang kata ambil *time* muda, kalau muda, dia senang je lepas. Sebab *time* muda tak banyak penyakit. Sebab tu bila makin lambat dia masuk, dia jadi makin mahal. *Time* tu sume sakit dah mula datang. Kita nak elakkan berlakunya orang yang baru masuk, dah meninggal atas sebab ada penyakit *so unfair* kepada orang lain yang masuk dah lama.”⁶⁶

Kenyataan di atas juga turut disokong pengunderait, Cik Fadzuin Karuddin:

“*Time* muda ni la sepatutnya *you all* amik takaful. Sebab masa ni sume *healthy* lagi kan. Takde lagi penyakit. Kalau dah tua nanti banyak penyakit and *your* caj pun akan tinggi. *That why* kita galakkan amik masa muda.”⁶⁷

⁶⁶ Najihah Ali (Shariah Review, Governance & Shariah Department, MAA Takaful Berhad), dalam temubual dengan pengkaji, 28 Ogos 2013.

⁶⁷ Fadzuin Karuddin (Underwriter, Operation & IT, Great Eastern Takaful) dalam temubual dengan pengkaji, 13 Februari 2014.

Menurut kenyataan di atas, penyertaan dalam takaful sangat digalakkan ketika usia masih muda. Ini adalah disebabkan pada usia muda, kebanyakan individu mempunyai tahap kesihatan yang baik. Usia yang semakin meningkat memperlihatkan kecenderungan untuk mengalami masalah kesihatan. Hal ini menunjukkan risiko mereka yang berusia sangat tinggi untuk mendapat penyakit. Jika syarikat takaful perlu menanggung semua perbelanjaan perubatan kepada pemohon yang berisiko tinggi, maka syarikat akan mengalami kekurangan dana untuk menampung tanggungan perbelanjaan kepada peserta-peserta takaful yang lain.

3.7.2 Jantina

Faktor jantina juga merupakan faktor penting dalam menilai individu yang ingin menyertai takaful. Maka, sumbangan yang dikenakan oleh lelaki dan perempuan adalah berbeza berdasarkan kenyataan mereka:

“Jangka hayat lelaki pendek dan bayaran mereka murah, perempuan pulak banyak penyakit sebab tu bayaran mahal. Kanser perempuan lebih banyak. Perempuan ni *high risk*. Cuba sebut kanser perempuan bape banyak?”⁶⁸

“*Ladies* lagi *live longer* umur dia. Kalau *medical plan ladies* lebih banyak penyakit. Kalau lelaki, umur yang tua-tua ni lagi mahal sebab penyakit *heart attack* la. *Cancer prostate*.”⁶⁹

“Sumbangan lelaki dan perempuan memang ada beza la. Wanita hidup lama daripada lelaki.”⁷⁰

Penetapan bayaran sumbangan adalah berbeza mengikut jantina. Wanita dikenakan bayaran yang lebih tinggi daripada lelaki. Ini disebabkan wanita lebih banyak terdedah untuk mempunyai penyakit berbanding dengan lelaki. Hal ini menunjukkan

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ Maisara Sasi Abdullah (Executive Manager-Family Underwriting, MAA Takaful Berhad), dalam temubual dengan pengkaji, 10 Januari 2014.

⁷⁰ Fadzuin Karuddin.

wanita berisiko untuk mendapat banyak penyakit walaupun statistik membuktikan wanita mempunyai jangka hayat yang panjang berbanding lelaki.⁷¹

Walaupun begitu, lelaki juga sering terdedah untuk mendapat penyakit yang berbahaya seperti strok dan golongan lelaki juga sering kali dilabel sebagai golongan yang kurang kesedaran terhadap penjagaan kesihatan.⁷²

3.7.3 Keadaan Fizikal

Setiap permohonan perlu memaklumkan keadaan fizikal bagi menentukan kesihatan individu. Keadaan fizikal merujuk kepada berat dan tinggi pemohon.

“Bila *underwriting*, ada beberapa benda kita tengok, *first*, dia punya *medical*, pastu dia gemuk ke, kurus, *overweight* ke tidak.”⁷³

Pengunderait akan menilai keadaan fizikal pemohon untuk menentukan risiko yang bakal ditanggung. Keadaan fizikal ini juga dapat menentukan tahap kesihatan pemohon. Ia dinyatakan melalui petikan temu bual yang dijalankan bersama pengunderait di MAA Takaful, Puan Maisara Sasi Abdullah:

“Kita kena tahu sama ada dia gemuk ke tidak. Ataupun dia *underweight*. Bila *underweight* ada risiko dia tersendiri. Bila *overweight* ada risiko dia yang lain. Orang yang gemuk kita tahu dia akan dapat penyakit apa. Salah satu penyakit dia akan datang la kan. So risiko dia lebih tinggi. Itu salah satu *risk factor* yang kita cari.”⁷⁴

Berdasarkan petikan di atas, mereka yang mempunyai berat badan berlebihan lebih mudah untuk mendapat penyakit berbanding mereka yang mempunyai berat badan yang normal contohnya penyakit diabetes.⁷⁵ Selain daripada itu, lebih berat badan

⁷¹ “Jangka hayat”, laman sesawang *Jabatan Perangkaan Malaysia*, dicapai 2 Disember 2013, http://www.statistics.gov.my/portal/download/Population/files/Abridged/Jadual_Hayat_Ringkas_Malaysia_a_2009-2011.pdf

⁷² “Jangka Hayat Wanita Malaysia Kini 79 Tahun”, *Utusan Online*, 17 Mei 2013.

⁷³ Hazlinda Yahaya (Assistant Vice President-Head, Medical/Health Operations Takaful Ikhlas Sdn. Bhd), dalam temubual dengan pengkaji, 8 Januari 2014.

⁷⁴ Maisara Sasi Abdullah.

⁷⁵ Nik Rahimah Nik Husain, *Penyakit Keturunan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 54.

juga merupakan faktor risiko terhadap penyakit hiperkolestrolemia dan juga kardivaskular.⁷⁶ Oleh itu, bacaan tinggi dan berat ini merupakan perkara penting yang diperlukan oleh syarikat takaful bagi mengetahui keadaan fizikal sebenar pemohon.

3.7.4 Sejarah Perubatan

Pemohon perlu mendedahkan sejarah perubatan untuk memastikan status kesihatan pemohon pada masa kini dan juga masa lalu sama ada mempunyai penyakit atau pernah menerima sebarang rawatan sebelum membuat permohonan. Maklumat mengenai kesihatan pemohon diperlukan adalah untuk mengelak daripada berlakunya anti-pemilihan seperti yang dinyatakan oleh Puan Hazlinda Yahaya:

“Kita wat *underwriting* ni sebab kita tak nak orang yang ada penyakit banyak, yang ada penyakit ni, campur dengan orang yang sihat walafiat. Tak *fair* la. Semua orang bayar RM100, tak kan la kita nak suh orang yang banyak sakit ni kena bayar RM100 jugak. *Why? adverse selection*. Takut ada *adverse selection*. So, kita kena tahu, latar belakang kesihatan dia.”⁷⁷

Individu yang sihat dan individu yang berpenyakit mempunyai bayaran sumbangan yang berbeza. Tidak adil untuk meletakkan bayaran sumbangan yang sama pada individu yang sihat dengan individu yang berpenyakit. Ini kerana setiap individu akan memberi sumbangan mengikut risiko yang di bawa oleh mereka.

Oleh itu, sebarang penyakit yang telah dialami oleh pemohon ataupun pemohon sedang menjalani rawatan untuk penyakit-penyakit tertentu, perlu didedahkan di dalam borang cadangan. Sekiranya pengunderait mendapati pemohon telah mempunyai penyakit, maka pengunderait akan meminta laporan pemeriksaan perubatan daripada doktor untuk mengetahui tahap kesihatan pemohon sebagaimana kata mereka:

⁷⁶ Michael L. Pollock & Jack H. Wilmore, *Exercise in Health and Disease: Evaluation and Prescription for Prevention and Rehabilitation*, ed. ke-2 (Philadelphia: W. B Saunder Company, 1990), 45.

⁷⁷ Hazlinda Yahaya.

“Kalau kita kata orang tu ada *hypertension* kan, so kita kena dapatkan *report*. So dia akan bagi la dia punya *reading*. So, *underwriter* dia memang kena pandai baca *report* dengan baca *blood test result*. Kadang ada *blood test*, ECG tu sume kena pandai baca la. So selepas kita baca, kita rasa orang ni *hypertension* yang ok, dia *control*, dia makan ubat, ada jumpa doktor selalu, kita akan tambahkan *contribution* dia sikit. Tapi kalau dia tak *control*, doktor kata dia jarang-jarang datang *follow up*, so risiko dia lagi tinggi, so kita *loading* lagi tinggi. Tapi kalau doktor kata, dia ni macam-macam penyakit ada, kita akan tolak permohonan ni la.”⁷⁸

“Kalau *you* ade *hypertention*, kita akan *check your BP reading*, kita akan mintak rekod pada doktor yang dia selalu pergi. Mintak buat *test air kencing*, so dengan itu kita akan *acsess client* ni macam mana.”⁷⁹

“Die ada *form* yang kena isi. Bila dia cakap dia sakit ke ape ke. Ke ada *hypertension and everthing* ke. Kalau die teruk, memang *decline* terus. *Moderate* pon *I* dah *decline* dah. Pasal kita dah tahu die ada *history* sakit-sakit ni. Maknanya die akan terus buat *claims*. Betul tak? so *high risk* dia ni akan tengok la. Kalau terlalu *high risk* memang *decline*.”⁸⁰

Syarikat takaful masih boleh menerima permohonan individu yang telah mempunyai penyakit dan bayaran tambahan⁸¹ akan dikenakan kepada pemohon tersebut mengikut tahap penyakit yang dialami. Walaubagaimanapun, sekiranya penyakit yang sedia ada itu berada pada tahap yang berbahaya, kemungkinan pengunderait akan menolak permohonan tersebut.

Kebanyakan syarikat takaful mengamalkan proses pengunderaitan yang hampir sama. Walau bagaimanapun, amalan pengunderaitan di Sun Life Malaysia Takaful Berhad, khususnya dalam produk CuepacsCare, proses pengunderaitan yang dilakukan sedikit berbeza dengan syarikat takaful yang lain. Ini terbukti berdasarkan kenyataan oleh Encik Mohd Nizam Abd Hamid:

⁷⁸ Maisara Sasi Abdullah.

⁷⁹ Fadzuin Karuddin.

⁸⁰ Puan Hazlinda.

⁸¹ Kadar caj tambahan yang dikenakan bergantung kepada tahap bahaya penyakit tersebut. Nilai bayaran itu ditentukan dalam *underwriting manual* syarikat takaful dan kebiasaannya ia dikategorikan kepada 3 peringkat iaitu *mild*, *moderate* dan *severe*. Jika tahap penyakit itu dalam kategori *mild*, nilai tambahan yang dikenakan adalah sedikit contohnya RM50. Jika penyakit pemohon itu berada pada tahap bahaya, dan dikategorikan dalam *severe*, nilai tambahan yang dikenakan adalah tinggi contohnya RM100.

“GHS kita ni saya rasa *very unique* la *if compare* mana-mana syarikat takaful yg lain sebab kita *insure government servant* and dia punya *underwriting requirement is very simple* kita *term as simplified underwriting*. *Simplified underwriting* GHS. *Simplified is* kita consider *auto acceptance*. *Medical and health* kat sini konsep dia eh *as long as* dia *is government servant* dia punya umur tu tidak melebihi 65 tahun dan dalam dia punya *proposal form* tu dalam *health description* penyakit-penyakit yang dia nyatakan daripada a sampai j dia sebut tidak *then* kita akan *accept as standard*. Terus *accept standard*.”⁸²

Menurut kenyataan di atas, penilaian diri pemohon hanya dilihat pada penerangan kesihatan yang dinyatakan dalam borang cadangan. Sekiranya pemohon menjawab “tidak” pada setiap penyakit yang dinyatakan dalam borang, maka, permohonan itu akan diterima sebagai *standard*. Ini bermakna pemohon akan dikenakan bayaran sumbangan yang biasa. Akan tetapi, sekiranya pemohon itu telah mempunyai penyakit, maka syarikat tidak akan memberi sebarang perlindungan terhadap penyakit tersebut sebagaimana kata beliau:

“*However*, kalau dia ada *indicate* dia ada *hypertension, cardiovascular disease*, dia ada *diabetes mellitus* or dia mungkin ada penyakit-penyakit lain macam *appendix and so on* la *then* kita *as underwriter, we have to accept that as well but with exclusion*.”⁸³

Walaupun amalan pengunderaitan dalam produk ini dikatakan sebagai ringkas (*simplified underwriting*), tetapi menurut pengkaji amalan ini agak rigid kerana tiada istilah “*loading*” digunakan dalam produk ini. Ia berbeza dengan syarikat takaful yang lain kerana mereka masih lagi boleh menerima pemohon yang berpenyakit dengan mengenakan caj tambahan (*loading*) kepada pemohon tersebut.

⁸² Mohamad Nizam Abdul Hamid (Assistant Manager, New Business & Underwriting & Policy Servicing, Sunlife Malaysia Takaful Berhad), dalam temubual dengan penulis 30 Januari 2014.

⁸³ *Ibid.*

3.7.5 Kehidupan Peribadi

Kehidupan peribadi diperlukan untuk mengetahui gaya hidup pemohon melalui tabiat merokok, pengambilan dadah dan alkohol. Oleh itu, syarikat takaful mungkin akan mengenakan bayaran sumbangan yang tinggi kepada mereka yang mempunyai tabiat merokok seperti yang dikatakan oleh mereka:

“Jika hisap rokok 36 *and more per day* kena *underwriting* la. Tapi kalau dia letak 10 *per day* tapi dia ade sakit-sakit lain, yang akan burukkan keadaan dia, kita *rating* jugak.”⁸⁴

“Kalau bahagian *lifestyle* memang ada dalam borang cadangan. Selalunya dia akan tengok pasal alkohol, rokok, bape batang sehari. Camtu la.”⁸⁵

“Orang yang hisap rokok ni akan sakit jantung kan, sakit paru-paru. Memang akan caj mahal la. Kalau *you smoke* lebih daripada 20 *per day* akan ada lagi *loading*.”⁸⁶

Syarikat takaful akan meminta maklumat mengenai tabiat merokok serta bilangan rokok yang diambil dalam masa sehari, mungkin seminggu atau sebulan. Ini kerana seorang perokok telah membawa imej yang kurang sihat dalam kehidupan seharian dan merupakan individu berisiko tinggi untuk mendapat pelbagai penyakit seperti sakit jantung, strok, kanser paru-paru dan sebagainya.⁸⁷

Mereka yang mempunyai tabiat pengambilan dadah atau alkohol juga turut dinilai risiko mereka seperti yang dinyatakan oleh Puan Maisara Sasi Abdullah:

“Kami tidak dapat menawarkan perlindungan kesihatan kepada pemohon yang mempunyai tabiat pengambilan dadah. Untuk alkohol, tawaran tertakluk kepada kekerapan pengambilan alkohol dan keputusan ujian darah khas untuk meneliti organ hati.”⁸⁸

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ Najihah Ali.

⁸⁶ Fadzuin Karuddin.

⁸⁷ “Bahaya Merokok”, laman sesawang *Bahagian Pendidikan Kesihatan*, dicapai 10 Februari 2014, <http://www.infosihat.gov.my/infosihat/isusemasa/Bahaya%20Merokok.php>

⁸⁸ Maisara Sasi Abdullah.

Syarikat akan menilai mereka yang mempunyai tabiat pengambilan alkohol untuk mengetahui keadaan kesihatan pemohon dan sebarang kes yang melibatkan pengambilan dadah akan ditolak. Cik Fadzuin Karuddin juga turut menyatakan hal yang sama:

“Yes, we did offer medical card to client who consume alcohol but it is subject to the consumption of the alcohol level, normally if social alcohol drinks should not be any issue. If alcohol abuse, meaning that over consumption of alcohol, case will be rejected.”⁸⁹

Syarikat akan menolak kes yang melibatkan penyalahgunaan alkohol. Faktor begini perlu diambil kira dalam proses pengunderaitan kerana ia turut mempengaruhi kadar bayaran sumbangan pemohon.

3.7.6 Latar Belakang Keluarga

Sejarah kesihatan keluarga melambangkan tahap kesihatan pemohon. Terdapat beberapa penyakit seperti darah tinggi, diabetes melitus, kanser dan sebagainya yang merupakan penyakit keturunan.⁹⁰ Oleh itu, terdapat satu bahagian di dalam borang cadangan mengenai sejarah kesihatan keluarga seperti yang dinyatakan oleh Puan Najihah Ali:

*“Borang ni ada tanya *pasal family background*. Macam sakit-sakit keturunan. Kalau *family* kita ade sejarah, itu akan meningkatkan kebarangkalian untuk kita mendapat penyakit tu.”⁹¹*

Pemohon perlu mendedahkan secara terperinci tahap kesihatan keluarga bagi memudahkan proses penilaian risiko yang dibawa oleh pemohon. Sekiranya terdapat ahli keluarga yang mempunyai penyakit yang merbahaya, kebarangkalian pemohon juga akan mendapat penyakit yang sama. Perkara ini turut diakui oleh Puan Maisara Sasi Abdullah:

⁸⁹ Fadzuin Karuddin.

⁹⁰ Nik Rahimah, *Penyakit Keturunan*, 40.

⁹¹ Najihah Ali.

“Mak bapak ada *diabetes* umur 35, kemungkinan besar *genetically* dia pun jadi macam tu. Kalau mak bapak umur 50 ke atas baru dia ada *diabetes* itu bukan *genetically* punya la. Mungkin *lifestyle* mak bapak dia. Sebab *parents* dua-dua ada *hypertension diabetes* sebelum umur 40, baru kita *load*. Kalau selepas, tak de *load*.”⁹²

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa sejarah kesihatan keluarga perlu diketahui kerana ia turut menjadi kayu ukur terhadap penyakit yang bakal dihadapi pemohon dan laporan pemeriksaan kesihatan daripada doktor merupakan bukti status kesihatan pemohon.

Walaupun pemohon tidak mempunyai penyakit, tetapi sekiranya sejarah kesihatan keluarga pemohon mencatatkan kewujudan sebarang penyakit yang berbahaya, pengecualian akan diberikan terhadap penyakit tersebut. Ia dinyatakan oleh Puan Hazlinda Yahaya seperti petikan temu bual berikut:

“Contoh *history* dia takde ape-ape, tapi *family history* dia ada *cancer*, so kalau dia amik *plan*, dalam *benefit* dia ada *cancer*, mungkin kita akan *exclude cancer* ataupun dia ada mata *problem*, so kita akan *exclude blindness*.”⁹³

Kebiasaannya pemohon yang berisiko tinggi iaitu mempunyai sejarah kesihatan keluarga yang membimbangkan dengan kewujudan beberapa penyakit yang berbahaya seperti kanser, maka pemohon akan dikecualikan daripada mendapat sebarang perlindungan terhadap penyakit tersebut. Hal ini kerana sejarah kesihatan keluarga turut mempengaruhi tahap kesihatan individu pada masa akan datang terutama sekiranya pemohon ada mewarisi penyakit keturunan.

⁹² Maisara Sasi Abdullah.

⁹³ Hazlinda Yahaya.

3.7.7 Pekerjaan

Jenis pekerjaan diambil kira sebagai salah satu faktor yang perlu dinilai untuk meluluskan permohonan individu. Ini adalah disebabkan risiko yang ditanggung oleh setiap individu adalah tidak sama bergantung kepada tempat dan jenis pekerjaan individu tersebut. Ia dinyatakan oleh Puan Hazlinda Yahaya:

“Selepas *medical*, pastu kena tengok pulak *occupation* dia, kalau orang tu jadi *photographer* kat kedai biasa, dia punya risiko tu tak sama dengan *photographer* kat CNN yang duduk kat Iraq, ataupun yang kat tempat gunung berapi untuk rancangan *National Geography* ataupun tempat mana-mana yang bahaya lah.”⁹⁴

Kadar risiko setiap pekerjaan adalah berbeza kerana terdapat sesetengah pekerjaan turut melibatkan aktiviti-aktiviti yang berbahaya. Pekerjaan yang bahaya akan terdedah kepada musibah dan kemalangan. Sekiranya pekerjaan pemohon dalam kategori berbahaya, mereka akan dikenakan bayaran sumbangan yang tinggi bagi menampung tuntutan perbelanjaan perubatan yang tinggi sekiranya berlaku sesuatu peril. Kenyataan ini disokong oleh Pengunderait, Puan Maisara Sasi Abdullah:

“Kalo dia *bomb squad*, *loading* tinggi la. *Accident benefit* kita tak bagi. *Death benefit* tu kita bagi, tapi kita *load*. So kemungkinan dia mati masa dia nak matikan *bomb* tu tinggi, jadi kita letak *loading*.”⁹⁵

Sama seperti faktor-faktor pengunderaitan yang lain, caj tambahan akan dikenakan kepada pemohon sekiranya pengunderait mendapati pekerjaan pemohon berada dalam kelas risiko yang tinggi. Pengunderait juga akan meminta pemohon untuk mengisi borang soal selidik yang disediakan bagi mengetahui dengan lebih menyeluruh tentang tugas dalam sesuatu pekerjaan tersebut seperti yang dilampirkan dalam jadual 3.1. Contohnya pekerjaan yang berkaitan dengan industri elektrik, tugas-tugas yang dilakukan oleh mereka adalah sangat berbahaya. Oleh itu, borang soal selidik yang

⁹⁴ *Ibid*

⁹⁵ Maisara Sasi Abdullah .

disediakan oleh syarikat dapat memberi gambaran tahap risiko pemohon melalui aktiviti dalam pekerjaan tersebut.

Terdapat juga beberapa jenis pekerjaan yang dikecualikan daripada menyertai mana-mana manfaat tambahan (*rider*) tertentu sekiranya kebarangkalian pemohon untuk membuat tuntutan (*claim*) itu sangat tinggi sebagaimana yang dikatakan oleh mereka:

“Kalau yang masuk F1 tu, *football*. *Footballer* pon kita tak *offer medical card*. Kalau *footballer* ni kemungkinan mereka nak guna *medical card* ni tinggi. Kejap terkehel la. Kaki terseliuh. Kebanyakan orang yang atlet ni kan kadang dia punya *ligament* tu putus la. Kos beribu-ribu tu. Sebab kita tahu dia akan buat *claim* tinggi.”⁹⁶

“Untuk *army* kat sini memang banyak yang *apply medical card*, tapi kita tak *offer*. *Army* tu dia punya *training* tu *extreme* kan. Mereka punya *risk* terlalu tinggi.”⁹⁷

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa syarikat takaful tidak menawarkan perlindungan kepada individu yang terlibat dalam pekerjaan yang amat berbahaya kerana pekerjaan seperti itu memberi gambaran tentang bahaya yang wujud dalam pekerjaan tersebut. Selain daripada itu, tujuan pekerjaan ini dinilai adalah untuk mengetahui pendapatan pemohon seperti yang dinyatakan oleh Puan Najihah Ali:

“Plan ini sesuai untuk sesiapa saja cumanya bezanya untuk *income* la. Kalau *income* dia sikit amik plan 1 jela. Kalau dia kaya sikit masuklah plan 5 sebab dia ada duit banyak. Plan-plan ni dia berubah ikut kewangan kita. Dia bergerak seiring dengan kewangan kita. Plan-plan ni bukan bergerak dengan tengok orang ni sakit ape.”⁹⁸

⁹⁶ Noorulaini Yasin (Senior Executive, Great Eastern Takaful), dalam temubual dengan penulis, 13 Februari 2014.

⁹⁷ Fadzuin Karuddin.

⁹⁸ Najihah Ali.

Rajah 3.1: Borang Soal Selidik Industri Elektrik (Termasuk Telefon dan Telegraf)

SOAL SELIDIK INDUSTRI ELEKTRIK

Termasuk Telefon dan Telegraf

Nama Pemohon:

No Pemohon:

1. Nama Majikan

2. Jika stesen janakuasa, adakah loji-lojinya menjana lebih 250 volt?

3. Apakah jawatan anda dan tanggungjawab anda berkaitan dengannya? Tertutup atau Terbuka? (Sila terangkan sepenuhnya).

4. Adakah anda bekerja dengan arus dibuka atau dipadam?

5. Adakah anda mengendalikan wayar atau apparatus yang membawa lebih 250 volt?

6. Jika teribat dengan pembinaan talian atau wayar,
a. Adakah ianya overhead, dalam rumah sahaja atau dalam saluran dan terowong?

b. Jika overhead, adakah anda perlu memanjat tiang?

c. Jika penjaga talian, adakah anda bekerja dengan arus dibuka atau dipadam?

d. Kenyataan tambahan, jika ada.

Tarikh :

Tandatangan Pemohon:

Sekiranya pemohon mempunyai pendapatan yang memuaskan, serta mampu untuk membayar sumbangan bulanan yang telah ditetapkan, maka pemohon akan diterima untuk menyertai plan takaful.

“Gaji diambil kira sebab plan dia. Kalau amik plan 5, plan 5 mahal, gaji dia sikit. Apa kebarangkalian dia nak bayar pada kita. Takut bulan ni dia bayar, bulan depan dia tak bayar. Jadi ini kita nak pastikan yang dia mampu bayar dengan plan yang dia pilih.”⁹⁹

Faktor pekerjaan juga penting untuk dinilai oleh pengunderait. Penilaian terhadap faktor pekerjaan ini adalah bertujuan untuk menjaga kestabilan dana *tabarru'* dan untuk mengelak daripada berlakunya kekurangan dana dalam tabung *tabarru'* pada masa akan datang.

3.7.8 Hobi

Hobi merupakan suatu kegemaran atau kebiasaan dalam melakukan aktiviti demi mencapai kepuasan tertentu. Pemohon akan dinilai melalui aktiviti yang menjadi kegemaran mereka kerana terdapat aktiviti atau hobi yang berbahaya dan boleh meningkatkan risiko kematian seperti yang dinyatakan dalam temu bual berikut:

“Contoh *every week* die gi *scuba diving*, or *every week* dia suka *race kete* or motor, sume tu *risk* kan ataupun *mountain climbing*, *diving*, *hiking*, tu sume *high risk*.”¹⁰⁰

“Hobi macam pergi scuba. *Sport* yang *extreme* la. Macam lumba kete. Kalau orang yang *scuba diving* tu kalau *you* masuk, kedalaman yang lebih *you* masuk tu kita akan caj. *Deeper u go* kan, *oxygen* kan dah kurang, *so* dia punya *risk* untuk *you* mati tu lebih tinggi la.”¹⁰¹

⁹⁹ *Ibid.*

¹⁰⁰ Hazlinda Yahaya.

¹⁰¹ Fadzuin Karudin.

Melibatkan diri dalam hobi yang berbahaya seperti contoh di atas akan dikenakan kadar sumbangan yang tinggi. Oleh itu, syarikat takaful akan menggunakan maklumat yang diperolehi dari soal selidik untuk menilai risiko. Perkara ini telah diterangkan oleh Puan Maisara Sasi Abdullah seperti berikut:

“Biasa yang kita selalu tengok adalah hobi. Hobi dia. Dia suka *climbing* la. *Hiking*. Kita akan tanya berapa kali dia pergi. Untuk dapatkan maklumat lebih lanjut daripada apa yang mereka isi dalam borang permohonan ni ada la set-set *questionnaire* yang kita ada. Kata la *you* pergi *mountain climbing* kan. Kita ada satu khas *questionnaire* bagi kat orang tu suruh jawab. Dia panjat gunung kat mana? Kinabalu ke ape ke. Berapa kali setahun. Kita akan tanya dapatkan *more info* lah. Itu pon satu risiko.”¹⁰²

Kebiasaannya pengunderait akan memberi satu set soalan tambahan sekiranya hobi pemohon tergolong dalam hobi yang berisiko tinggi. Walaupun hobi pemohon diklasifikasikan sebagai berbahaya, pemohon masih lagi dibolehkan menyertai plan takaful dengan mengenakan caj tambahan ataupun pengecualian.

Jadual 3.1: Ringkasan Faktor-faktor Pengunderaitan yang Digunakan di Syarikat Takaful Terpilih.

Faktor-faktor pengunderaitan	MAA Takaful	Takaful Ikhlas	Sun Life Malaysia Takaful ¹⁰³	Great Eastern Takaful
Umur	✓	✓	✓	✓
Jantina	✓	✓	X	✓
Keadaan Fizikal	✓	✓	X	✓
Sejarah Perubatan	✓	✓	✓	✓
Kehidupan Peribadi	✓	✓	X	✓
Latarbelakang Keluarga	✓	✓	✓	✓
Pekerjaan	✓	✓	X	✓
Hobi	✓	✓	X	✓

¹⁰² Maisara Sasi Abdullah.

¹⁰³ Produk ini mengamalkan proses pengunderaitan yang ringkas yang hanya melihat kepada faktor kesihatan pemohon. Produk CuepacsCare yang ditawarkan oleh Sun Life Malaysia Takaful adalah khusus untuk penjawat awam penjawat awam dan ahli keluarga termasuk mereka yang bekerja di Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan di Malaysia.

3.8 KEPUTUSAN PENGUNDERAITAN

Setiap syarikat takaful mempunyai garis panduan pengunderaitan (*underwriting manual*) yang tersendiri. Keputusan pengunderaitan akan ditentukan setelah pengunderait menilai borang cadangan yang telah diisi oleh pemohon. Setelah kesemua faktor-faktor pengunderaitan dinilai, pengunderait akan menentukan keputusan pengunderaitan (*underwriting decision*) seperti:

3.8.1 Biasa (*Standard*)

Sekiranya pemohon mempunyai risiko yang biasa, keadaan kesihatan yang memuaskan, melakukan aktiviti yang tidak berbahaya, maka pemohon akan dikenakan kadar sumbangan yang standard iaitu tiada caj tambahan (*loading*) yang dikenakan. Bayaran sumbangan yang dikenakan adalah seperti yang telah dipersetujui mengikut apa yang dipohon.

3.8.2 *Sub-standard*

Pemohon yang mempunyai risiko yang tinggi akan dikenakan bayaran tambahan (*loading*). Sekiranya pemohon mempunyai penyakit, menghisap rokok, melakukan aktiviti bahaya, atau mungkin bekerja di tempat yang berisiko tinggi, maka pemohon akan dikategorikan sebagai *sub-standard* seperti yang dinyatakan di bawah:

“Kalau orang ni ada *hypertension* yang ok, dia *control*, dia makan ubat, ada jumpa doktor selalu, kita akan tambahkan *contribution* dia sikit je la. Tapi kalau dia tak *control*, *doctor* kata dia jarang-jarang datang *follow up*, so risiko dia lagi tinggi, so kita *loading* pon lagi tinggi.”¹⁰⁴

¹⁰⁴ Maisara Sasi Abdullah.

Bayaran sumbangan untuk kategori *standard* dan *sub-standard* adalah berbeza kerana keadaan pemohon juga adalah berbeza. Ia dinyatakan dalam petikan temubual:

“Kalau *sub-standard*, orang lain bayar RM100, mungkin dia kena bayar RM200. Yang ini kita panggil sebagai *loading*.”¹⁰⁵

Ini bermakna kadar sumbangan untuk *sub-standard* akan dikenakan lebih tinggi daripada mereka yang *standard* kerana mempunyai risiko yang mengatasi risiko biasa. Pengubahsuaian dalam manfaat perlindungan terhadap mereka yang dalam kategori *sub-standard* boleh dilakukan dalam bentuk:¹⁰⁶

3.8.2.1 Penagguhan (*postpone*).

Penagguhan dilakukan sekiranya pemohon mempunyai masalah kesihatan yang tertentu sehingga terpaksa ditunda permohonan tersebut untuk mengetahui perkembangan terhadap keadaan kesihatan dengan lebih terperinci. Contoh penagguhan adalah apabila pemohon sedang mengandung seperti yang telah dinyatakan oleh Pengunderait di Great Eastern Takaful, Cik Fadzuin Karuddin:

“Perempuan yang *pregnant* 8 bulan, dia *apply* takaful. Yang tu kita akan *postpone* dulu sampai dia bersalin. Sebab kita tak tahu apa yang akan berlaku and risiko dia masa nak tunggu bersalin tu kan. So, kita akan *postpone*, then bila 2 or 3 month lepas tu baru la dia boleh *apply*.”¹⁰⁷

Penagguhan ini hanya berlaku sementara sahaja. Seperti yang dinyatakan di atas, permohonan boleh dilakukan semula selepas pemohon bersalin.

¹⁰⁵ Hazlinda Yahaya

¹⁰⁶ Mazlan et al., *Amalan Asas Takaful*, 234.

¹⁰⁷ Fadzuin Karuddin.

3.8.2.2 Pengecualian (*exclusion*).

Pengecualian selalunya digunakan untuk penyakit-penyakit yang sedia ada.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh mereka:

“Kadang-kadang kita tak suruh dia tambah *contribution*, kita tak suruh dia bayar lebih, kita kata *you* ade asma, so kita tak nak *cover* asma..*exclusion*”¹⁰⁸

“*Family history* dia *cancer*, so kalau dia amik plan, dalam benefit dia ada *cancer*, mungkin kita akan *exclude cancer*. Ataupun dia ada mata *problem*, so kita akan *exclude blindness*.”¹⁰⁹

Walaupun bagaimanapun, mengikut pemerhatian pengkaji, sekiranya pemohon mempunyai penyakit, mereka masih lagi boleh mendapat manfaat perlindungan dengan mengenakan bayaran sumbangan yang lebih.

3.8.3 Penolakan (*decline*).

Permohonan takaful akan ditolak sekiranya tahap kesihatan individu berada dalam keadaan membahayakan.

“Bile kita *decline the risk* tu memang *totally* dia memang ada org kata *health condition* yang betul-betul *severe* yang kita tak boleh nak *insure* and then dia ada *medical record* kat *The Life Insurance Association of Malaysia* (LIAM). Kalau kes-kes tu memang betul *loading* dia *more than 200 extra mortality* kan. Kita *refer* kat *retakaful*, *retakaful* pon *reject*, then kita pun *decline*.”¹¹⁰

Penolakan bukan sahaja disebabkan oleh keadaan kesihatan yang teruk. Malah penolakan ini juga boleh disebabkan oleh kelas pekerjaan atau hobi yang bahaya seperti kenyataan oleh Noorulaini Yasin:

¹⁰⁸ Maisara Sasi Abdullah.

¹⁰⁹ Hazlinda Yahaya

¹¹⁰ Mohamad Nizam Abdul Hamid.

“*Footballer* pon kita tak *offer medical card*. Kalau *footballer* ni kemungkinan mereka nak guna *medical card* ni tinggi.”¹¹¹

Selain daripada itu, sekiranya pemohon tersebut telah dikenakan banyak caj tambahan (*loading*), penolakan terhadap permohonan ini juga boleh berlaku kerana ia membuktikan pemohon itu berisiko tinggi. Kesimpulannya, penolakan permohonan boleh berlaku merujuk kepada keadaan pemohon itu sendiri sama ada tahap kesihatan, jenis pekerjaan, hobi ataupun sejarah keluarga.

Rajah 3.2: Ringkasan Keputusan Pengunderaitan.

Standard	<ul style="list-style-type: none">•Permohonan diterima tanpa dikenakan bayaran tambahan.
Sub-standard	<ul style="list-style-type: none">•Permohonan diterima tetapi dikenakan bayaran tambahan kerana risiko yang dibawa oleh pemohon.
Postpone	<ul style="list-style-type: none">•Penagguhan permohonan untuk sementara waktu bagi mengelak berlakunya sebarang risiko.
Exclusion	<ul style="list-style-type: none">•Dikecualikan daripada menerima manfaat-manfaat tertentu
Decline	<ul style="list-style-type: none">• Permohonan ditolak kerana bayaran tambahan yang dikenakan tidak mampu menampung risiko yang dibawa oleh pemohon.

¹¹¹ Noorulaini Yasin

3.9 PENGALAMAN PENGUNDERAITAN YANG MELIBATKAN PENIPUAN.

Proses pengunderaitan dijalankan untuk menilai dan menentukan tahap risiko pemohon. Penilaian ini penting bagi memastikan dana *tabarru'* yang perlu disumbangkan sesuai dengan risiko yang dibawa oleh pemohon. Walaupun begitu, terdapat juga kes yang melibatkan penipuan atau pemalsuan maklumat daripada pemohon. Hal ini diakui oleh Cik Fazuin Karuddin:

“Yes. Pernah berlaku penipuan dalam pengisian maklumat *from client*. *What company would do is we treat the case as non disclosure, case will be reunderwrite again to terminate and full refund of contribution. Action taken will be subject to the degree or type of misrepresentation done. If melibatkan agent, futher action iaitu warning letter will be issue to agent, if for client, case again will be reunderwrite or terminate.*”¹¹²

Maklumat yang tepat mengenai diri pemohon amat diperlukan supaya tidak berlaku sebarang kecelaruan dalam menilai risiko pemohon. Tindakan sewajarnya akan dikenakan terhadap pemohon yang melakukan kesalahan pemalsuan maklumat. Pemalsuan maklumat dalam borang cadangan boleh menyebabkan pemohonan akan dinilai semula atau terus ditolak. Penyiasatan juga akan dilakukan sekiranya terdapat percanggahan dalam maklumat yang diberikan oleh pemohon. Perkara ini dinyatakan oleh Pengunderait di MAA Takaful, Puan Maisara Sasi Abdullah:

“*During claims, kita kena wat assessment jugak. Kadang orang tu mati penyakit kidney failure camtu kan. Kita kena siasat. Jadi claim examiner, sebelum dia bayar keluar duit tu, dia kena tulis surat kepada klinik-klinik yang berdekatan dengan rumah dia, ataupun mintak dekat kat majikan dia, berapa banyak MC orang ni ambik, daripada klinik mana. Dan kita akan cari sampai dapat. Kalo penyakit kidney failure, takkan tiba-tiba failure kan. Katalah 6 bulan lepas dia amik policy sihat jer. Semua cakap tak de ape kan. Tapi tiba-tiba sakit, so kita akan find out la daripada klinik. Kita write letter to everybody tengok ade tak respond tapi kalau salah satu kata ada penyakit, dan dia memang ada rekod, pernah masuk hospital, pernah makan ubat,*

¹¹² Fazuin Karuddin.

memang *clear* la kan. Bukannya dia terlupa ke ape. Tak kan dibayarlah *claims* tu. Kita panggil itu *claims investigation*.”¹¹³

Walaupun proses pengunderaitan ini digunakan dalam menilai risiko pemohon, kes-kes penipuan tetap berlaku ketika tuntutan dilakukan. Hal ini akan menyulitkan lagi tuntutan yang dilakukan dan pengunderait perlu melakukan penilaian semula terhadap peserta. Oleh itu, pemohon perlu jujur dalam memberikan segala maklumat yang diperlukan dalam borang cadangan supaya kes-kes sebegini tidak akan berlaku.

3.10 KESIMPULAN

Pengunderaitan merupakan salah satu operasi dalam syarikat takaful yang bertujuan untuk memastikan setiap permohonan yang dilakukan tidak mendatangkan risiko kerugian terhadap syarikat takaful. Oleh sebab itu, setiap perkara yang berkaitan dengan pemohon perlu dinilai terlebih dahulu bagi menentukan kelayakan mereka untuk menyertai takaful. Terdapat beberapa faktor yang diambil kira oleh syarikat takaful dalam menilai risiko pemohon seperti umur, jantina, keadaan fizikal, pekerjaan, sejarah perubatan, sejarah kesihatan keluarga, hobi dan pekerjaan.

Selain daripada itu, proses pengunderaitan dilakukan untuk menetapkan kadar bayaran sumbangan yang munasabah berdasarkan kepada kelayakan dan kemampuan pemohon. Segala maklumat berkaitan dengan pemohon seperti laporan kesihatan, kenyataan doktor, rekod perubatan, laporan aktiviti dan sebagainya sangat diperlukan supaya diri pemohon dapat dinilai dengan lebih teliti dan adil. Setelah penilaian dilakukan, pengunderait akan menentukan keputusan pengunderaitan untuk meletakkan pemohon sebagai *standard*, *sub-standard*, *postpone*, *exclusion* atau *decline*.

¹¹³ Maisara Sasi Abdullah

BAB 4

ANALISIS PENGUNDERAITAN DARI PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM

4.1 PENDAHULUAN

Terdapat pandangan daripada pengkaji barat seperti Norman Daniels,¹ Joseph Heath,² Wouter P. J,³ Daniel E. Palmer⁴ dan Patrick L. Brockett et al.⁵ yang menyatakan isu ketidakadilan dalam menggunakan faktor-faktor pengunderaitan dalam industri insurans. Antaranya ada yang berpandangan tidak adil untuk membezakan bayaran premium mengikut jantina kerana ia adalah perkara yang diluar kawalan manusia begitu juga dengan faktor latar belakang keluarga. Latar belakang keluarga tidak perlu dijadikan sebagai faktor dalam pengunderaitan kerana bukan ibubapa yang akan menjadi subjek untuk dilindungi. Manakala Daniel E. Palmer berpandangan insurans merupakan salah satu organisasi yang memberi manfaat sosial kepada masyarakat, maka tidak adil jika menolak permohonan individu yang ingin membeli insurans hanya kerana mereka ini berisiko tinggi. Selain daripada itu, Roslinah Daud⁶ pula berpandangan amalan pengunderaitan yang rigid tidak bertepatan dengan konsep tolong-menolong kerjasama yang diterapkan dalam industri takaful.

¹ Norman Daniels, "Insurability and The HIV Epidemic: Ethical Issues in Underwriting," *JSTOR* 68, no. 4 (1990), 497-525.

² Joseph Heath, "Reasonable Restrictions on Underwriting," *Research in Ethical Issues in Organizations, Volume 7*, (2007), 16.

³ Wouter P. J, "Insurance Risk Classification in The EC: Regulatory Outbook." *Oxford Journal of Legal Studies* 14 (1994), 450.

⁴ Daniel E. Palmer, "Risk Assesment and Fairness: An Ethical Analysis." *In Insurance Ethics for a More Ethical World* (Elsevier Ltd, 2007),113-126.

⁵ Patrick L. Brockett, The Genetics Revolution, "The Genetics Revolution, Economics, Ethics and Insurance." *Journal of Business Ethic* 16 (1997).

⁶ Roslinah Daud, "Underwriting Family Scheme", ICMIF Takaful. (2009)

Dapatan kajian daripada bab-bab sebelumnya mendapati bahawa amalan pengunderaitan yang diamalkan oleh syarikat insurans dan takaful adalah sama. Ini bermakna segala isu yang dihadapi oleh syarikat insurans yang berkaitan dengan proses pengunderaitan berkemungkinan juga berlaku dalam syarikat takaful.

Maka, dalam bab ini pengkaji akan memfokuskan terhadap penggunaan faktor-faktor pengunderaitan dari perspektif takaful untuk melihat sama ada proses pengunderaitan yang dijalankan oleh syarikat takaful selaras dengan prinsip syariah atau sebaliknya.

4.2 PERBEZAAN KEDUDUKAN DANA *TABARRU'* DENGAN DANA INSURANS

Sebelum meneruskan perbincangan mengenai analisis syariah terhadap proses pengunderaitan, kedudukan dana bagi insurans dan takaful perlulah diketahui. Ini kerana pengunderaitan mempengaruhi kedudukan dana syarikat. Oleh itu, syarikat perlu menjalankan proses pengunderaitan dengan telus bagi menjamin dana syarikat tidak terjejas sekiranya tuntutan dilakukan.

Insurans adalah sebuah kontrak yang melibatkan dua pihak iaitu syarikat insurans dan pemegang polisi. Syarikat insurans merupakan pihak yang akan memberi pampasan dalam bentuk kewangan sekiranya berlaku sesuatu peristiwa seperti kebakaran, kemalangan, kecurian dan sebagainya. Manakala, pemegang polisi pula merupakan pihak yang membayar sejumlah wang untuk mendapatkan perlindungan daripada syarikat insurans dalam bentuk kewangan sekiranya berlaku sesuatu peristiwa yang tidak diingini. Ia adalah kontrak jual beli iaitu pemegang polisi berjanji akan

membayar sejumlah premium untuk mendapat jaminan perlindungan kewangan dalam bentuk pampasan daripada syarikat insurans.⁷

Takaful pula merupakan kontrak saling jamin-menjamin dan melindungi. Konsep ini mengandungi prinsip bekerjasama, tolong-menolong dan bertanggungjawab.⁸ Sehubungan dengan itu, setiap peserta yang menyertai takaful bersetuju untuk bantu-membantu sesama peserta sekiranya terdapat di antara mereka yang ditimpa bencana atau malapetaka. Ini bermakna di dalam kontrak takaful, tiada unsur jual beli. Kontrak dalam takaful ini adalah berpaksikan elemen kerjasama yang tulen dan menggunakan pendekatan tabungan bersama menerusi konsep *tabarru'*.⁹

Pembentukan dana yang berkonsepkan *tabarru'* dalam operasi takaful ini sangat penting kerana dana ini yang akan digunakan untuk menyalurkan bantuan kewangan atau pampasan kepada peserta yang ditimpa musibah.¹⁰ Dana *tabarru'* ini terbentuk melalui sumbangan daripada Dana Risiko atau Akaun Khas Peserta. Wang yang terkumpul daripada tabung Dana Risiko ini hanya boleh digunakan untuk pihak yang terlibat dalam akad takaful sahaja. Pihak yang tidak terlibat dalam akad tersebut tidak berhak untuk mendapat manfaat daripada wang tersebut.

Melalui konsep penyertaan dan *tabarru'* ini, syarikat takaful bertindak sebagai pemegang amanah yang akan menguruskan semua dana takaful dan diagihkan kepada peserta yang memerlukan sahaja. Sebagai pemegang amanah juga, syarikat takaful perlu

⁷ Vaughan, E. & Vaughan T., *Fundamentals of Risk and Insurance* (New York: John Wiley and Sons, 2003), 159; Trieschmann James S & Gustavson Sandra G., *Risk Management & Insurance* (Ohio: South-Western College Publishing, 1998), 123.

⁸ Nik Ramlah Nik Mahmood, "Takaful: The Islamic System of Mutual Insurance-The Malaysian Insurace", *Arab Law Quarterly*, (Februari 1991), 286-287.

⁹ Muhammad Hisyam Mohamad, "Perbandingan Kontrak Takaful dan Insurans", dalam *Sistem Takaful di Malaysia*, ed. Asmak Ab. Rahman et al. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008), 29.

¹⁰ *Ibid.*

memastikan dana syarikat sentiasa berada dalam keadaan yang baik bagi melakukan bayaran tuntutan sekiranya terdapat peserta yang ditimpa musibah.

Dalam kontrak insurans pula, syarikat insurans mempunyai kuasa penuh ke atas premium yang dibayar dan wang yang terkumpul adalah merupakan milik syarikat. Ia hanya bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada pemegang polisi jika berlaku sesuatu yang tidak diduga.¹¹

Ini kerana, kontrak insurans tidak berasaskan penyertaan. Ia adalah suatu kontrak jual beli yang mana wujud transaksi individu yang membeli polisi berharap untuk mendapatkan pampasan oleh syarikat insurans jika terjadi malapetaka ke atas mereka. Bayaran premium yang terkumpul dalam dana insurans akan digunakan untuk membayar tuntutan, perbelanjaan pengurusan, komisyen dan sebagainya. Sekiranya terdapat baki daripada dana tersebut ia merupakan keuntungan syarikat.¹²

Oleh itu, perbezaan dana yang terdapat di antara syarikat insurans dan takaful, dana dalam syarikat takaful dilihat lebih perlu dilindungi kerana ia bukan hanya milik syarikat tetapi ia juga milik bersama setiap peserta. Ini adalah disebabkan konsep *tabarru'* yang diterapkan dalam operasi takaful. Sebaliknya, dalam insurans, ia tiada sebarang perkongsian dalam apa jua urusan. Syarikat insurans berhak mengambil lebihan dana sekiranya terdapat lebihan dalam bayaran tuntutan yang dilakukan.

Maka, menjadi tanggungjawab syarikat takaful untuk menguruskan dana syarikat dengan lebih teliti agar dapat mengekalkan kebolehtahanan syarikat pada masa akan datang.

¹¹ *Ibid.*, 23.

¹² *Ibid.*, 31.

4.3 ANALISIS FAKTOR-FAKTOR PENGUNDERAITAN DALAM TAKAFUL

Syariah merupakan suatu sistem yang lengkap meliputi seluruh aspek kehidupan manusia sama ada dalam bidang aqidah, akhlak, ibadah dan muamalat. Ia menggariskan sumber perundangan Islam yang dinyatakan secara langsung di dalam al-Quran dan hadis.

Berdasarkan penelitian pengkaji, tiada perbincangan yang khusus di dalam al-Quran dan hadis berkaitan dengan amalan pengunderaitan yang diamalkan dalam industri takaful. Sekiranya tiada hukum yang jelas dalam al-Quran dan hadis, maka sumber lain juga boleh digunakan juga sebagai sandaran seperti *qias*, *ijmā'*, *istihsān* dan sebagainya. Syariah juga tidak sama sekali menyekat dalam memenuhi kehendak individu ketika melakukan muamalat dengan hanya membataskan rujukan daripada al-Quran dan al-Sunnah sahaja. Ini menunjukkan bahawa hukum Islam itu bersifat fleksibel mengikut keadaan, tempat dan masa.

Oleh yang demikian, dalam konteks ini pengkaji akan mengambil pendekatan dalam mengaitkan kaedah-kaedah fiqh dengan menganalisis setiap faktor-faktor pengunderaitan yang diamalkan dalam industri takaful.

Berdasarkan kajian, didapati bahawa takaful menggunakan faktor-faktor sebagaimana yang digunakan oleh insurans dalam proses pengunderaitan seperti yang telah dibincangkan dalam bab 3. Faktor-faktor ini digunapakai untuk menentukan kelas risiko pemohon seterusnya dapat menentukan kadar sumbangan yang dikenakan oleh setiap peserta. Faktor umur, jantina, keadaan fizikal, sejarah perubatan, latar belakang keluarga, pekerjaan dan hobi akan diambil kira untuk menilai risiko pemohon. Maka dalam bab ini pengkaji akan melihat penggunaan faktor-faktor tersebut dari perspektif syariah.

4.3.1 Umur

Penentuan sumbangan peserta ditentukan dengan merujuk kepada jadual kemortalan yang telah dilakukan kajian oleh pakar-pakar aktuari. Jangkaan kematian sangat berkait rapat dengan umur. Oleh itu, umur merupakan antara faktor terpenting dalam pemilihan risiko pemohon. Peningkatan usia menunjukkan kebarangkalian yang tinggi untuk mengalami masalah kesihatan. Sebaliknya, umur yang muda dilihat mempunyai tahap kesihatan yang baik. Jadi, risiko kematian yang dijangkakan oleh golongan muda adalah lebih rendah seperti dalam jadual 2.1 di bab 2. Secara ringkasnya, jadual itu menunjukkan kadar mortaliti individu meningkat dengan umur kerana semakin tinggi umur, semakin tinggi risiko kematian yang dihadapi oleh seseorang individu.¹³

Maka, bayaran sumbangan yang dikenakan bagi mereka yang masih muda adalah lebih rendah berbanding dengan individu yang tua. Ini bermakna bayaran sumbangan yang dikenakan oleh setiap individu adalah berbeza.

Melihat kepada sistem takaful yang berkonsepkan *tabarru'*, maka perbezaan bayaran sumbangan yang dikenakan tidak menjadi masalah dari sudut fiqh. Ini kerana penentuan tahap kemortalan individu berdasarkan kepada kajian yang lepas seperti yang dinyatakan oleh pakar Syariah Ustaz Mohd Bakir Mansor:

“Dari segi umurnya, dia tengok dia punya berdasarkan kepada statistik. Statistik tu dah dikaji, dah buat kajian dah lama, jadi mengikut umur berapa yang banyak penyakit, umur muda, kanak-kanak takde penyakit, kalau dewasa sikit dah banyak dah datang penyakit, kalau dah tua walaupun tak dok penyakit kerana keuzurannya, kerana kekuatannya dah kurang, jadi faktor-faktor tu dimasuk kira la dalam *age* tu. Ini semuanya untuk nak jaga keadilan jugak lah.”¹⁴

¹³ Hendon Redzuan et al., *Prinsip Pengurusan Risiko dan Insurans* (Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2006), 314.

¹⁴ Mohd Bakir Haji Mansor, (Internal Research Fellow, IBFIM) dalam temubual dengan pengkaji, 21 Februari 2014, pukul 11.30 pagi di Islamic Banking & Finance Institution Malaysia.

Jadual yang digunakan adalah untuk menentukan jangkaan kematian berdasarkan kepada peringkat umur seseorang individu. Ini kerana jadual kemortalan yang ada telah dilakukan kajian yang menyeluruh dan boleh diterima pakai dalam Islam. Maka, tiada halangan untuk menggunakan jadual kemortalan tersebut kerana ia telah terbukti berdasarkan pengalaman-pengalaman lepas. Selain daripada itu, menurut Ustaz Mohd Bakir Mansor, faktor umur yang diambil kira dalam proses pengunderaitan ini dapat memberi keadilan kepada setiap peserta:¹⁵

“Keadilan mesti diutamakan dalam *business* takaful. Faktor umur, dia tengok statistik sebab nak jaga keadilan jugak la. Memang adil la kalau yang tua bayar lebih yang muda bayar sikit.”

Bayaran sumbangan yang berbeza mengikut peringkat umur menunjukkan nilai keadilan yang ada dalam proses pengunderaitan. Hal ini kerana individu yang berada pada purata umur yang sama mempunyai tahap kesihatan yang sama dan dikelaskan dalam kumpulan yang sama. Maka, faktor umur yang diambil kira ini membuktikan elemen keadilan dalam amalan pengunderaitan.

Selain daripada itu, penggunaan jadual kemortalan ini adalah bertujuan untuk mengurus risiko syarikat takaful itu sendiri. Syarikat takaful sebagai pemegang amanah yang perlu menguruskan dana syarikat dan juga dana *tabarru'* supaya dana ini sentiasa dalam keadaan yang baik seperti yang dinyatakan oleh Ustaz Wan Jemizan Wan Deraman:

¹⁵ *Ibid.*

“Pengendali takaful ni dia sebagai pekerja jer atau pemegang amanah. Pengendali takaful ni, di Malaysia, dia terlibat dengan sektor atau dipanggil *at-tijari* la. Perniagaan. Bila perniagaan dia ada *consideration* untung rugi. Untuk sape, untuk dia pemegang saham (*shareholder*). Jadi benda ni sangat berkait rapat dengan *underwriting*.”¹⁶

Sebagai syarikat yang berprinsipkan perniagaan, faktor keuntungan dan kerugian turut diambil kira dalam perniagaan mereka. Maka, mereka perlu memastikan dana syarikat berada dalam keadaan kukuh agar perniagaan mereka dapat terus berjalan lancar. Pada pandangan pengkaji, faktor umur ini diambil kira untuk mengelakkan kemudaratan ke atas dana *tabarru'*. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh (الضرر يزال).¹⁷ Sekiranya berlaku kekurangan dana, maka peserta akan mengalami masalah dalam tuntutan. Hal ini menunjukkan syarikat takaful perlu mengurus risiko dengan baik supaya dapat mengelak daripada berlakunya kerugian dan kekurangan dana untuk memberi perlindungan kepada peserta.

4.3.2 Jantina

Faktor jantina dalam proses pengunderaitan juga diambil kira sebagai salah satu faktor untuk mengurus risiko. Faktor jantina ini penting kerana lelaki dan perempuan mempunyai tahap kemortalan dan kemorbidity yang berbeza. Kajian lepas membuktikan bahawa umumnya wanita mempunyai jangka hayat yang panjang berbanding dengan lelaki yang mempunyai kumpulan umur yang sama.¹⁸ Walau bagaimanapun, dalam produk perubatan dan kesihatan, sumbangan untuk perempuan adalah lebih tinggi kerana kadar kemorbidity (penyakit) adalah lebih tinggi daripada lelaki.¹⁹

¹⁶ Wan Jemizan Wan Deraman (Ketua, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd), dalam temubual dengan pengkaji, 3 Mac 2014, pukul 9.00 pagi di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

¹⁷ Ahmad bin Muhammad al-Zarqā', *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1989), 2: 179.

¹⁸ Mohamad Adam Bujang et al., “Mortality Rate by Specific Age Group and Gender in Malaysia: Tren of 16 Years, 1995-2010,” *Journal of Health Informatics in Developing Countries* 6, (2012), 1-9.

¹⁹ Ahmad Mazlan Zulkifli et al., *Asas Amalan Takaful* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2012), 229.

Joseph Heath mempertikaikan perbezaan bayaran premium yang dikenakan mengikut jantina dalam insurans. Joseph menyatakan:

*“Moral intuition that it is unfair to penalize individuals for circumstance that are outside of their control or for things that are not their fault”*²⁰

Beliau berpandangan penggunaan faktor jantina yang diambil kira untuk menetapkan kelas risiko pemohon ini adalah tidak adil. Ini kerana beliau berpendapat adalah tidak wajar dikenakan bayaran yang tinggi untuk perkara yang diluar kawalan manusia. Jantina seseorang telah ditetapkan sejak lahir. Maka ia adalah suatu perkara yang tidak boleh dikawal oleh individu. Berbeza dengan perkara seperti hobi, gaya hidup dan sebagainya yang merupakan suatu perkara yang boleh dikawal oleh manusia. Oleh itu, perbezaan bayaran mengikut jantina ini menunjukkan elemen ketidakadilan dalam insurans.

Dalam konteks takaful, jantina juga diambil kira dalam pengunderaitan. Ini disebabkan perbezaan jantina individu adalah menunjukkan perbezaan risiko yang dihadapi oleh setiap peserta sekaligus menunjukkan perbezaan dari segi bayaran sumbangan yang dikenakan kepada peserta. Perkara ini turut diperakui oleh pakar syariah Ustaz Mohd Bakir Mansor:

*“Faktor jantina begitu jugak, kena bergantung kepada keadaan. Kita tengok pada asasnya macam mana. Antara lelaki dan perempuan mana lagi banyak masalah? Kalau masalah tinggi, bayar la lebih sikit.”*²¹

Perbezaan bayaran sumbangan bergantung kepada jantina pemohon. Perempuan dilihat mempunyai risiko tinggi kerana mempunyai tahap kemorbidan (penyakit) yang tinggi berbanding lelaki.²² Oleh itu, tiada masalah dari segi fiqh jika faktor

²⁰ Joseph Heath, “Reasonable Restrictions on Underwriting,” *Research in Ethical Issues in Organizations*, Volume 7, (2007), 16.

²¹ Mohd Bakir Haji Mansor.

²² Ahmad Mazlan Zulkifli, *Amalan Asas Takaful* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2012), 223.

pengunderaitan ini digunakan dalam syarikat takaful seperti yang dinyatakan oleh Ustaz

Luqman Abdullah:

“Katalah dia nak ambil kira umur, jantina itu semua dia meletakkan risiko berasaskan kepada statistik yang ada. Dia mesti berdasarkan kebiasaan yang berlaku. Dia tidak mari secara suka-suka, berdasarkan kebiasaan yang berlaku pada masyarakat. Berasaskan kepada kebiasaan itu dia *set up* satu polisi kan. Kita buat begini begini adalah *bisnes decision* kan. So, dalam *business* punya *decision* maka dari sudut fikah nya dia takde masalah. Sebab dia yang akan menanggung risiko. Tak de masalah. Cuma dari segi sudut etika. Jadi kita ada satu perkara yang kita benda yang sangat ideal kita rasa perlu pada masyarakat kan. Ideal tu maknanya kalau kita boleh mencapai tahap tu, maknanya semua orang boleh masuk takaful bahkan tak de konsep *underwriting* langsung. Maknanya siapa sahaja akan diterima dalam takaful. Itu maknanya benda yang ideal la. Tapi kita sekarang berdepan dengan suatu yang *reality*. Yang ada sekarang ni yang kita tak sampai tahap ke depan tahap itu. Jadi kalau kita fikir secara ideal untuk melaksanakan perkara yang *reality*, tak jalan jugak benda tu. Dalam perspektif *reality* yang ada. Jadi *bisnes decision* yang dibuat itu dibenarkan oleh syarak. Cuma msalahnya dari segi etika. Kalau etika ni dia lihat perkara yang ideal ni la kan. Jadi memang tak boleh nak jalan pon. Jadi, kita jangan bercakap macam kita hidup zaman Saidina Omar, dalam dunia kita hidup zaman saidina lain ni. Yang tak de saidina ni. Jadi dari sudut fikah memang tak de masalah la.”²³

Segala keputusan yang telah ditetapkan oleh takaful adalah berdasarkan kajian lepas yang telah dikaji oleh pihak aktuari sebelum sesuatu produk itu dikeluarkan. Statistik yang digunakan adalah berdasarkan daripada kajian-kajian dan pengalaman yang lepas. Menurut Ustaz Luqman Abdullah, syarikat yang akan menanggung segala risiko yang berlaku. Jadi, faktor-faktor pengunderaitan yang digunakan adalah merupakan keputusan dalam sesebuah perniagaan untuk mengelak daripada berhadapan dengan risiko yang lebih besar. Maka, tiada masalah jika faktor jantina ini digunakan dalam proses pengunderaitan.

Selain itu, pada pandangan pengkaji unsur keadilan juga turut diterapkan dalam pengambilan faktor jantina dalam proses pengunderaitan. Faktor ini akan menilai setiap

²³ Luqman Abdullah, (Member of Shariah Committee, MAA Takaful Berhad) dalam temubual dengan pengkaji, 5 Mac 2014, pukul 2.05 petang di Universiti Malaya.

jantina dan dikelaskan mengikut tahap risiko masing-masing serta dikenakan bayaran yang berbeza. Ini kerana bayaran yang tinggi akan dikenakan kepada mereka yang berisiko tinggi begitu juga sebaliknya. Ini menunjukkan elemen keadilan yang ada dalam takaful. Bayaran sumbangan yang tinggi dikenakan kerana risiko yang akan ditanggung adalah tinggi.

4.3.3 Keadaan Fizikal

Keadaan fizikal pemohon dilihat berdasarkan *Body Mass Index* (BMI). Ketinggian dan berat badan digunakan untuk menilai keadaan fizikal pemohon. Pemohon yang mempunyai berat badan berlebihan atau kekurangan berat badan mempunyai risiko yang tersendiri. Oleh itu kedua-dua keadaan ini perlu dibezakan dalam bayaran sumbangan yang dikenakan. Hal ini turut dipersetujui oleh Ustaz Mohd Bakir Mansor dan Ustaz Wan Jemizan Wan Deraman:

“Fizikalnya gitu lah. Kalau orang yang gemuk kena la bayar lebih. Orang biasa, biasalah.”²⁴

“Begitu juga dengan keadaan fizikal. Gemuk ke kurus ke. Tak sama risiko dia.”²⁵

Setiap pemohon akan dikenakan bayaran yang berbeza mengikut keadaan fizikal masing-masing. Dana *tabarru'* yang disumbangkan oleh mereka memberi keadilan kepada semua pihak. Hasil temubual pengkaji bersama pengunderait dalam bab 3 mendapati bahawa pemohon yang mempunyai bacaan BMI yang tidak normal akan dikenakan bayaran tambahan. Hal ini kerana, bayaran sumbangan setiap pemohon dikenakan sesuai dengan risiko yang dibawa oleh mereka. Mereka yang mempunyai

²⁴ Mohd Bakir Haji Mansor.

²⁵ Wan Jemizan Wan Deraman.

bacaan BMI yang tidak normal berisiko untuk mendapat penyakit yang berbahaya seperti hiperkolestolemia dan kardiovaskular.²⁶

Kaedah fiqh (الضرر يدفع بقدر الإمكان)²⁷ yang bermaksud kemudaratan dibendung semampu yang mungkin dapat dikaitkan dengan faktor keadaan fizikal. Kemudaratan itu harus dihilangkan sepenuhnya. Sekiranya tidak hilang keseluruhan, maka lakukan sekadar yang berkemampuan sahaja.²⁸ Maka secara umumnya kaedah ini diaplikasikan dalam proses pengunderaitan sebagai salah satu usaha untuk mengekalkan kebolehtahanan syarikat dalam industri takaful.

4.3.4 Sejarah Perubatan

Sejarah perubatan merujuk kepada tahap kesihatan pemohon. Pemohon akan dinilai mengenai tahap kesihatan semasa bagi memastikan keadaan kesihatan pemohon dalam keadaan yang baik. Faktor ini adalah penting kerana risiko yang dibawa oleh setiap individu adalah berbeza dan tahap kesihatan individu juga berbeza. Oleh itu, faktor ini dapat menentukan tahap risiko pemohon dengan melihat kepada sejarah perubatan pemohon yang perlu dilaporkan dalam borang cadangan.

Syarikat takaful turut mengambil kira faktor sejarah perubatan pemohon bagi memastikan keadaan kesihatan pemohon pada masa kini. Laporan daripada doktor juga diperlukan untuk membuktikan tahap kesihatan pemohon.

Pemohon yang berisiko tinggi akan dikenakan bayaran tambahan. Syarikat takaful akan terima permohonan individu yang telah mempunyai penyakit tetapi dengan meletakkan syarat-syarat tertentu sama ada untuk meletakkan bayaran tambahan atau

²⁶ Michael L. Pollock & Jack H. Wilmore, *Exercise in Health and Disease: Evaluation and Prescription for Prevention and Rehabilitation*, ed. ke-2 (Philadelphia: W. B Saunder Company, 1990), 45.

²⁷ Ahmad bin Muhammad al-Zarqā', *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, 207.

²⁸ *Ibid.*

pengecualian terhadap penyakit yang sedia ada. Ini kerana syarikat perlu mengekalkan kestabilan kewangan untuk terus menyediakan perkhidmatan kepada peserta-peserta takaful seperti yang dinyatakan oleh Ustaz Wan Jemizan Wan Deraman:

“Sejarah perubatan ini sangat penting. Sebab konsep kita takaful ni ye la dia punya kaedah tu mencegah lebih baik dari mengubat. Jadi sebenarnya takaful ni ambil sebelum sakit. Jadi bila dah sakit payah la..sebabnya kita nak kena jaga semua *fund*. (*risk fund* dan *shareholder fund*). Kalau kita letakkan orang yang sakit saja. Kita tak *fair* dengan orang yang sihat.”²⁹

Sejarah perubatan peserta perlu diambil kira dalam penyertaan peserta bagi mengelakkan berlakunya anti-pemilihan iaitu individu yang berada dalam kategori berisiko tinggi membayar sumbangan *tabarru'* dengan kadar biasa. Bayaran sumbangan setiap individu adalah berbeza kerana keadaan, latar belakang, tabiat serta risiko yang dibawa oleh setiap individu juga berbeza. Menurut Wahbah Zuhaili antara ciri-ciri takaful iaitu nilai atau kadar yang dikenakan oleh setiap individu berbeza mengikut keadaan peserta dan peristiwa atau kejadian yang dialami.³⁰

Ia bertepatan sekiranya peserta yang berisiko tinggi akan dikenakan bayaran sumbangan yang lebih daripada mereka yang berisiko rendah. Hal ini kerana penekanan syarak terhadap perkara larangan adalah melebihi daripada perkara yang diperintahkan-Nya.³¹ Sabda Nabi SAW:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال : سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: ما

نهيتكم عنه فاجتنبوه، وما أمرتكم به فأتوا منه ما استطعتم³²

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah r.a bahawa aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Apa yang aku larang kamu lakukan

²⁹ Wan Jemizan Wan Deraman.

³⁰ Wahbah Zuhaili, *al-Muā'malāt al-Māliyyah al-Muā'şarah* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2002), 373.

³¹ *Ibid.*

³² Alā' al-Dīn 'Alī bin Balbāni al-Fārisī, Şahīh Ibnu Hibban, no Hadīth 18, (Birut: Muassasah al-Risālah, 1993).

hendaklah kamu tinggalkannya, dan apa yang aku perintahkan kamu lakukan hendaklah kamu lakukan sekadar kemampuan kamu.

Institusi takaful merupakan entiti yang melindungi peserta sekiranya berlaku suatu musibah melalui konsep *ta'āwun*. Walaubagaimanapun, penyertaan individu untuk menyertai takaful perlu dinilai keadaan kesihatan peserta. Sekiranya syarikat takaful menerima penyertaan individu tanpa melihat kepada keadaan kesihatan individu, ia akan menyebabkan ketidakseimbangan dana. Ini kerana syarikat perlu menyediakan dana yang banyak untuk menampung kehadiran peserta yang berisiko tinggi. Sebagai rumusannya, apabila dalam sesuatu perkara itu terdapat manfaat, namun terdapat juga kerosakan, maka seharusnya didahulukan untuk menghilangkan kemudaratan. Ini kerana, kemudaratan dapat merebak sehingga melahirkan kerosakan yang lebih besar. Dalam keadaan ini, walaupun konsep takaful itu adalah tolong-menolong, syarikat tidak mampu untuk menerima permohonan individu yang sangat berisiko tinggi untuk menyertai takaful. Kerosakan yang ingin ditolak adalah kekurangan dana yang disebabkan oleh penyertaan peserta yang berisiko tinggi dalam takaful. Oleh itu, kerosakan atau kekurangan dilihat sebagai satu bentuk *mafsadah* kepada syarikat yang harus dielakkan.

Bayaran tambahan akan dikenakan kepada mereka yang telah mempunyai penyakit. Menurut Ustaz Bakir Mansor bayaran tambahan yang dikenakan kepada mereka yang mempunyai penyakit adalah untuk memberi keadilan kepada semua peserta:

“Kalau dah dia tu banyak masalah tak boleh la nak mintak orang tanggung dia. Dia kena bayar la jugak supaya mengikut penyakit atau masalah dia tu. Kalau masalah dia banyak, kenalah bayar banyak. Supaya adil lah.”³³

³³ Mohd Bakir Haji Mansor.

Keadilan yang diterapkan dalam pengunderaitan ini adalah dengan membezakan bayaran sumbangan pemohon dengan melihat kepada keadaan kesihatan pemohon. Ini kerana bayaran yang dikenakan adalah berdasarkan penyakit dan tahap kesihatan pemohon. Ia akan menjadi tidak adil sekiranya pemohon yang tidak mempunyai penyakit terpaksa membayar nilai sumbangan yang sama dengan individu yang mempunyai penyakit.

Terdapat juga permohonan yang ditolak disebabkan rekod kesihatan pemohon yang mempunyai penyakit yang berbahaya contohnya kanser, serangan jantung, sakit hati yang kronik, HIV, AIDS dan sebagainya. Penolakan permohonan ini berlaku apabila caj tambahan yang dikenakan masih tidak mencukupi untuk melindungi penyakit yang sedia ada. Menurut Roslinah Daud, pemeriksaan kesihatan yang sangat ketat untuk menentukan status kesihatan seseorang tidak melambangkan konsep *ta'āwun* dan kerjasama dalam takaful.³⁴

Merujuk kepada hasil temu bual bersama pengunderait di dalam bab 3, mereka yang telah mempunyai penyakit akan sering membuat tuntutan untuk mendapatkan rawatan berkenaan penyakit yang dialami. Apabila sering membuat tuntutan, ia menunjukkan tahap kesihatan individu itu tidak baik dan ia memberi kesan kepada dana *tabarru'*. Maka, antara sebab penolakan permohonan itu dilakukan adalah untuk memastikan dana syarikat tidak akan berkurangan. Penolakan permohonan ini dilihat sebagai salah satu langkah untuk melindungi dana syarikat. Hal ini telah dinyatakan oleh Ketua Pematuhan Syariah, Ustaz Wan Jemizan Wan Deraman:

³⁴ Roslinah Daud, "Underwriting Family Schemes", ICMIF Takaful.

“Kalau awak tanya di sini adakah menepati konsep bantu membantu memang sangat menepati. Konsep yang ada untuk membantu peserta, konsep yang ada juga untuk bantu *shareholder*. Sebab *shareholder* yang tolong *manage*. Ok. Itu dari satu perspektif. Perspektif yang kedua, diantara peserta dengan peserta. Konsep yang ada, memang berteraskan konsep tolong menolong dan bantu membantu. Sebagai contoh, dari segi *underwriting* kateria yang digunakan. Kalau dia ni *high risk*, maka kita akan kenakan *tabarru'* yang lebih tinggi la. Yang *low risk*, *tabarru'* dia rendah sikit. Jadi orang yang *low risk* ni dia akan bantu yang *high risk*. Di sudut yang lain pulak orang yang *high risk* plak akan bantu orang yang *low risk*. Jadi kita mengamalkan konsep begini. Orang yang berisiko tinggi akan dibantu oleh orang yang berisiko rendah, konsep tolong menolong macam ni memang berlaku. *Group* ini mempunyai pendedahan risiko yang berbeza. Tak boleh tidak mesti guna konsep bantu membantu dan kerjasama dikalangan peserta. Bila mana risiko tu tidak boleh diterima maka kena *decline*, sebab apa, sebab dia punya tujuan untuk *protect* benda ni (dana). Kalau kita bawak orang yang sakit saje, *what happen* pada orang yang *low risk* ni. Dan ape yang akan jadi pada *shareholder*? *Shareholder* asyik kena *top-up* je kan. Koyak la poket. Kalau masih lagi dalam *underwriting* punya *limit*, itu kita boleh terima, tapi kita letak lah *certain condition*, contohnya dia ni memang dah ada *high blood pressure*, mungkin kita *excludekan* penyakit tu. Kita boleh terima tapi kita *exclude* untuk penyakit yang berkaitan dengan darah tinggi kita tak *cover*. *To be fair* kepada orang yang takde risiko ni.”³⁵

Menurut Ustaz Wan Jemizan Wan Deraman, konsep tolong-menolong yang diamalkan oleh syarikat takaful terbahagi kepada dua iaitu tolong-menolong antara pemegang saham dengan peserta dan yang kedua, tolong-menolong di antara peserta dengan peserta. Sekiranya proses pengunderaitan tidak dilakukan dengan cermat dan berlaku kekurangan dana maka, pemegang saham akan membantu menambahkan dana tersebut. Oleh sebab itu, syarikat takaful perlu teliti dalam membuat pengunderaitan untuk memastikan hak peserta dilindungi dalam masa yang sama hak pemegang saham juga tidak diabaikan. Konsep tolong-menolong antara peserta pula dilihat apabila setiap peserta akan menyumbang dalam tabung tertentu. Tabung dana ini digunakan untuk membantu peserta yang ditimpa musibah. Jika peserta membawa risiko yang tinggi, maka kadar *tabarru'* yang perlu disumbangkan mestilah sepadan dengan risiko tersebut.

³⁵ Wan Jemizan Wan Deraman.

Walaupun penolakan permohonan itu dilakukan, ia tidak bererti takaful tidak menepati konsep tolong-menolong. Ini kerana takaful merupakan suatu institusi perniagaan yang perlu menitikberatkan perihal keuntungan dan kerugian. Maka, syarikat perlu bijak menguruskan risiko.

Ustaz Mohd Bakir Mansor turut menyatakan penyertaan individu dalam takaful bertujuan untuk membantu antara satu sama lain. Konsep tolong-menolong hanya untuk peserta takaful sahaja. Oleh itu, setiap permohonan perlu dinilai dan dipilih untuk memastikan risiko yang dibawa oleh pemohon itu masih boleh ditanggung oleh syarikat. Ini dinyatakan melalui petikan temu bual berikut:

“Memanglah. Kita *decline* ni, kita tujuan berkumpul dalam satu syarikat, jadi peserta tu kita nak sama-sama bantu-membantu. Kalau dari mula lagi sejak mula jadi merugikan lah orang-orang yang lain. Dia masuk, dia tak boleh tolong orang, orang yang terpaksa tolong dia. Tak boleh la. Jadi, kerana pakatan tu *limited*. Kalau macam *welfare state* tak kira la. Dah memang kerajaannya gitu. Dia *cover* semua rakyatnya. Tapi dalam takaful, tidak. Takaful hanya *cover* orang yang jadi ahli. Jadi ahli saja. Jadi antara ahli-ahli tu, nak kena pilih la orang yang tak boleh bagi sumbangan langsung, harap nak kena tanggung oleh orang lain, itu dah memang kena tolak la. Tak boleh la dikatakan tak adil kalau gitu. Kalau tolak tu tengok la. Kalau sekiranya tolak tu, tak de la ditolak langsung, *loading* je la. Ditinggikan, atau dia *exclusion*. Ha yang tu memang ada la. Penyakit yang dah ada, yang tak boleh sembuh ke, yang tu memang ada la. Yang tu pon berdasarkan kepada statistik tidaklah dikatakan tak adil.”³⁶

Oleh itu, penolakan permohonan itu dibuat dengan melihat risiko yang dibawa oleh pemohon. Sekiranya risiko itu sangat tinggi dan akan menimbulkan kemudaratan terhadap dana syarikat, maka permohonan itu akan ditolak.

³⁶ Mohd Bakir Haji Mansor.

4.3.5 Kehidupan Peribadi

Kehidupan peribadi merujuk kepada gaya hidup pemohon iaitu pengambilan rokok, alkohol dan dadah. Individu yang terlibat dengan gaya hidup yang kurang sihat ini dilihat lebih berisiko untuk diserang penyakit.

Individu yang mengambil dadah yang bahaya akan mengalami gejala resah, tertekan, sukar tidur, letih dan gelisah serta mengalami penyakit bronkitis.³⁷ Hal ini menunjukkan individu tersebut mempunyai gaya hidup yang tidak sihat. Berdasarkan hasil temu bual dalam bab 3, penagih dadah tidak akan ditawarkan sebarang perlindungan.

Bagi pemohon yang menghisap rokok, sekiranya pemohon menghisap rokok lebih daripada jumlah yang ditetapkan oleh syarikat takaful, maka mereka akan dikenakan bayaran tambahan. Contohnya, bilangan rokok minimum yang ditetapkan oleh syarikat takaful adalah 20 batang sehari, jika pemohon merokok melebihi 30 batang sehari, maka pemohon akan dikategorikan sebagai *sub-standard* dan dikenakan bayaran tambahan.

Secara umum, individu yang merokok mempunyai jangka hayat yang lebih pendek berbanding dengan mereka yang tidak merokok. Mengikut anggaran yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, secara purata seorang perokok akan kehilangan jangka hayat hidupnya sebanyak 15 tahun. Kebanyakan penyakit kronik seperti penyakit jantung, penyakit paru-paru, strok, darah tinggi, kencing manis dan kanser mempunyai kaitan rapat dengan tabiat merokok.³⁸ Oleh sebab itu, syarikat

³⁷ Armin Azhari, *Penyalahgunaan Dadah* (Petaling Jaya: Pan Earth Sdn Bhd, 1993), 22; lihat juga laman sesawang *National Institute on Drug Abuse*, dicapai 25 Mac 2014, <http://www.drugabuse.gov/drugs-abuse>.

³⁸ Harny Mohamed Yusoff, *Merokok Ketagihan yang Harus Dihentikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 8.

takaful akan mengenakan caj yang tinggi kepada perokok kerana risiko penyakit yang akan dihidapi oleh mereka.

Selain daripada itu, syarikat takaful juga turut menilai pemohon dari segi pengambilan alkohol. Seperti hasil di dalam bab 3, pengunderait perlu mengetahui kekerapan pengambilan alkohol oleh pemohon serta keputusan ujian darah khas untuk meneliti fungsi organ hati. Pengambilan alkohol yang berlebihan akan meningkatkan risiko strok, masalah hati, tekanan darah tinggi dan sakit jantung.³⁹ Kebiasaannya, jika pengambilan alkohol untuk *social drinking*, syarikat tidak akan mengenakan sebarang caj tambahan. Sekiranya alkohol yang diambil oleh pemohon secara berlebihan sehingga menyebabkan mabuk, maka permohonan itu akan dikenakan caj tambahan ataupun permohonan itu akan ditolak.

Penilaian pengambilan alkohol ini berdasarkan tahap penggunaan alkohol dan keputusan ujian darah fungsi hati. Ia tidak dibezakan mengikut agama yang dianuti oleh pemohon. Ini bermakna, tiada halangan untuk orang yang mengambil alkohol untuk memohon takaful. Sedangkan Islam menyeru umatnya supaya mengambil makanan yang baik, halal bersih dan berkhasiat. Segala pengambilan bahan yang kotor, keji atau benda-benda yang memabukkan seperti minuman alkohol adalah haram. Allah berfirman:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلٍ
الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Al-Maidah 5: 90

³⁹ Bin Gao dan Ramon Bataller, "Alcoholic Liver Disease: Pathogenesis and New Therapeutic Targets," *Gastroenterology* 141(2011), 2. Lihat juga laman sesawang *National Institute on Drug Abuse*, dicapai 30 Mac 2014, <http://www.drugabuse.gov/drugs-abuse/alcohol>.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Perbuatan mengambil minuman keras sama seperti sengaja melibatkan diri dalam larangan dan ia amat ditegah oleh Allah. Firman Allah:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ

Al-Baqarah 2:195

Terjemahan: Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri, dan berbuat baiklah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.

Pengharaman terhadap minuman keras adalah jelas dinyatakan dalam al-Quran. Oleh itu, pengkaji berpendapatan syarikat takaful perlu menolak penyertaan individu yang mengambil arak kerana ia bercanggah dengan syarak. Sekiranya ia tidak dibanteras, manusia akan bebas melakukan aktiviti itu sedangkan ia terang-terangan melanggar perintah Allah.

4.3.6 Latar Belakang Keluarga

Faktor ini merujuk kepada latarbelakang kesihatan keluarga. Pengunderait akan menilai pemohon dengan melihat tahap kesihatan keluarga pemohon supaya pengelasan risiko boleh dilakukan dengan lebih tulus. Ini kerana, sejarah kesihatan keluarga turut mempengaruhi tahap kesihatan individu pada masa akan datang. Syarikat takaful

memerlukan maklumat yang lebih terperinci mengenai diri pemohon. Oleh itu, maklumat mengenai kesihatan keluarga diperlukan bagi membantu menilai dari segi tahap kesihatan pemohon.

Joseph Heath berpandangan tidak adil mengambil kira penggunaan faktor latar belakang keluarga untuk menilai risiko pemohon. Beliau menyatakan bahawa syarikat insurans hanya perlu menilai diri pemohon sahaja tanpa melihat keadaan ibubapa pemohon kerana pemohon merupakan subjek yang ingin dilindungi.⁴⁰

Menurut pengkaji, latarbelakang keluarga amat perlu untuk dijadikan sebagai salah satu faktor untuk melihat risiko pemohon. Ini kerana terdapat penyakit yang boleh diwarisi oleh individu sekiranya keluarga terbukti mempunyai penyakit keturunan seperti diabetes mellitus, sakit jantung, darah tinggi, hemophilia dan sebagainya.⁴¹ Hal ini turut dinyatakan oleh Ustaz Wan Jemizan Wan Deraman:

“Berdasarkan pengalaman dari segi perubatan, biasanya kalau lah mak ayah ada *blood pressure*. Dari segi perubatannya anak, waris, dia mempunyai *possibility* yang tinggi untuk kena *blood pressure*. Mak ayah yang ada *cancer*, *percentage* tu sangat tinggi untuk dia jugak mengidap *cancer*.”⁴²

Kenyataan ini disokong oleh pakar Syariah, Ustaz Bakir Mansor:

“Kalau sejarah keluarga dia ada *diabetes*, keluarga dia memang ada, *diabetes* tu bukan dia dapat kerana makan banyak gula, tidak. Tapi memang keturunan. Dia punya penyakit tu dari asal memang dah tak *perfect* lah. Itu *hereditary*. Berdasarkan kepada sejarah *family*. Jadi

⁴⁰ Joseph Heath, *Reasonable Restrictions on Underwriting*, 18.

⁴¹ Nik Rahimah Nik Husain, *Penyakit Keturunan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 54; lihat juga “Misteri Pendarahan Berterusan”, laman sesawang *Kosmo Online*, dicapai 26 Mac 2014, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0428&pub=Kosmo&sec=RencanaUtama&pg=ru_01.htm; lihat juga “Sakit Jantung”, laman sesawang *Jabatan Penerangan Malaysia*, dicapai 1 April 2014, <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/606-sakit-jantung.html>.

⁴² Wan Jemizan Wan Deraman.

kalau dia ambilkan tu, tak lah tidak adil. Untuk nak jaga kepentingan bersama.”⁴³

Kenyataan di atas menunjukkan sejarah keluarga mempunyai kaitan dengan diri pemohon bagi membantu pengunderait membuat penilaian untuk mengklasifikasikan pemohon dalam kelas risiko tertentu. Sekiranya keluarga mempunyai penyakit keturunan, maka pemohon juga berkemungkinan mempunyai penyakit tersebut. Sebagai contoh, peluang individu untuk mendapat penyakit jantung lebih besar sekiranya terdapat sejarah penyakit jantung dalam keluarga mereka.⁴⁴

Bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini dalam dana *tabarru'*, maka pemohon akan dikenakan bayaran tambahan sekiranya ibu bapa menghidap penyakit keturunan. Ini kerana pemohon berkemungkinan akan mendapat penyakit yang sama seperti yang dialami oleh ahli keluarga mereka. Oleh itu ia merupakan salah satu cara untuk mengelak syarikat daripada mengalami kerugian yang teruk. Maka kerugian itu perlu dikawal supaya ia tidak mendatangkan kemudaratan yang besar kepada dana-dana syarikat. Oleh itu, adalah wajar jika melihat sejarah keluarga pemohon bagi menentukan kelas risiko pemohon. Selain itu, faktor keluarga ini turut memberi keadilan kepada peserta. Peserta yang kurang berisiko akan memberi bayaran sumbangan yang rendah kerana tidak mempunyai penyakit keturunan manakala peserta yang berisiko pula perlu memberi bayaran yang tinggi disebabkan sejarah keluarganya yang mempunyai penyakit keturunan. Maka, pengambilan faktor keluarga ini tidak menunjukkan ketidakadilan ataupun penindasan dalam proses pengunderaitan seperti yang dinyatakan dalam kajian barat.

⁴³ Mohd Bakir Haji Mansor.

⁴⁴ Irwan Shah, *Panduan Menjaga Kesihatan Fizikal dan Mental* (Batu Caves: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd., 2002), 47.

4.3.7 Pekerjaan

Pekerjaan merupakan antara faktor-faktor yang diambil kira dalam proses pengunderaitan. Pemohon akan dinilai tahap risiko diri kerana setiap individu membawa risiko yang berbeza bergantung kepada jenis dan tempat bekerja. Pekerjaan seperti bomba, polis, pelombong dan sebagainya adalah antara pekerjaan yang terlibat dalam aktiviti berbahaya.

Daniel E. Palmer dalam kajiannya ada mengutarakan isu mengenai pekerjaan yang berbahaya seperti nelayan dan penyelam tidak diberikan manfaat perlindungan. Sedangkan insurans merupakan manfaat sosial dan ia tidak adil untuk mengecualikan pemohonan berdasarkan pekerjaan mereka.⁴⁵

Pekerjaan pemohon telah diklasifikasikan dalam kelas pekerjaan seperti yang dilampirkan pada jadual 2.2 dalam bab 2. Setiap pekerjaan dikelaskan mengikut jenis aktiviti yang dilakukan, industri yang terlibat dan tahap bahaya sesuatu pekerjaan. Di dalam industri takaful, kadar *tabarru'* juga bergantung kepada kelas pekerjaan pemohon kerana setiap kelas pekerjaan menanggung tahap risiko yang berbeza. Maka, syarikat tidak akan menawarkan perlindungan untuk pekerjaan yang berbahaya. Walaupun begitu kebiasaannya mereka yang terlibat dalam pekerjaan yang bahaya akan menerima perlindungan daripada majikan mereka. Contohnya, Skim Takaful Berkelompok untuk anggota tentera dan bomba.⁴⁶

Kesemua jenis pekerjaan akan dinilai bagi menentukan kadar sumbangan yang akan dikenakan sesuai dengan risiko yang ditanggung. Menurut petikan temu bual berikut:

⁴⁵ Daniel E. Palmer, *Insurance, Risk Assessment and Fairness*, 118.

⁴⁶“Perkhidmatan Insurans Berkumpulan”, laman sesawang *Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad*, dicapai 26 Mac 2014 <http://www.katmb.com.my/Perkhidmatan/Insurans/Berkumpul.asp>.

“Pekerjaan ni dia menentukan *risk exposure* dia. Dia sebagai *uniform* ke. Dia lain. Lagi lain bila dia bersenjata api. Sebab dia punya risiko tu lagi tinggi kan.”⁴⁷

Pendedahan risiko yang berbeza akan menyebabkan kadar sumbangan juga turut berbeza. Pekerjaan yang berisiko tinggi atau terdedah kepada persekitaran yang berbahaya, kebiasaannya akan dikenakan sumbangan yang lebih tinggi berbanding dengan pekerjaan yang kurang berbahaya dan kurang terdedah kepada risiko seperti kerani, cikgu, akauntan dan sebagainya.

Walaupun dilihat tidak adil apabila mengecualikan penyertaan peserta dalam takaful, tetapi realiti sesuatu perkara itu mestilah diketahui. Sesuatu perkara yang ideal jika ingin dilaksanakan, perlu dilihat pada realitinya terlebih dahulu. Ini berdasarkan petikan temubual bersama pakar Syariah Ustaz Luqman Abdullah:

“Ideal ni maknanya kita boleh mencapai tahap tu. Maknanya semua orang boleh masuk takaful, bahkan takde langsung konsep *underwriting* ni. Maknanya sesiapa sahaja akan diterima dalam takaful. Itu maknanya benda yang ideal la. Tapi kita berdepan dengan suatu yang *reality*. Jadi kalau kita fikir secara ideal untuk melaksanakan perkara yang *reality*, tak jalan jugak benda tu dalam perspektif *reality* yang ada. Jadi *business decision* yang dibuat itu dibenarkan oleh syarak.”⁴⁸

Realiti sesuatu perkara itu mesti dipertimbangkan sebelum melakukan perkara yang ideal. Contohnya, jika syarikat menerima permohonan peserta yang mempunyai pekerjaan yang berbahaya tanpa dikenakan sebarang caj tambahan atau pengecualian, maka syarikat akan berhadapan dengan pelbagai kemungkinan yang memburukkan lagi syarikat dan keadaan peserta yang menyertai takaful. Oleh itu, syarikat takaful berhak membuat keputusan untuk mengklasifikasikan peserta dalam kelas atau kategori yang sesuai dengan pekerjaan pemohon. Manakala, pengecualian hanya diberikan sekiranya pekerjaan itu sangat berbahaya sehingga syarikat tidak mampu untuk memberi

⁴⁷ Wan Jemizan Wan Deraman.

⁴⁸ Luqman Abdullah.

perlindungan kepada pemohon. Hal ini terjadi kerana syarikat perlu menjaga dana *tabarru'* supaya berada dalam keadaan baik.

4.3.8 Hobi

Pemohon juga akan dinilai dengan melihat aktiviti kesukaan yang dilakukan oleh pemohon. Aktiviti atau hobi yang berbahaya memberi gambaran bahawa pemohon itu berisiko tinggi. Aktiviti seperti lumba kereta, menyelam, mendaki dan sebagainya merupakan aktiviti yang berbahaya dan terdedah kepada risiko kecederaan atau kematian yang tinggi. Oleh itu, syarikat takaful bersikap selektif untuk menerima individu yang ingin menyertai takaful. Aktiviti yang berbahaya dilihat sebagai suatu yang boleh menjejaskan kewangan syarikat jika pengurusan risiko dalam proses pengunderaitan tidak dilakukan dengan teliti.

Hobi yang berbahaya akan dikenakan bayaran tambahan kerana risiko yang terdedah ke atas pemohon adalah tinggi. Oleh itu, kebarangkalian untuk berlaku kecelakaan atau kematian adalah tinggi seterusnya kemungkinan pemohon untuk membuat tuntutan juga adalah tinggi. Walaupun syarikat mengenakan syarat untuk pemohon yang berisiko tinggi, ia masih tidak menjamin syarikat untuk tidak terdedah kepada risiko. Hal ini turut dinyatakan oleh Ustaz Wan Jemizan Wan Deraman:

“Dengan kita buat macam (pengunderaitan) ni pon tak menjamin kita tak terdedah dengan risiko, kalau kita tak buat apa-apa lagilah kita tidak adil. Lagi besar la risiko yang kena tanggung.”⁴⁹

Berdasarkan kenyataan di atas, proses pengunderaitan ini tidak menjamin syarikat takaful bebas daripada risiko. Bayaran sumbangan yang dikenakan terhadap pemohon yang berisiko tinggi sebagai salah satu cara untuk syarikat menguruskan risiko yang dibawa oleh pemohon. Selain itu, penetapan faktor hobi dalam pemilihan risiko adalah

⁴⁹ Wan Jemizan Wan Deraman.

untuk mengurangkan risiko dengan memilih risiko yang ringan dan menolak risiko yang berat.

4.4 KEMUDARATAN DALAM DANA TAKAFUL

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dilihat kesemua faktor-faktor pengunderaitan yang digunakan dalam menilai risiko pemohon adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya kemudaratan dalam dana *tabarru'*. Oleh itu, segala yang mendatangkan kemudaratan terhadap dana haruslah dihindarkan.

Penggunaan faktor-faktor pengunderaitan dalam produk takaful ini dapat dikaitkan dengan kaedah fiqh (الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم) yang bermaksud asal sesuatu perkara itu adalah harus sehingga ada dalil yang mengharamkannya.⁵⁰ Ia merujuk kepada keharusan yang diterima pakai apabila perkara tersebut tidak berlawanan dengan nas syarak. Maka, amalan ini boleh dilakukan selagi tidak bercanggah dengan syariat serta selagi mana ia tidak melibatkan aktiviti muamalat yang diharamkan.

Kaedah fiqh (العادة محكمة)⁵¹ adalah garis panduan syariah yang digunapakai di dalam amalan di syarikat takaful. Proses pengunderaitan yang diamalkan dalam takaful ini merupakan uruf dalam perniagaan insurans. Uruf dalam industri takaful yang digunapakai di dalam proses pengunderaitan dilihat berkesan dalam menilai risiko yang dibawa oleh pemohon. Ia merupakan suatu pendekatan yang diambil di dalam industri takaful selagi ianya tidak bertentangan dengan nas syarak. Dalam hal ini, walaupun tiada hukum pada asalnya mengenai pendekatan pengunderaitan yang diamalkan,

⁵⁰ Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān al-ṣuyūṭī, *Al-Ashbah wa al-Nazā'ir fi Qawā'id wa Furu' Fiqh al-Syāfi'iyah* (Beirut: Dār al-Kutb al-'Ilmiyah, 2007), 101.

⁵¹ Ahmad bin Muhammad al-Zarqā', *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, 219.

namun selagi mana uruf yang digunakan dilihat tidak bercanggah dengan hukum syarak maka ianya boleh diterima.

Proses pengunderaitan yang diamalkan ini juga adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang bentuk kemudaratan. Syarikat akan memastikan peserta dan pemegang saham tidak terdedah kepada kemudaratan, ini sesuai dengan kaedah iaitu (الضرر يزال) yang bermaksud kemudaratan harus dihilangkan⁵² dan (لا ضرر ولا ضرار) yang bermaksud tidak mudarat dan tidak memudaratkan.⁵³ Berdasarkan kenyataan al-Zarqā', jumhur fuqaha berpandangan bahawa segala kemudaratan itu wajib dihapuskan.⁵⁴ Oleh itu, sebarang kemudaratan yang timbul dalam institusi takaful hendaklah diatasi oleh pihak syarikat bagi memastikan dana *tabarru'* berada dalam keadaan baik dan mengelak kemudaratan yang akan berlaku ke atas dana tersebut.

Malahan, dalam situasi tertentu seperti pemohon mempunyai masalah kesihatan yang serius atau sejarah kesihatan keluarga yang kurang baik, pengunderait akan mengenakan lebih caj terhadap pemohon. Keputusan pengunderait untuk mengenakan kadar *tabarru'* yang tinggi kepada pemohon yang berisiko tinggi selaras dengan kaedah fiqh iaitu (الضرر يدفع بقدر الإمكان)⁵⁵ dan (درء المفاسد أولى على جلب المصالح) yang bermaksud menolak kerosakan lebih utama daripada mengambil kemaslahatan. Apabila berlaku perkara yang membawa kemaslahatan dengan perkara yang membawa kerosakan, perlaksanaannya hendaklah diarahkan kepada mencegah kemudaratan.⁵⁶ Penyertaan pemohon yang berisiko tinggi akan menjejaskan kestabilan dana syarikat. Maka kemudaratan ini dibendung dengan mengenakan kadar *tabarru'* yang tinggi supaya dapat mengurangkan kemudaratan yang ditanggung oleh dana *tabarru'*.

⁵² *Ibid.*, 179.

⁵³ Abū Bakar Ahmad bin Husain, *Ma'rifah al-Sunan*, 305.

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ Ahmad bin Muhammad al-Zarqā', *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, 207.

⁵⁶ *Ibid.*, 205.

Kaedah fiqh (كل ما أمر بالمسلمين وجب أن ينفى عنهم) yang bermaksud apa sahaja yang memudaratkan kaum muslimin wajib dihindarkan terhadap mereka⁵⁷ adalah bertepatan dengan amalan syarikat takaful dalam mengurangkan risiko kebocoran dana. Oleh itu tindakan syarikat dalam mengeluarkan keputusan pengunderaitan (seperti standard, sub-standard dan *decline*) adalah tindakan yang bijak dalam mengurangkan kemudaratan yang ditanggung oleh syarikat. Tindakan yang dilakukan ini bukan hanya untuk melindungi kepentingan individu sahaja, malah ia juga turut melindungi kepentingan syarikat, pemegang saham dan juga peserta.

Tindakan syarikat takaful dalam mengelak daripada berlakunya kebocoran dana ini selaras dengan lafaz kaedah (كل متصرف عن الغير فعليه أن يتصرف بالمصلحة) yang bermaksud setiap orang yang menguruskan terhadap orang lain, ia hendaklah menguruskannya berdasarkan kemaslahatan.⁵⁸ Justeru itu, segala tindakan yang dilaksanakan hendaklah selaras dengan kepentingan masyarakat keseluruhannya, bukan untuk membawa kepada kemusnahan kepada orang ramai sama ada dari sudut kebendaan mahupun keagamaan.⁵⁹ Ia dapat disandarkan dengan firman Allah:

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Al-An‘ām 6: 152

Terjemahan: Dan janganlah kamu mendekati harta anak yatim melainkan dengan cara yang lebih bermanfaat.

Menurut Imam al-Qarāfi ayat di atas menyentuh berkaitan dengan penjagaan dan pengurusan anak yatim. Lantaran itu, segala pengurusan yang berkaitan dengan kaum muslimin dan masyarakat umum sangat dituntut supaya melaksanakannya berasaskan

⁵⁷ Abdul Latif Muda dan Rosmawati Ali, *Perbahasan Kaedah-kaedah Fiqh* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2000), 175.

⁵⁸ Ali Ahmad al-Nadwī, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1991), 365.

⁵⁹ *Ibid.*

kepada kemaslahatan.⁶⁰ Oleh itu, pengurusan takaful dalam melaksanakan proses pengunderaitan adalah berdasarkan kemaslahatan yang ingin dipelihara sejajar dengan tanggungjawab syarikat takaful sebagai pemegang amanah yang menguruskan segala dana-dana syarikat.

Selain itu, (الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف)⁶¹ bertepatan dengan amalan pengurusan risiko yang ditanggung oleh syarikat. Kaedah ini bermaksud kemudaran yang lebih berat dihilangkan dengan melaksanakan kemudaran yang lebih ringan. Contoh dalam faktor pekerjaan dan hobi, penetapan faktor-faktor ini dalam pemilihan risiko adalah untuk mengurangkan risiko dengan memilih risiko yang ringan dan menolak risiko yang berat. Dapat disimpulkan dalam hal ini, syarikat menanggung kemudaran yang lebih ringan apabila mengenakan bayaran tambahan kepada pemohon yang mempunyai dilihat mempunyai risiko yang tinggi.

Proses pengunderaitan yang diamalkan ini bertujuan menghindari daripada terjadinya kemudaran kepada dana takaful jika tidak dilindungi dengan baik. Proses ini juga merupakan suatu pengurusan risiko yang mana syarikat membuat penilaian terperinci sebelum menerima penyertaan individu ke dalam takaful bagi memastikan dana syarikat dalam keadaan stabil.

⁶⁰ *Ibid.*, 366.

⁶¹ Ali Ahmad al-Nadwī, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, 350. Lihat Ahmad bin Muhammad al-Zarqā', *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, 199.

4.5 KESIMPULAN

Industri takaful merupakan salah satu sektor perniagaan yang menawarkan manfaat perlindungan kepada orang ramai. Maka, syarikat takaful perlu memastikan dana risiko sentiasa dalam keadaan baik bagi mengekalkan kestabilan syarikat. Salah satu cara untuk memastikan syarikat dalam keadaan kukuh adalah dengan amalan proses pengunderaitan. Proses pengunderaitan dilakukan untuk menilai risiko pemohon. Faktor-faktor seperti umur, jantina, pekerjaan, tahap kesihatan dan sebagainya diambil kira dalam proses pengunderaitan untuk mengklasifikasikan risiko pemohon. Selain daripada itu, faktor-faktor tersebut juga akan dinilai bagi menentukan kadar *tabarru'* yang perlu disumbangkan oleh pemohon. Oleh itu, pemohon yang berisiko tinggi akan dikenakan kadar *tabarru'* yang tinggi begitu juga sebaliknya.

Penggunaan faktor-faktor pengunderaitan dapat dikaitkan dengan kaedah fiqh iaitu (الأصل في الأثنياء الإباحة) yang bermaksud asal sesuatu perkara itu adalah harus.⁶² Ia merujuk kepada keharusan yang diterima pakai apabila perkara tersebut tidak berlawanan dengan nas syarak. Proses pengunderaitan ini tidak menjadi masalah dari sudut fiqh kerana ia merupakan suatu keputusan perniagaan yang diguna pakai bagi mengurangkan risiko yang ditanggung. Kaedah fiqh (العادة محكمة)⁶³ dijadikan garis panduan syariah dalam amalan di syarikat takaful. Proses pengunderaitan yang diamalkan dalam takaful merupakan uruf dalam perniagaan insurans. Uruf dalam industri insurans untuk proses pengunderaitan dilihat berkesan dalam menilai risiko yang dibawa oleh pemohon. Ia merupakan suatu kebiasaan bagi manusia yang berlaku dalam industri dan tidak bertentangan dengan nas syarak. Dalam hal ini, tiada hukum pada asalnya, namun uruf yang berlaku tidak bercanggah dan boleh diterima.

⁶² Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān al-ṣuyūṭī, *Al-Ashbah wa al-Nazāir*, 101.

⁶³ Ahmad bin Muhammad al-Zarqā', *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, 219.

Proses pengunderaitan ini juga adalah untuk mengelak daripada berlaku kemudaratan. Syarikat akan memastikan peserta dan pemegang saham tidak terdedah kepada kemudaratan sesuai dengan kaedah iaitu (الضرر يزال) yang bermaksud kemudaratan harus dihilangkan⁶⁴ dan (لا ضرر ولا ضرار) yang bermaksud tidak mudarat dan tidak memudaratkan.⁶⁵ Keputusan pengunderait untuk mengenakan kadar *tabarru'* yang tinggi kepada pemohon yang berisiko tinggi selaras dengan kaedah fiqh iaitu (الضرر يدفع بقدر الإمكان).⁶⁶ Penyertaan pemohon yang berisiko tinggi akan menjejaskan kestabilan dana syarikat. Maka kemudaratan ini dibendung dengan mengenakan kadar *tabarru'* yang tinggi supaya dapat mengurangkan kemudaratan yang ditanggung oleh syarikat.

Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa proses pengunderaitan yang diamalkan dalam takaful tidak bercanggah dengan dengan prinsip syariah. Ini kerana, terdapat risiko yang perlu ditanggung oleh syarikat untuk memastikan dana syarikat dan dana *tabarru'* sentiasa dalam keadaan yang baik. Risiko ini dapat diminimumkan sekiranya langkah strategik diambil. Antara langkah yang boleh untuk mengurangkan risiko kekurangan dana syarikat adalah dengan menilai diri setiap pemohon melalui proses pengunderaitan.

⁶⁴ *Ibid.*, 179.

⁶⁵ Abū Bakar Ahmad bin Husain, *Ma'rifah al-Sunan*, 305.

⁶⁶ Ahmad bin Muhammad al-Zarqā', *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, 207.

BAB 5

KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan merumuskan dapatan kajian dan kesimpulan terhadap topik-topik yang telah dibincangkan dalam bab-bab yang terdahulu. Selain daripada itu, pengkaji turut melampirkan beberapa saranan kepada pihak-pihak tertentu sebagai penambahbaikan dalam proses pengunderaitan dalam industri takaful.

5.2 DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan dari bab-bab yang lepas, di dapati bahawa, pengunderaitan adalah salah satu bahagian yang paling penting dalam insurans dan takaful. Pertumbuhan dan kejayaan syarikat insurans dan takaful, sebahagian besarnya bergantung kepada aktiviti pengunderaitan yang dijalankan.¹ Pengunderaitan adalah suatu proses penilaian, pengkadaran dan pemilihan risiko. Pemilihan ini meliputi prosedur menilai maklumat dan laporan kesihatan untuk menentukan sama ada pemohonan yang dilakukan oleh pemohon diklasifikasikan sebagai standard, sub-standard atau ditolak. Kemudian, pengunderait akan menentukan kadar *tabarru'* yang perlu disumbangkan oleh pemohon. Kadar *tabarru'* ini ditentukan sesuai dengan risiko individu berdasarkan kepada penilaian yang telah dilakukan terhadap diri pemohon.

Dapatan daripada bab 2 dan 3, menunjukkan bahawa proses pengunderaitan yang diamalkan dalam industri insurans dan takaful adalah sama. Faktor umur, jantina,

¹ INCIEF, *Takaful: Reality and Challenge* (Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2012), 291.

kehidupan peribadi, pekerjaan, latarbelakang keluarga, hobi, dan tahap kesihatan turut diambil kira dalam proses pengunderaitan khususnya dalam produk takaful keluarga. Setiap faktor ini akan dinilai berdasarkan manual pengunderaitan yang ada di setiap syarikat takaful. Hasil temubual pengkaji bersama pengunderait mendapati bahawa faktor-faktor ini akan dinilai dengan teliti bagi memastikan kadar *tabarru'* dikenakan bersesuaian dengan risiko yang ada pada pemohon. Contohnya, bagi faktor pekerjaan, pengunderait akan menilai risiko pemohon dengan merujuk kepada kelas pekerjaan pemohon. Sekiranya pekerjaan pemohon tergolong di dalam kelas pekerjaan yang berbahaya, maka caj tambahan (*loading*) akan dikenakan. Bagi faktor sejarah perubatan, maklumat dan laporan kesihatan daripada doktor yang merawat juga diperlukan sekiranya pemohon mempunyai penyakit tertentu. Begitu juga dengan umur dan jantina, pengnderait akan merujuk pada jadual kemortalan yang mana ia menunjukkan kadar mortaliti individu meningkat dengan umur kerana semakin tinggi umur, semakin tinggi risiko kematian. Maka, faktor-faktor pengunderaitan ini penting bagi mengenalpasti risiko yang dibawa oleh pemohon. Oleh kerana itu, ia diambil kira dalam menentukan kadar *tabarru'* yang dikenakan kepada peserta.

Walau bagaimanapun, pengkaji barat seperti Joseph Heath berpandangan terdapat isu ketidakadilan dalam industri insurans bagi penggunaan beberapa faktor pengunderaitan seperti jantina dan sejarah kesihatan keluarga. Penggunaan faktor pengunderaitan ini dilihat suatu yang tidak adil untuk menilai risiko individu dengan merujuk suatu perkara yang diluar kawalan manusia seperti penetapan jantina. Begitu juga dengan latarbelakang keluarga yang merujuk kepada tahap kesihatan ibu bapa dan keluarga pemohon. Beliau menyatakan tidak adil untuk melihat tahap kesihatan keluarga pemohon kerana mereka bukan subjek yang perlu dilindungi dalam skim insurans tersebut.

Berdasarkan isu ketidakadilan yang timbul dalam industri insurans, pengkaji telah mendapatkan pandangan syariah terhadap penggunaan faktor-faktor pengunderaitan yang digunakan dalam menilai risiko pemohon seperti yang dinyatakan dalam bab 4. Dari sudut pensyariatannya, tiada perbincangan yang khusus berkaitan dengan amalan pengunderaitan ini dalam kalangan fuqaha'. Tetapi ia dapat dikaitkan dengan kaedah fiqh iaitu (الأصل في الأشياء الإباحة) yang bermaksud asal sesuatu perkara itu adalah harus.² Ia merujuk kepada keharusan yang diterima pakai apabila perkara tersebut tidak berlawanan dengan nas syarak. Proses pengunderaitan ini tidak menjadi masalah dari sudut fiqh kerana ia merupakan suatu keputusan perniagaan yang diguna pakai bagi mengurangkan risiko yang ditanggung.

Sebagai contoh, penggunaan faktor umur dan jantina dalam menilai risiko individu dilihat selaras dengan kaedah (الضرر يزال) yang bermaksud kemudaratan harus dihilangkan.³ Hal ini kerana proses pengunderaitan yang diamalkan dapat mengelak daripada kemudaratan yang akan berlaku ke atas dana risiko. Jika faktor umur dan jantina ini diabaikan, maka akan berlaku kekurangan dana untuk membayar segala tuntutan. Oleh itu, segala yang boleh mendatangkan kemudaratan ke atas dana *tabarru'* itu perlu dihilangkan.

Manakala keputusan pengunderait untuk mengenakan kadar *tabarru'* yang tinggi kepada pemohon yang berisiko tinggi selaras dengan kaedah fiqh iaitu (الضرر يدفع بقدر الإمكان).⁴ Penyertaan pemohon yang berisiko tinggi akan menjejaskan kestabilan dana syarikat. Maka kemudaratan ini dibendung dengan mengenakan kadar *tabarru'* yang tinggi supaya dapat mengurangkan kemudaratan yang ditanggung oleh

² Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān al-ṣuyūṭī, *Al-Ashbah wa al-Nazāir*, 101.

³ Ahmad bin Muhammad al-Zarqā', *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, 179.

⁴ *Ibid.*, 207.

syarikat. Dalam bab sebelumnya, pengkaji telah menerangkan caj tambahan yang dikenakan oleh pemohon adalah disebabkan risiko yang dibawa oleh pemohon adalah tinggi. Contohnya, mereka yang dikenakan kadar *tabarru'* yang tinggi disebabkan sejarah keluarga yang mempunyai penyakit diabetes.⁵ Sejarah kesihatan keluarga mempunyai kaitan dengan diri pemohon bagi membantu pengunderait membuat penilaian untuk mengklasifikasikan pemohon dalam kelas risiko tertentu. Sekiranya keluarga mempunyai penyakit keturunan, maka pemohon juga berkemungkinan mempunyai penyakit tersebut. Oleh itu, kadar *tabarru'* yang tinggi dikenakan kepada pemohon adalah bersesuaian dengan keadaan dan risiko pemohon. Ini juga menunjukkan elemen keadilan yang ada dalam industri takaful kerana bayaran sumbangan yang tinggi dikenakan disebabkan risiko yang akan ditanggung juga adalah tinggi. Allah berfirman:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُوْنُوْا قَوّٰمِيْنَ لِلّٰهِ شُهَدَآءَ بِالْقِسْطِ ۗ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ
 شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى اَلَّا تَعْدِلُوْا ۗ اَعْدِلُوْا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى ۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۗ اِنَّ اللّٰهَ
 خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿٨﴾

Al-Maidah 5: 8

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

⁵ Nik Rahimah Nik Husain, *Penyakit Keturunan*, 54.

Dalam ayat di atas Allah s.w.t memerintahkan hambanya untuk berlaku adil sesama manusia kerana adil itu menghampiri taqwa. Ini jelas membuktikan Islam meletakkan keadilan pada kedudukan yang tinggi dalam sistem perundangannya. Konsep keadilan juga turut diaplikasikan dalam industri takaful khusus pada proses pengunderaitan yang mengenakan bayaran *tabarru'* yang tinggi sesuai dengan risiko dan keadaan pemohon.

Jika pemohon membawa risiko yang tinggi, maka kadar *tabarru'* yang perlu disumbangkan perlu sepadan dengan risiko tersebut. Syarikat takaful juga akan melakukan penolakan permohonan terhadap risiko yang sangat tinggi. Penolakan permohonan ini berlaku apabila caj tambahan yang dikenakan masih tidak mencukupi untuk melindungi penyakit yang sedia ada. Maka, penolakan ini harus dilakukan untuk mengelakkan daripada berlakunya kebocoran dalam dana *tabarru'*. Hal ini selaras dengan kaedah fiqh (الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف) yang bermaksud kemudaratan yang lebih berat dihilangkan dengan melaksanakan kemudaratan yang lebih ringan.⁶ Masalah yang ingin dijaga adalah dana *tabarru'* dan *mafsadah* yang ditolak ialah kekurangan ke atas dana syarikat. Berdasarkan kenyataan oleh pengunderait dalam hasil temu bual yang dijalankan, individu yang berisiko tinggi seperti mereka yang mempunyai penyakit yang sangat kronik atau memiliki pekerjaan yang berbahaya, akan sentiasa melakukan tuntutan untuk mendapatkan perlindungan daripada takaful. Tuntutan yang sering dilakukan oleh pemohon menunjukkan risiko yang dibawa oleh mereka adalah tinggi.

⁶ Ali Ahmad al-Nadwī, *al-Qawāid al-Fiqhiyyah*, 350.

Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa proses pengunderaitan yang diamalkan dalam takaful tidak bercanggah dengan dengan prinsip syariah. Ini kerana, takaful merupakan salah satu institusi perniagaan yang turut perlu diberi perhatian terhadap kestabilan dana syarikat, pada masa yang sama dana *tabarru'* yang digunakan untuk membantu peserta takaful juga perlu dilindungi supaya tidak berlaku kekurangan. Maka risiko ini perlu ditanggung oleh syarikat bagi memastikan kedua-dua dana tersebut sentiasa dalam keadaan yang baik. Risiko ini dapat diminimumkan sekiranya langkah stategik diambil. Antara langkah yang boleh mengurangkan risiko kekurangan dana syarikat adalah dengan menilai diri setiap pemohon melalui proses pengunderaitan yang diamalkan dalam industri takaful pada masa kini.

5.3 KESIMPULAN

Industri takaful mengamalkan konsep kerjasama, lindung-melindungi dan tolong-menolong di antara setiap peserta yang menginginkan perlindungan dalam menghadapi kemungkinan malapetaka atau bencana. Usaha untuk mewujudkan kerjasama dan tolong-menolong ini selari dengan tuntutan Islam sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran. Firman Allah s.w.t:

تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Al-Maidah 5: 2

Terjemahan: Dan hendaklah kamu tolong-menolong membuat kebajikan dan bertakwa, dan jangan tolong-menolong pada melakukan dosa dan permusuhan.

Allah memerintahkan hamba-hambaNya yang beriman supaya tolong-menolong dan bekerjasama dalam melakukan kebaikan, iaitu perkara kebajikan dan menegah daripada tolong-menolong dalam perkara kebatilan, serta melarang mereka bantu-membantu dan bekerjasama dalam perkara yang haram dan juga dosa.

Dalam takaful, konsep tolong-menolong ini dapat dilihat apabila pemegang saham akan membantu menambahkan dana sekiranya berlaku kekurangan dalam tabung dana risiko. Selain itu, konsep tolong-menolong juga dapat diaplikasikan apabila wujud satu pakatan untuk mencarum ke dalam satu tabung yang akan membantu setiap peserta dalam takaful ketika ditimpa musibah.

Walaupun takaful mengamalkan konsep tolong-menolong, ia tetap merupakan institusi perniagaan yang turut menitikberatkan soal keuntungan dan kerugian syarikat. Bagi mengekalkan kekukuhan dana, syarikat akan memilih risiko yang mampu ditanggung untuk diberikan manfaat perlindungan. Risiko merupakan suatu ketidakpastian yang dapat menimbulkan kerugian. Kemungkinan suatu kejadian atau keadaan yang menggugat pencapaian dan sasaran organisasi, maka kemungkinan itu harus dihapuskan atau dielakkan melalui beberapa pendekatan. Oleh itu, langkah yang diambil oleh syarikat takaful untuk mengurangkan risiko adalah melalui amalan proses pengunderaitan.

Islam mengakui bahawa risiko adalah lumrah perniagaan. Islam turut mengakui bahawa risiko perniagaan dapat diminimumkan sekiranya diurus dengan baik. Proses pengunderaitan dilihat sebagai satu pengurusan risiko dalam industri takaful. Bagi mengelakkan daripada menanggung risiko yang lebih besar, syarikat takaful akan memilih permohonan individu yang tidak mendatangkan kemudaratan terhadap dana *tabarru'*. Hal ini adalah kerana sekiranya risiko tersebut mendatangkan kemudaratan

atau kerugian yang besar ia akan menjejaskan perjalanan syarikat seterusnya memberi kesan yang buruk terhadap dana risiko yang digunakan untuk melindungi peserta sekiranya ditimpa musibah.

Proses pengunderaitan yang diamalkan oleh industri insurans dan takaful adalah sama. Kedua-duanya turut mengambil kira faktor-faktor pengunderaitan dalam menilai risiko pemohon. Walaupun terdapat kajian barat yang berpandangan terdapat isu ketidakadilan dalam penggunaan faktor-faktor tersebut, tetapi amalan di dalam industri takaful melihat ia sesuatu yang tidak bercanggah dengan prinsip syariah. Ini kerana penggunaan faktor-faktor pengunderaitan merupakan keputusan dalam suatu perniagaan untuk menilai risiko pemohon. Pada masa yang sama, syarikat takaful sebagai pemegang amanah akan sentiasa melindungi dana *tabarru'* daripada kekurangan. Oleh kerana itu, faktor-faktor pengunderaitan digunakan untuk menilai risiko pemohon.

5.4 CADANGAN

Terdapat beberapa langkah yang dicadangkan untuk penambahbaikan dalam industri takaful khususnya pada proses pengunderaitan dalam kad perubatan. Langkah-langkah yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- Mengkaji faktor-faktor pengunderaitan dalam menilai risiko.

Faktor-faktor pengunderaitan yang digunakan dalam penilaian risiko perlu dikaji semula. Contohnya pengambilan minuman keras atau alkohol perlu dikaji semula. Penilaian alkohol berdasarkan kepada tujuan dan tahap penggunaan alkohol oleh pemohon. Pengambilan alkohol dapat mendatangkan kesan buruk terhadap kesihatan individu. Maka, bagi mengurangkan risiko yang perlu ditanggung oleh syarikat,

pengkaji berpendapat permohonan individu yang mengambil alkohol itu perlu ditolak khususnya mereka yang beragama Islam.

Pengharaman alkohol telah jelas diterangkan dalam al-Quran. Maka, ia adalah wajib dipatuhi larangan yang telah ditetapkan oleh Allah. Penerimaan mereka dalam takaful dilihat seolah-olah syarikat turut bersubahat terhadap kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

- Memperketatkan syarat-syarat penyertaan.

Memperketatkan syarat-syarat penyertaan ini bagi mengurangkan risiko yang ditanggung oleh syarikat dalam masa yang sama memupuk individu yang mengamalkan gaya hidup yang sihat. Dalam kes merokok, terdapat syarikat yang mengenakan caj tambahan sekiranya pemohon menghisap rokok sebanyak 36 batang sehari. Pengkaji mencadangkan syarikat perlu memperketatkan syarat untuk meluluskan permohonan ini dengan meminimumkan jumlah batang rokok sehari kepada bilangan yang lebih rendah.

Ini menunjukkan syarikat takaful tegas terhadap pemohon yang merokok. Walaupun telah diberikan kesedaran mengenai bahaya merokok namun masih ada lagi individu yang tidak menghiraukannya. Oleh sebab itu, syarikat takaful diharap dapat memberi peranan dalam memperketatkan syarat minimum rokok yang dibolehkan oleh pemohon supaya ia dapat menunjukkan bahawa syarikat juga turut memandang serius terhadap risiko kesihatan yang akan dialami oleh perokok.

- Melengkapkan Maklumat dalam Borang Soal Selidik.

Borang cadangan perlu diisi dengan lengkap oleh pemohon. Sekiranya pemohon telah menghidap penyakit tertentu, mereka akan dibekalkan dengan satu set soal selidik yang berkaitan dengan penyakit pemohon untuk diisi oleh doktor yang memeriksa. Walau

bagaimanapun, sering kali terjadi borang soal selidik itu diisi tanpa keterangan yang lengkap daripada doktor. Doktor hanya mengisi borang tersebut tanpa menghuraikan dengan lebih terperinci tentang jenis ubat yang diambil oleh pemohon, laporan kekerapan pemohon dalam menerima rawatan terhadap penyakit tersebut dan tahap disiplin pemohon dalam menjalani pemeriksaan terhadap penyakit yang dialami. Perkara-perkara seperti itu adalah amat penting bagi pengunderait untuk mengetahui status penyakit yang dialami oleh pemohon.

Oleh itu, pihak berkaitan perlu menerangkan kepada pemohon agar borang soal selidik yang perlu diisi oleh doktor perlu dilengkapi dengan keterangan yang terperinci mengenai penyakit tersebut untuk memudahkan pengunderait menilai diri pemohon.

PENUTUP

Proses pengunderaitan yang diamalkan dalam industri takaful adalah untuk menilai risiko setiap pemohon. Proses ini juga membantu dalam menentukan kadar *tabarru'* peserta. Penggunaan faktor-faktor seperti umur, jantina, latarbelakang keluarga, hobi dan sebagainya yang digunakan dalam menilai risiko pemohon merupakan suatu keputusan dalam perniagaan takaful untuk melindungi dana syarikat dan juga dana risiko yang digunakan untuk membayar segala tuntutan yang dilakukan oleh pemohon.

Walaupun terdapat pandangan dari kajian-kajian barat tentang ketidakadilan dalam menggunakan beberapa faktor pengunderaitan bagi menilai risiko pemohon dalam industri insurans, tetapi amalan yang dilakukan pada masa kini dilihat ada unsur keadilan. Pengkaji berpandangan keadilan yang dinyatakan dalam kajian barat itu adalah kesamarataan. Tetapi di dalam Islam, adil itu membawa maksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Ini selaras dengan elemen keadilan dalam amalan pengunderaitan iaitu pemohon akan dikenakan kadar *tabarru'* sepadan dengan risiko yang dibawa oleh pemohon.

Secara kesimpulannya, pengunderaitan dalam syarikat takaful menepati prinsip syariah. Walau bagaimanapun, terdapat juga pelaksanaannya yang perlu diperbaiki terutamanya dalam beberapa faktor pengunderaitan, dilihat ada kelonggaran syarat penyertaan untuk individu yang berisiko.

Pengkaji mengharapkan analisis dan penemuan dalam kajian ini dapat memberikan impak dan manfaat positif kepada pelaksana dasar, penyelidik dan masyarakat dalam proses pengunderaitan serta dapat meningkatkan kesedaran mengenai tahap kesihatan yang akan mempengaruhi kadar bayaran sumbangan peserta.

BIBLIOGRAFI

Buku Bahasa Arab

Abū Fatah Abū Ghudah, Sunan An-Nasāi. Syarh Hāfiz Jalāl al-Dīn al-Sayūṭī wa Hāsyiah al-Imām al-Niddi. Beirut: Maktab al-Matbā‘ah Islāmiyyah, 1994.

Abū Sattar Abū Guddah, *Buhuth fi al-Mu‘āmalat wa al-Asālib al-Masrifiyah al-Islāmiyah*. Dallah al-Barakah, 2008.

Al-Baihāqī, Abī Bakar Ahmad bin Husain. *al-Jāmi’ lī Shu’bi al-Imān*. Riyād: Maktabah al-Rushd, hadis 1161, jil. 2. 2003.

Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Abdul al-Rahmān. *Al-ashbah wa al-nazāir fi qawā'id wa furū' fiqh al-shāfi'iyah*. Beirut: Dar al-Kutb al-‘Ilmiyah, 2007.

Buku Bahasa Melayu

Ahamd Mazlan Zulkifli et al. *Asas Amalan Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2012.

Armin Azhari. *Penyalahgunaan Dadah*. Petaling Jaya: Pan Earth Sdn Bhd, 1993.

Azman Ismail & Kamaruzaman Abdullah. *Takaful Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: The Malaysian Institute & Takaful Nasional Sdn. Bhd., 2000.

Harmy Mohamed Yusoff. *Merokok Ketagihan yang Harus Dihentikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Hendon Redzuan et. al. *Risiko dan Insurans*. Kuala Lumpur: Person Malaysia Sdn. Bhd., 2005.

Irwan Shah. *Panduan Menjaga Kesihatan Fizikal dan Mental*. Batu Caves: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd., 2002.

Joni Tamkin Borhan. “Prinsip Syariah dalam Perniagaan Takaful di Malaysia,” dalam *Sistem Takaful Di Malaysia*, ed. Asmak Ab Rahman et al. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008.

Lim Chee Chee. *Pengurusan Risiko dan Insurans*. Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2003.

Mohd Azhar Abdul Hamid et al. *Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2001.

Mohd Fauzi Abu dan Kamaruzaman Nordin. “Perkembangan dan Prospek Industri Takaful Global,” dalam *Sistem Takaful di Malaysia Isu-isu Kontemporari*, ed. Asmak Ab. Rahman et al. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.

Mohd Fazli Yusuf. *Takaful Sistem Insurans Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1996.

Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Mohd Sheffie Abu Bakar. *Metodologi Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

Mohd Yahya mohd Hussin et al. “Konsep Isu dan Operasi Retakaful dalam Industri Insurans”, dalam *Sistem Takaful Di Malaysia*, ed. Asmak Ab. Rahman et al. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008.

Muhammad Hisyam Mohamad. “Perbandinag Kontrak Takaful dan Insurans,” dalam *Sistem Takaful di Malaysia Isu-isu Kontemporari*, ed. Asmak Ab. Rahman et al. Kuala Lumpur :Universiti Malaya, 2008.

Nik Rahimah Nik Husain. *Penyakit Keturunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Sabitha Marican. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2005.

Sobri Salamon. *Ekonomi Islam: Pengenalan Sistem dan Kemungkinan*. Selangor: al-Rahmaniah, 1989.

Wan Marhaini Wan Ahamad et al. “Elemen Riba dan Gharar dalam Insurans”, dalam *Sistem Takaful Di Malaysia*, ed. Asmak Ab. Rahman et al. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008.

Idris Awang. *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001.

Buku Bahasa Inggeris

Arthur Williams, Michael L. Smith dan Peter C. Young. *Risk Management and Insurance*, ed. ke-8. New York: Irwin McGraw Hill, 1998.

Athearn, James L. *Risk and Insurans*. New York: West Publishing Co., 1997.

Bernard L. Webb, Connor M. Harrison dan James J. Markham. *Insurance Operation*, ed. ke-2. Malvern: American Institute for Chartered Property Casualty Underwriter, 1997.

D S Hansell. *Introduction to Insurance*, ed. ke-2. Britain: Headway Press Ltd Reading, 1999.

Edward E. Graves, ed. *McGill's Life Insurance*. Bryn Mawr, Pa.: The American College, 1994.

El-Gamal MA. *Islamic Finance Law, Economics and Practice*. Cambridge: Cambridge University Press, 2006.

Eric A. Wiening et al. *Personal Insurance*. America: American Institute for Chartered Property Casualty Underwriters/Insurance Institute of America, 2002.

INCIEF. *Takaful: Reality and Challenge*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2012.

Judy Feldman Anderson dan Robert L. Brown. *Risk and Insurance*, ed. ke-2. USA: Education and Examination Committee of the Society of Actuaries, 2005.

Mark S. Dorfman. *Introduction to Risk Management and Insurance*, ed. ke-8. New Jersey: Pearson Prentice Hall, 2004.

Michael L. Pollock & Jack H. Wilmore. *Exercise in Health and Disease: Evaluation and Prescription for Prevention and Rehabilitation*, ed. ke-2. Philadelphia: W. B Saunder Company, 1990.

Muhammad Nejatullah Siddiqi. *Muslim Economic Thinking: A Survey of Contemporary Literature*. Leicester: The Islamic Foundation, 1981.

Tobias Frenz et al. *Takaful and Retakaful: Advanced Principles & Practice*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2010.

Trieschmann James S & Gustavson Sandra G., *Risk Management & Insurance*. Ohio: South-Western College Publishing, 1998.

Vaughan, E. & Vaughan T., *Fundamentals of Risk and Insurance*. New York: John Wiley and Sons, 2003.

_____ *Essential of Insurance: A Risk Management Perspective*.
USA: John Wiley & Sons, INC., 1995.

Vaughan, E. J. *Risk Management*. New York: John Wiley & Son, Inc., 1997.

Jurnal

Apnizan Abdullah dan Hakimah Yacoob, "Legal and Shariah Issues in the Application of Wakalah-waqf Model in Takaful Industry: An Analysis," *Social and Behavioral Sciences* 65, (2012), 1040-1045.

Asmak Ab Rahman et al, "Can a Takaful Company Reinsure with a Reinsurance Company?," *African Journal of Bussiness Management* 5, no. 30 (2011), 11768-11778.

Asmak Ab. Rahman dan Wan Marhani Wan Ahmad, "The Concept of Waqf and Its Application in an Islamic Insurance Product: The Malaysian Experience," *Arab Law Quarterly* 25, (2011), 203-219.

Asmak Ab. Rahman et al., "Insurability and Suicide: Shariah Issues in Underwriting," *Social and Behavioral Sciences* 65, (2012), 593-601.

Azman Mohd Noor (2009), "A Shariah Compliance Review on Investment Linked Takaful in Malaysia," *Islamic Economic Studied* 17, no. 1(2009).

Azman Mohd Noor dan Mohamad Sabri Zakaria, "Takaful: Analisis Terhadap Kontrak dan Akad," *Jurnal Muamalat* 1, no. 3 (2010), 1-28.

Benjamin Schatz, "The AIDS Insurance Crisis: Underwriting or Overreaching?," *JSTOR* 68, no. 4 (1990), 1782-1805.

Bin Gao & Ramon Bataller, "Alcoholic Liver Disease: Pathogenesis and New Therapeutic Targets," *Gastroenterology* 141(2011).

Daniel E. Palmer, "Risk Assesment and Fairness: An Ethical Analysis." *In Insurance Ethics for a More Ethical World* (Elsevier Ltd, 2007), 113-126.

Haemala Thanasegaran, "Growth of Islamic Insurance (Takaful) in Malaysia: a Model for The Region?," *Singapore Journal of Legal Studies*, (2008).

Joseph Heath, "Reasonable Restrictions on Underwriting," *Research in Ethical Issues in Organizations, Volume 7*, (2007), 127-159.

Mohamad Adam Bujang et.al, "Mortality Rate by Specific Age Group and Gender in Malaysia: Tren of 16 Years, 1995-2010," *Journal of Health Informatics in Developing Countries* 6, (2012).

Mohammed Burhan Arbouna, "The Operation of Retakaful (Islamic Reinsurance) protection," *Arab Law Quarterly* 15, no. 4 (2010), 335-362.

Mohd Izhar Ahmad, et. al, "Problems and Prospects of Islamic Banking: a Case Study of Takaful", *Munich Personal RePEc Archive*, no. 22232 (2010).

Nasrul Hisyam Nor Muhamad, "Pemakaian Prinsip Hibah dalam Sistem Kewangan Islam Malaysia: Tumpuan Kepada Industri Perbankan Islam dan Takaful", *Jurnal Teknologi*, (2010).

Norman Daniels, "Insurability and The HIV Epidemic: Ethical Issues in Underwriting," *JSTOR* 68, no. 4 (1990), 497-525.

Patrick L. Brockett, *The Genetics Revolution*, "The Genetics Revolution, Economics, Ethics and Insurance." *Journal of Business Ethic* 16 (1997).

Syahida Abdullah, "Risk Management via Takaful from a Perspective of Maqasid of Shariah," *Procedia- Social and Behavioral Sciences* 65, (2012), 535-541.

Wouter P. J, "Insurance Risk Classification in The EC: Regulatory Outlook." *Oxford Journal of Legal Studies* 14 (1994), 449-467.

Kertas Persidangan

Mohamad Akram Laldin (2007), 'Takaful dan Takaful Semula: Perbincangan Beberapa Isu dan Fatwa Pilihan', (Muzakarah Kewangan Islam ke-2, Kuala Lumpur).

Roslinah Daud, "*Underwriting Family Schemes*", ICMIF Takaful. (2009).

Shahida Abdullah (2012), "The Objectives of Shariah (Maqasid Syariah) in Takaful Highlighting The Noble PracticeTakaful", (International Conference on Management, Economics and Finance, Hilton Hotel, Kuching, Sarawak, 15-16 oktober 2012).

Sheila Nu Nu Htay, et al. (2011) "Shariah Scholars' Viewpoint on The Practice of Underwriting and Rating for Individual Participants in Family Takaful", (International Islamic Banking, Finance and Investment Conference, 19-20 Disember 2011).

Suraiya Hashim et al., "The Element of Gambling in Conventional Insurance and Takaful" dalam Reinforcement and Economic Transformation & Islamic Finance (seminar proceeding Islamic Economics and Finance, Department of Public Economic and Finance, Faculty of Economics, University Utara Malaysia, 29-30 Ogos 2005).

Temu Bual

Fadzuin Karuddin (Underwriter, Operation & IT, Great Eastern Takaful), 13 Februari 2014, 2.10 petang di Great Eastern Takaful.

Hazlinda Yahaya (Assistant Vice President-Head, Medical/Health Operations Takaful Ikhlas Sdn. Bhd), 8 Januari 2014, pukul 4.00 petang di Takaful Ikhlas.

Luqman Abdullah, (Member of Shariah Committee, MAA Takaful Berhad), 5 Mac 2014, pukul 2.05 petang di Universiti Malaya.

Maisara Sasi Abdullah (Executive Manager-Family Underwriting, MAA Takaful Berhad), dalam temubual dengan pengkaji, 10 Januari 2014, pukul 10.00 pagi di MAA Takaful.

Mohamad Nizam Abdul Hamid (Assistant Manager, New Business & Underwriting & Policy Servicing, Sunlife Malaysia Takaful Berhad), 30 Januari 2014, pukul 10.00 pagi di Sunlife Malaysia Takaful Berhad.

Mohd Bakir Haji Mansor, (Internal Research Fellow, IBFIM), 21 Februari 2014, pukul 11.30 pagi di Islamic Banking & Finance Institution Malaysia.

Najihah Ali (Shariah Review, Governance & Shariah Department, MAA Takaful Berhad), 28 Ogos 2013, pukul 3.00 petang di MAA Takaful.

Noorulaini Yasin (Senior Executive, Great Eastern Takaful), 13 Februari 2014, pukul 2.10 petang di Great Eastern Takaful.

Wan Jemizan Wan Deraman (Ketua, Jabatan Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd), 3 Mac 2014, pukul 9.00 pagi di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Laman Web

“Alcohol” laman sesawang *National Institute on Drug Abuse*, dicapai 30 Mac 2014, <http://www.drugabuse.gov/drugs-abuse/alcohol>.

“Bahaya Merokok”, laman sesawang *Bahagian Pendidikan Kesihatan*, dicapai 10 Februari 2014 <http://www.infosihat.gov.my/infosihat/isusemasa/Bahaya%20Merokok.php>.

“Jangka hayat”, laman sesawang *Jabatan Perangkaan Malaysia*, dicapai 2 Disember 2013, http://www.statistics.gov.my/portal/download_Population/files/Abridged/Jadual_Hayat_Ringkas_Malaysia_2009-2011.pdf

“Jepun Ranap,” laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 29 Julai 2013, [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Jepunranap/Article/..](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Jepunranap/Article/)

“Lebih dana peserta,” laman sesawang *Bank Negara Malaysia*, dicapai 23 April 2013, http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_press&pg=bm_press_all&ac=1512&lang=bm.

“Misteri Pendarahan Berterusan”, laman sesawang *Kosmo Online*, dicapai 26 Mac 2014, <http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0428&pub=Kosmo&sec=RencanaUtama>

“Perkhidmatan Insurans Berkumpulan”, laman sesawang *Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad*, dicapai 26 Mac 2014, <http://www.katmb.com.my/Perkhidmatan/Insurans/Berkumpul.asp>

“Produk Investmen-link,” laman sesawang *Fatwa Malaysia*, dicapai 26 April 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-ke-atas-produk-investment-link-menurut-islam>.

“Sakit Jantung”, laman sesawang *Jabatan Penerangan Malaysia*, dicapai 1 April 2014, <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/606-sakit-jantung.html>.

“Takaful Operator” laman sesawang *Bank Negara Malaysia*, dicapai 20 Mac 2013, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=TKF&fund=0&cu=0>.

Bank Negara Malaysia, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam dicapai pada 25 April 2013, http://www.bnm.gov.my/microsites/financial/pdf/resolutions/shariah_resolutions_2nd_edition_EN.pdf.

Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia no: 53/DSN-MUI/III/2006 tentang tabarru’ pada Asuransi Syariah.

Guideline on Occupational Classification for Medical Insurance
[Guideline%20on%20Occupational%20Classification%20for%20Medical%20Insurance%20\(Apr%202005\).pdf](#)

Underwriting Overview, Reference Guide to Prudential’s Underwriting, laman sesawang, http://www.prudential.com/media/managed/liu/Underwriting_Overview.pdf.